



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

Shah Alam, 01 April 2011 (Jumaat)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

YB Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)

(Tuan Speaker)

YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim

PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)

(Dato' Menteri Besar Selangor)

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali

DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)

(Timbalan Speaker)

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)
YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)
YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)
YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)
YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)
YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)
YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)
YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)
YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)
YB Tuan Edward Lee Poh Lin
YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)
YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)
YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)
YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)
YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)
YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)
YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)
YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)
YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)
YB Tuan Hasiman bin Sidom, PJK
YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)
YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim, DPSM., AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

TIDAK HADIR

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

YB Tuan Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
PJK. (Sungai Panjang)
(Bercuti menunaikan Umrah)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

YB Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Mohamad Yasid bin Bidin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha I

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais
Penolong Setiausaha III

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Abd. Halim bin Abd. Rahman
BENTARA

Encik Ahmad Hafizan bin Yusof
PENOLONG BENTARA

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah
PELAPOR PERBAHASAN

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Dewan disambung semula.

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Yang Kedua Belas dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Mesyuarat Kedua pertanyaan-pertanyaan, sambungan.

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

YB. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA : Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 43.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: LOMBONG SRI MANJA

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan seterusnya terhadap pemilik lombong Sri Manja, PJS 3 setelah didapati melanggar syarat penimbunan lombong?
- b)
- c) Bagaimana permohonan menukarkan bekas lombong tersebut kepada tapak rekreasi di kawasan Taman Medan yang tiada kawasan hijau dan rekreasi?

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker dimaklumkan bahawa pihak Pejabat Daerah/Tanah telah mengeluarkan surat secara pentadbiran kepada pihak pemaju supaya mematuhi dan tidak membuat sebarang pelanggaran aktiviti atau perkara yang dibenarkan di bawah Kanun Tanah Negara seperti yang tertulis di dalam syarat nyata tanah. Sekiranya terdapat pelanggaran syarat nyata tanah tersebut tindakan di bawah Kanun Tanah Negara akan diambil oleh Pejabat Daerah dan Tanah Petaling ke atas pemilik tanah. Selain daripada itu, Majlis melalui Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Kesihatan Persekitaran juga telah mengeluarkan surat arahan agar pemaju memberhentikan kerja-kerja penimbunan tersebut. Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Tasik Lombong PJS3 yang dipengerusikan oleh Ahli Majlis Encik Dereck John Fernandez mesyuarat telah bersetuju bahawa Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan MBPJ untuk menjalankan pemeriksaan secara berkala di kawasan tersebut bagi memantau keadaan di tapak, sama ada arahan dipatuhi oleh pemaju. Sepanjang pemantauan yang dijalankan didapati keadaan di atas tapak adalah terkawal. Mesyuarat juga bersetuju bahawa sebuah CCTV bergerak di pasang di kawasan tersebut untuk tujuan pemantauan secara statik.

Berhubung dengan permohonan penyediaan tapak rekreasi di kawasan Taman Medan, kawasan tasik lombong Taman Sri Manja ini adalah merupakan hak milik persendirian yang telah mendapat hak milik daripada Kerajaan Negeri. Pihak Majlis hanya boleh mensyaratkan kepada pemaju bagi menyediakan kemudahan awam sebanyak 10% daripada jumlah kawasan tapak seperti yang disyaratkan di kebenaran merancang. Dalam kelulusan merancang juga, Majlis akan mensyaratkan Kajian Impak Alam Sekitar kepada pihak pemaju sebelum apa-apa pembangunan yang akan dijalankan.

TUAN SPEAKER : Ya, Taman Medan.

YB. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, Taman Medan.

YB PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA : Taman Medan ingin mengetahui sama ada cadangan untuk mengadakan tapak rekreasi itu merupakan satu yang *priority* ataupun utama memandangkan bilangan penduduk yang terletak di kawasan tersebut dengan kawasan lapang yang ada tidak memenuhi piawaian bagi sebuah bandar raya yang mengamalkan LA21. Jadi Taman Medan ingin mengetahui sama ada Kerajaan Negeri akan mengesyorkan kepada pihak pemaju yang memiliki tanah di tapak lombong tersebut untuk mengadakan kemudahan tersebut iaitu tapak rekreasi, terima kasih.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Taman Medan. Buat sementara ini kawasan tersebut iaitu di bawah hak milik persendirian, apabila timbusan telah tamat sebenarnya tidak disyorkan apa-apa aktiviti dijalankan di atas tapak. Walau bagaimanapun, saya akan syorkan kepada pihak MBPJ bersama dengan Jabatan Alam Sekitar untuk mengkaji dan juga memantau tapak tersebut iaitu kajian *gas emission* dan kalau selepas 6 sampai 12 bulan terdapat *emission* yang kalau kurang ataupun tiada *emission* yang membahayakan maka memang cadangan Taman Medan untuk membuka sebahagian tapak tersebut untuk menjadikan tapak rekreasi akan diambil.

TUAN SPEAKER: Teluk Datuk

YB TUAN PHILIP TAN CHOON SWEE: Tuan Speaker, soalan nombor 44.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN PHILIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : GERAN TANAH

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sehingga kini, berapakah geran tanah yang telah diberi di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor?
- b) Apakah kriteria-kriteria untuk mendapat geran tanah?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, YB. dari Teluk Datuk telah membangkitkan perkara geran tanah dan sehingga kini berapa geran tanah yang dikeluarkan. Kemudian apakah kriteria untuk mendapat geran tanah. Proses mengeluarkan geran tanah ialah

berperingkat. Buat masa ini permohonan yang diterima ialah sejumlah 388 yang telah di dalam proses:

Klang	-	20
Sabak Bernam	-	58
Gombak	-	66
Hulu Selangor	-	56
Petaling	-	29
Hulu Langat	-	64
Kuala Selangor	-	39
Kuala Langat	-	23
Sepang	-	33

Tetapi ada tiga (3) proses yang penting:

- 1) Apabila mereka telah mendapat peruntukan Seksyen 43 Kanun Tanah Negara telah diluluskan pemilikan tanah. Jadi maknanya pemilikan tanah boleh dikeluarkan menurut Seksyen 76, maknanya sah orang ini boleh diberikan pemilikan tanah.
- 2) Mereka membayar premium, kalau tak bayar premium tak dapat pemilikan tanah.
- 3) Mereka juga mesti mengemukakan Sijil Akuan Ukur untuk mengukur tanah itu. Ada kalanya bila permohonan dibuat, sudah diukur. Tetapi dia dipanggil ada pengukuran itu dibuat secara makro sahaja, maknanya tidak berapa tepat. Kemudian ada yang dipanggil ukur halus. Walau bagaimanapun, untuk menyenangkan pembeli, penerima geran itu kita menerima ukuran walaupun tidak seratus-peratus tepat, tetapi 95% tepat kita mengemukakan, dia mesti mendapat Sijil Akuan Ukur dari Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung. Maknanya *either public or private surveyor can view*.

Jadi ada premium dibayar, ukur dibuat dan kelulusan dari EXCO. Jadi tiga-tiga tu mesti ada sebelum geran dikeluarkan dan Kerajaan Negeri telah membuat beberapa perakuan tentang berapa lama mesti diselesaikan selepas dapat ketiga-tiga itu. Jadi ada *target* yang telah dibuat, ada *target* tidak lebih daripada satu bulan. Ada juga *target* tidak lebih daripada satu minggu. Jadi dia ada dia punya ukuran kecekapan. Dan akhir sekali saya nak ingatkan apabila Notis 5A itu diberi, bererti pemberi milikan dalam proses dan bila kertas itu tidak dibuat oleh, apa-apa yang penerima milik dalam masa 2 tahun. 2 tahun, kita bukan bagi 3 bulan, 3 bulan itu untuk pembayaran, tetapi dalam masa 2 tahun dia tidak membuat apa-apa dan tidak membuat apa-apa pembayaran dalam bahasa Inggerisnya *the offer lacks* maknanya tawaran Kerajaan Negeri itu tidak lagi mempunyai kuasa. *The offer lacks* maknanya tak ada lagi dia boleh. Jadi walaupun ada kalanya oleh sebab keadaan mereka berfikir mereka perlu meminta tetapi dua keputusan boleh dibuat; satu tidak diberi, satu diberi tetapi mengikut kiraan ataupun penilaian yang baru. Itu sebab kita ingatkan siapa yang dapat Borang 5A, mesti mengambil tindakan segera. Terima kasih.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : ADUN Bangi ingin tahu penukaran status tanah pertanian. Kadang-kadang ada yang diberi geran tetap, ada setengah 99 tahun, mengapa terjadi sedemikian.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Pada dasarnya tanah-tanah ada yang dipanggil *free hold* maknanya yang *free hold* itu mempunyai status hak milik berterusan *that is the free hold*. Kemudian yang kedua dipanggil *lease hold*. Tetapi pada kebiasaannya, kebiasaannya bukan untuk Kerajaan di Negeri Selangor sahaja. Apabila terdapat pertukaran pemilikan dari *free hold*, pemilikan Kerajaan Negeri biasanya tidak lagi memberikan status *free hold*. Itu sebabnya kerana, tidak banyak negara dalam dunia ini ada konsep *free hold*, tak ada. Dia tukarkan menjadi *lease hold*, tetapi pada dasarnya, Dasar Jawatankuasa Tanah Negara dia tidak sewenang-wenangnya menukarnya, jadi dia ada proses yang, *free hold* pertukarannya tidak jadi masalah sebab dia terus sahaja boleh diurus niaga, tetapi *lease hold* mestilah melalui proses kelulusan dari pihak berkuasa maknanya negeri. Jadi itu status yang berlaku. Kemudian itu mengenai tanah.

Tapi perkara kedua, tanah pertanian untuk ditukar menjadi kegunaan yang lain juga mendapat kelulusan yang lain. Umpamanya tanah pertanian nak ditukar menjadi tanah perumahan ataupun tanah komersial itu mendapat kelulusan yang lain. Yang paling penting boleh jadi ahli dewan tak berapa melihat. Yang paling penting ialah dalam kelulusan tersebut ialah perancangan. Perancangan kegunaan tanah. Itu sebab draf pelan perancangan yang dikeluarkan oleh Perancang dan setiap Pihak Berkuasa Tempatan ada pelan (draf pelan) itu yang menentukan sama ada kegunaan tanah itu dibenarkan daripada pertanian ataupun perumahan ataupun komersial. Boleh jadi ada tanah dalam kawasan tersebut masih lagi pertanian tetapi kalau dalam draf pelan itu dah dimasukkan sebagai perumahan ataupun komersial, dia dengan senang saja boleh dibuat pertukaran. Tetapi kena membayar premium yang lain. Itu saja. Tapi kalau dia dalam kawasan pertanian tapi dalam kawasan pertanian (dalam draf pelan itu kawasan pertanian), tapi dia rasa dia nak buat perumahan, yang itu biasanya tidak dapat kelulusan walaupun dia rasa dia tanah ini sesuai untuk apa yang dipanggil kegunaan lain. Jadi oleh sebab itu, banyak permohonan berlaku ialah apabila mereka memohon di tempat yang tidak boleh diberikan kelulusan dan kalau itu berlaku Exco (Kuasa negeri melalui Exco) boleh membuat ketetapan yang berbeza. Tapi kalau selalu ketetapan yang berbeza maknanya draf pelan tidak boleh digunakanlah. Itu sebab pada dasarnya apabila kita membuat draf pelan itu terdapat apa yang dipanggil *public hearing*. Jadi orang pergi datang protes tempat ini sepatutnya pertanian, apa semua dan habis *public hearing* itu baru draf pelan itu dipamerkan. Tapi itu proses-proses yang saya rasa ada kekeliruan maknanya asal dapat tanah itu boleh digunakan dengan apa-apa. Tak boleh. Dia ada dua. Satu dapat geran, kedua penggunaan tanah yang prosesnya agak berbeza.

TUAN SPEAKER : Sabak.

YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL : Terima kasih, Tuan Speaker. Di Sabak Bernam khususnya di Kampung Baru Nelayan. Ramai daripada penduduk yang telah membayar premium tanah tersebut tetapi sehingga hari ini geran tanah masih belum lagi dikeluarkan. So, saya ingin mendapat penjelasan *target* Kerajaan Negeri berapa lamakah geran tanah tersebut boleh dikeluarkan? Terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Dato' Speaker, saya tidak dapat maklumat yang terperinci mengenai ini. Kalau tidak saya boleh jawab. Tapi pada dasarnya yang saya lihat

sebab saya *survey*, ukur halus ataupun ukur *surveyor* itu tak berapa tepat. Maknanya saya nak terangkan satu daripada masalah yang lepas ialah kita bagi tanah berpetak-petak tapi dalam pemberian tanah itu kita tidak mengambil kira tentang longkang, tentang longkang yang dibuat, jalan yang nak dibuat. Jadi apabila orang buat rumah, dia tak ikut itu esok ada banjir, ada masalah itu. Itu sebab saya panggil semua. Kita boleh bagi tanah tapi jangan kita tidak ambil perkara infrastruktur itu. Jadi kalau kita nak buat jalan, maknanya kita kena buat jalan. Takkan kita boleh jalan bengkok-bengkok mengikuti rumah? Jadi itu sebab, mula saya kata kalau ini tidak kita terangkan kepada pemilik tanah sudah tentulah pembangunan kawasan-kawasan itu akan melibatkan banyak masalah. Saya tahu dekat Sabak Bernam, tu saya tanya dah buat parit ke belum? Jadi peruntukan untuk parit. Jadi jawapan kita adakah orang yang mendapat tanah itu rugi? Hasil daripadanya? Tidak. Dia tak payah bayar premium untuk tanah yang diambil untuk kegunaan perkara tersebut. Tapi yang saya nak terangkan saya nak minta Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah turun padang. Tunjukkan pada masyarakat ini permohonan dan ini yang mesti kita tolong. Ada juga protes la sebab orang yang dekat depan kena buat jalan, orang yang dari belakang boleh tumpang saja. Jadi kita mesti adalah kerjasama supaya perkara ini dapat diselesaikan. Tapi *target* saya, dia tidak boleh lebih daripada tiga bulan. Tapi sekarang bertahun-tahun.

Dan insya-Allah kalau pada dewan yang akan datang saya nak tunjukkan satu sistem *data bank on a web*. Jadi kalau yang berhormat ada *title number*, terus saja yang berhormat boleh tengok dalam komputer dia punya gambar, dia punya pelan, dia punya apa untuk seluruh 1.3juta *title*. Ini tengah dibuat. Sebab dulu fail terlalu banyak hilang dan bila saya tanya kenapa tak siap, belum jumpa fail. Saya kata saya pergi jumpa lagi sekali kenapa tak siap? Belum jumpa fail. Saya cakap saya jumpa lagi sekali, tak jumpa fail dia pun saya tak nak jumpa. Dia tak usah duduk dekat pejabat tersebut. Jadi itu sebab saya nak selesaikan. Masalah ini berlaku. Masalah ini kalau kita dapat selesaikan masalah ini maknanya terdapat pengurangan masa. Saya faham saudara boleh jadi sabar, tapi saya dah tak sabar sebab saya dah tengok masalah ini dan kita membelanjakan lebih kurang RM5 juta untuk membuat sistem ini. Dan saya rasa sistem ini boleh dibayar kerana orang yang menggunakannya sanggup membayar RM5 untuk melihat sistem ini. Jadi RM5 sekali. Kalau kita buat kira-kira untuk mencari fail saja dalam satu hari di pejabat-pejabat melebihi 50 kali. Jadi kalau kita baca ikut 500 dalam masa satu hari kita ada 8,9. tapi kita ada 500. dan kalau RM5 atau RM10 saja, sudah cukup untuk membiayai program yang kita buat itu dalam masa dua tahun. Jadi maknanya *pay back* dua tahun untuk kegunaan berpuluh tahun. Jadi saya ingat saya harap kerja siap. Kita *display for public* untuk menyelesaikan masalah ini. Tapi ahli dewan mesti menerima hakikat kita tidak hendak pemberian tanah yang tak ada perancangan mengenai parit dan jalan. Itu sebab selalu banjir, selalu banjir sebab sebelah rumah itu tak ada langsung saluran untuk air. Selalu banjir dan jawapannya ini memang biasa. Tak boleh. Sebab banjir merugikan kita. Saya harap dapat kita terangkan. Itu sebab program itu agak tersekat sebab kita nak menyelesaikan masalah jangka panjang penempatan masyarakat kita. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Meru.

YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN : Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 45.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK: BILANGAN ANAK TAK SAH TARAF DI SELANGOR DAN PENCEGAHANNYA

45. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) berapa ramaikah bilangan anak-anak tidak setaraf (anak luar nikah) yang telah didaftarkan di negeri Selangor dari tahun 2007 sehingga tahun 2010 dan apakah peratus pecahannya mengikut bangsa atau kaum?
- b) Apakah punca-punca yang mendorong ke arah perlakuan zina yang menjijikkan ini?
- c) Apakah langkah-langkah pencegahan yang telah diambil dan bakal diambil untuk mencegah gejala zina atau bersekedudukan secara tidak sah ini dari terus menular di kalangan masyarakat?

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : *Assalamualaikum WBT.* Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Meru yang mengemukakan soalan mengenai anak tidak sah taraf di Selangor ini. Pertama sekali ialah pengertian anak tidak sah taraf ini ialah anak-anak yang dilahirkan di luar daripada ikatan perkahwinan. Jadi, anak-anak yang lahir daripada itu ditafsirkan sebagai anak yang tidak sah taraf dan dalam surat beranakanya pun tidak disebutkan sebagai anak yang sah taraf.

Jadi, tentang masalah ini adalah masalah yang sangat besar yang bukan saja melanda kita di Selangor ini bahkan saya rasa di seluruh Malaysia. Dan kalau kita lihat statistik yang ada sebanyak 257,000 hingga tahun 2008 yang telah direkodkan sebagai anak-anak yang lahir tanpa ikatan perkahwinan di antara ibu dan ayahnya. Dan kalau kita lihat hariannya pula 2,500 kes yang direkodkan setiap bulan. 2,500 yang direkodkan. Sebenarnya sebagaimana yang saya diberitahu bahawa permasalahan mengenai anak yang tidak sah taraf ini biasanya orang yang datang untuk membuat rekod secara rasmi, pendaftaran secara rasmi bilangannya kecil jika dibandingkan dengan yang tidak mendaftar. Kalau misalnya yang tidak mendaftar itu empat kali daripada 2,500, maknanya 10,000 tidak mendaftar. Kalau bilangannya setengah daripada 2,500, maknanya 5,000 setiap bulan tidak mendaftar, tidak di rekodkan sebagai anak yang dimasukkan sebagai anak di luar taraf (sah tarafnya). Dan bahkan dari segi hariannya 83 kes dicatatkan setiap hari. 83 kes setiap hari. Kalau gandakan dua yang termasuk yang tidak merekodkan, yang tidak mendaftarkan kita sudah ada 160 kes. Kalau misalnya empat kali yang tidak direkodkan, kita ada sudah (8 x 4) 320 kes setiap hari. Dan kalau ikut yang tiap hari tadi (83 orang) maknanya setiap 17 minit, 17 saat ada saja anak-anak yang didaftarkan sebagai anak yang kelahiran yang tidak sah taraf.

Jadi maknanya masalah ini sangat besar. Dan saya ingin menyebutkan di sini bila saya baca statistik ini yang masyarakat yang dilanda permasalahan ini yang paling atas sekali ialah masalah keturunan seperti saya (keturunan Melayu dan Islam). Jadi ini pun satu perkara yang saya fikir YB daripada Selat Kelang begitu prihatin bersama dengan Menteri Besar. Dan kita banyak bincang di Exco perkara ini dan kita lihat program-program seperti GEMS, program-program seperti Anti Zina dan sebagainya dah dua tahun diadakan. Sambutannya sangat baik dan sudah menimbulkan satu kesedaran. Saya juga ingin merakamkan, semalam sudah disebutkan oleh Batu Tiga tentang 'Program Perkahwinan Beramai-ramai' yang diadakan di Kampung Delek pada minggu lepas. Sambutannya, kehadiran antara 10,000 hingga 15,000

orang dan saya terlibat dipanggil oleh Selat Kelang untuk meraikan bersama-sama (mewakili Y.A.B. Menteri Besar) dan bila kita berikan sedikit tazkirah dalam bentuk khutbah, saya diminta untuk membacakan khutbah nikah itu. Jadi nampaknya saya lihat di mata-mata, di jiwa-jiwa yang terbayang pada muka-muka pasangan-pasangan tersebut membayangkan sudah ada tanda-tanda kesedaran dan sebagainya untuk melayari satu kehidupan yang insya-Allah kehidupan itu akan diberkati dan diredai oleh Allah SWT. Ertinya Tuan Speaker dalam hal yang sedemikian, sebagaimana Meru juga antara orang-orang yang paling *concern* tentang perkara ini. Perkara ini sangat besar. Dan bagi JAIS, kalau misalnya pencegahan yang dilakukan oleh JAIS saya ingin memberitahu pada pagi ini. JAIS – pencegahan dibuat oleh penguat kuasa. Jumlah penguat kuasa dengan masyarakat Islam ialah 1 : 25,000. Maknanya satu padang bola itu, penonton 25,000, yang nak menguatkuasakan hal-hal yang berkaitan yang akan akhirnya akan melahirkan anak yang tidak sah taraf ini 1 : 25,000.

Jadi, melalui jawapan ini saya ingin mengharapkan insya-Allah supaya satu perhatian khas diberikan, supaya JAIS dibekalkan dengan lebih ramai lagi pegawai-pegawai penguat kuasa. Dan saya nak beritahu penguat kuasa-penguat kuasa ini bukan saja tangkap-tangkap, ketuk pintu, pergi tangkap, ketuk pintu, pergi tangkap. Mereka telah melalui satu proses, mereka juga sudah diberikan latihan supaya bagaimana caranya supaya pendekatan yang lebih berhikmah, pendekatan yang lebih sejuk di mata dapat dijalankan oleh pegawai-pegawai penguat kuasa ini.

Tentang yang ditanyakan oleh Meru mengenai apa cara nak mencegahnya. Apa sebabnya? Apa sebab yang dikatakan perkara ini boleh berlaku? Sebabnya bagi saya ada dua perkara. Satu, yang dipanggil sebagai *pushing factors*. Perkara-perkara yang menyebabkan anak-anak ini, orang-orang ini terdedah dan ditolak untuk melakukan perkara-perkara yang dikutuk oleh Allah SWT ini. Pertama *pushing factors* ini ialah keluarga. Keluarga yang tidak dapat hidup dengan aman damai, keluarga yang bercelaru, keluarga yang dalam keadaan tidak aman, tidak damai, keluarga yang runtuh, keluarga yang bercerai berai dan sebagainya. Ini juga merupakan satu perkara yang penting, yang atas sekali dari segi kedudukan prioritinya untuk disenaraikan sebagai faktor utama yang menyebabkan *pushing factors* orang-orang pergi kepada masalah yang sedemikian.

Nombor dua soal sekolah. Sekolah keciciran ini. Keciciran ini pun satu masalah yang sangat besar dan angka keciciran ini sangat besar sebenarnya. Di negeri Selangor pun agaknya Selat Kelang memang ada statistik itu. Negeri Selangor pun sangat besar tentang keciciran. Bila keciciran berlaku, biasanya keluarga tidak berapa menerima dia, ibu bapa tidak menerima anak-anak yang tercicir. Siapa yang nak menerimanya? *Boyfriend-boyfriend* akan menerimanya, Don Juan akan menerimanya dan sebagainya. Inilah perkara-perkara juga yang menjadi masalah, yang menimbulkan permasalahan yang dibincangkan ini.

Yang ketiga ialah keadaan persekitaran. Keadaan persekitaran di rumah, di flat-flat dan sebagainya yang tidak memungkinkan anak-anak ini dapat tinggal lama di rumah bersama dengan emak, bersama dengan ayah, tolong mak, tolong ayah pasal persekitaran yang begitu mencengkam yang menyebabkan anak-anak ini memandang tingkap, memandang di luar melihat persekitaran di luar. Bukan seronok tinggal bersama ibu dan ayah dalam persekitaran dalaman dalam rumah masing-masing.

Sementara yang "*pushing factors*nya" termasuklah tarikan-tarikan kehebatan di bandar kehidupan pusat-pusat hiburan. Pusat-pusat hiburan yang kita lihat kadang-kadang yang kita mewarisi daripada kerajaan yang lalu tentang pusat-pusat hiburan ini. Sebab itu kita bersama-sama dengan NGO-NGO dan sebagainya. Ramai NGO yang datang berjumpa dengan kita untuk bersama-sama membantu perkara ini tetapi sehingga hari ini mereka datang dan kita

menyambut tentang menghulurkan tangan untuk membantu kita menyelesaikan masalah ini. Tetapi banyak lagi masalah-masalah “*fundamental*” masalah-masalah pendidikan dan sebagainya yang NGO-NGO pun terbatas untuk mendidik daripada .awal anak-anak ini. Saya ingin mencadangkan supaya kurikulum bagi sekolah-sekolah JAIS misalnya sekolah-sekolah rendahnya dan sekolah Menengah SABKnya juga memasukkan item-item yang sedemikian supaya dalam pengetahuan mereka supaya mereka bersedia menghadapi manusia di alam-alam nyatanya. Masyarakat di alam nyatanya bila mereka keluar sama ada mereka berjaya atau tidak berjaya dalam pelajaran mereka. Akhirnya Tuan Speaker ya, saya juga ingin menyebutkan bahawa di bawah Enakmen Jenayah Syariah yang diperkenalkan dan JAIS cuba sedaya upayanya mengikut prioritinya bagaimana kita dapat melaksanakan enakmen jenayah syariah ini dengan sebaik-baiknya dan diharapkan dengan perlaksanaan ini dengan apa yang ada di depan kita bagaimana kita harus menjalankan melegakan keadaan ini saya merasakan teman-teman di JAIS dengan pimpinan Pengarah yang baru JAIS ini sesuatu dapat dilakukan. Walau apa pun hanya JAIS sahaja hanya Guru-guru Agama sahaja hanya masjid sahaja pun tidak dapat melakukan sesuatu yang di luar dugaan kita untuk melihat kesannya. Seluruh masyarakat di negeri Selangor ini termasuk teman-teman di bandar di luar bandar di mana anak muda yang tidak berapa muda, yang tua seluruhnya harus berpadu tenaga bagi mengelakkan fenomena yang tidak diingini ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ha ... Sijangkang.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan tambahan. Terima kasih, tadi Sijangkang mendengar jawapan-jawapan yang saya kira cukup terpanggil berkaitan dengan soal masalah untuk mengelakkan daripada berlakunya gejala *social “Pushing Factor”* dengan izin. Saya ingin merujuk kepada pendedahan yang dilakukan oleh Siasah ADC 19 hingga 24 Mac yang lalu yang mana memperlihatkan seolah-olah di Shah Alam ini ada sebuah Pusat Rekreasi yang ada ala kasino sifatnya begitu. Yang saya kira juga didedahkan bagaimana anak-anak Melayu, remaja yang beragama Islam seolah-olah boleh masuk dengan begitu mudah sekali. Jadi Sijangkang ingin mendapat tahu status keadaan sebegini dan apakah langkah-langkah yang mungkin boleh dilakukan oleh pihak kerajaan untuk membanteras berlakunya masalah-masalah yang saya kira menjadi punca sebab berlakunya gejala maksiat dan sebagainya. Terima kasih.

YB DATO’ DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Sijangkang. Diharap Sijangkang tahu tetapi tak masuklah. Haa.. ini memang telah didedahkan dalam salah satu akhbar yang disebut “Siasah” minggu lalu mengenai satu kelab di Shah Alam ini yang menjalankan antara perniagaannya dikatakan ada kasino, ada slot mesin di situ dan juga beberapa perkara lagi yang menyalahi sebenarnya keinginan dan hasrat kepada Almarhum DYMM Sultan Selangor untuk melihat Shah Alam ini bebas daripada gejala-gejala kemungkaran, gejala-gejala sosial yang tidak dapat dibendung itu. Bila kita mendapat berita itu, saya telah mengarahkan pihak JAIS untuk membuat kajian awal dan pegawai penguatkuasa pergi ke tempat itu dan mendapati memang ada tanda-tanda yang disebutkan dalam ‘Siasah’ itu tanda-tanda yang menyebutkan bahawa ada perkara-perkara yang disebutkan itu yang didapati dan saya sekarang ini meminta mereka memberikan laporan yang terperinci kepada saya dan Insya-Allah mereka berjanji dalam minggu depan selepas habis Dewan ini mereka akan kemukakan laporan penuh kepada saya. Apa yang saya lakukan Insya-Allah selepas ini saya akan memanggil pihak-pihak yang berkenaan memanggil pegawai-pegawai JAIS memanggil pihak-pihak yang berkenaan dan penganjur dan juga mereka yang mengendalikan kelab yang sedemikian untuk kita melihat bagaimana caranya kita dapat bersama-sama mengatasi masalah yang disebutkan. Mungkin masalah-masalah ini masalah perniagaan, mungkin masalah ini masalah permintaan mungkin masalah-masalah apa pun sebagaimana yang saya sebutkan amanat, pesanan dan juga wasiat yang ditinggalkan oleh Almarhum DYMM Sultan yang itulah saya rasa yang perlu dipertahankan

dan Insya-Allah Shah Alam ini dengan JAIS dengan teman-teman yang lain dan seluruh masyarakat yang sedar kita merasakan ini Insya-Allah dapat dikurangkan di Kementerian satu masa nanti tidak akan berlaku di satu tempat yang namanya Shah Alam, Ibu Negeri Selangor ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Meru.

YB. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN : Soalan tambahan. Kalau kita tengok dalam Quran tu tak ada sebut pun “zina” itu haram. Tapi disebut “*lataqramzina*” jangan kamu mendekati zina. Saya nak bagi soalan, Boleh tak kalau kita tengok kursus perkahwinan itu sendiri kita tengok tidak menekankan tentang cara-cara untuk mendidik anak-anak dan menahan ke arah zina. Adakah ni komen daripada YB.

YB DATO’ DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Secara tipikalnya kepada teman-teman Ahli yang Berhormat, kursus perkahwinan ini biasanya dua hari sahaja di adakan. Biasanya hari Sabtu, hari Ahad dan biasanya dimulakan dalam pukul 9.00 dan habis dalam pukul sekitar jam 5.00 begitu. Jadi ini biasanya menjurus kepada hari pernikahan. Macam mana nak bernikah, apa namanya ijab, apa namanya kabul, saksinya di mana, walinya di mana, macam mana nak pegang tangan, macam mana nak mengenjut tangan, bila nak jawab. Itu di antaranya. Selain daripada secara umum memberikan tanggungjawab kepada isteri, tanggungjawab kepada suami terutamanya bila perkahwinan itu sudah diadakan. Saya sebenarnya dah lama pun mengusulkan dan saya pernah menulis kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya kursus ini sekurang-kurangnya dua minggu, dua minggu. Kursus yang namanya “*The Married Craft*” ni dia sudah menjadi satu “*sign*” *The are at the sign of married of wedding*” ini sudah merupakan satu “*sign*” yang tidak boleh diajar hanya begitu sahaja. Bahkan dalam ajaran-ajaran itu bukan sahaja masuk ilmu-ilmu yang penting yang Fardhu Ainnya tapi ilmu psikologinya ilmu sosial psikologinya, ilmu kekeluargaannya, ilmu *parentingnya* dan berbagai-bagai lagi. Saya sudah mengangin-anginkan dengan teman-teman EXCO sebagaimana negeri-negeri lain telah menubuhkan Yayasan Pembangunan Keluarga. Terengganu sudah ada Yayasan Pembangunan Keluarga, Johor sudah ada Yayasan Pembangunan Keluarga khusus melihat perkara ini mengkaji perkara ini dan mencari jalan keluar yang sesuai bagaimana caranya kita mesti menghadapi keluarga terutama pada dekat-dekat yang akan datang. Bagi saya kita boleh membangun, kita boleh membangun industri, membangun pencakar langit dan sebagainya tapi apa gunanya Pencakar Langit kalau manusianya ialah terjun dari segi moralnya di perut bumi ini sebab itu bagi saya, saya bersetuju dengan Menteri Besar menyebutkan tentang pentingnya institusi keluarga itu. Insya-Allah saya akan mengesyorkan dan mengemukakan satu kertas nanti kepada EXCO untuk menubuhkan yayasan yang sedemikian. Tapi apa pun sebagaimana yang disebutkan oleh Meru tadi Insya-Allahlah dalam hal kita nak mengurangkan nak membebaskan masyarakat daripada gejala-gejala yang tidak diinginkan ini pada saya tidak lain dan tidak bukan inilah langkah yang kita ambil di JAIS. Ertinya ialah kita kena bersandarkan kepada Agama. Teman-teman Kristian kena balik untuk mengamalkan kristianitinya, teman-teman Buddha kena mengamalkan buddhisme, teman-teman Hindu kena mengamalkan Hinduisme. Teman-teman Islam macam saya kena mengamalkan Islam. Inilah caranya, inilah kotanya, inilah soalnya, inilah pendindingnya, inilah yang akan dapat menyekat kita paling tidaknya nafsu dalam nafsu luar kita daripada terjebak dalam perkara-perkara yang tidak diinginkan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK: PENDAPATAN PASIR TERKINI.

46. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah hasil pendapatan pasir yang terkini dari segi cukai, premium dan royalty dan bagaimana wang ini telah digunakan untuk pembangunan di negeri Selangor?
- b) Apakah penjelasan kerajaan bahawa harga pasir di Selangor tinggi berbanding negeri jiran?

YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Terima kasih Kg. Tunku. Menjawab soalan apakah hasil pendapatan pasir yang terkini dari segi cukai, premium dan royalti dan bagaimanakah wang itu telah digunakan untuk pembangunan di negeri. Untuk makluman, kepada soalan itu pendapatan pasir negeri Selangor dari 2006 hingga 2010 telah meningkat dengan baik sekali jika dibandingkan keseluruhan. Pada tahun 2006 jumlah pendapatan pasir RM 4.37 juta. Ini royalti, royalti pada kerajaan negeri yang dibayar pada akaun yang disatukan kerajaan negeri. Tahun 2007 RM 4.95 juta. Tahun 2008 Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih kerajaan meningkat 7.126 juta. 2009 oleh kerana hujung 2008 ASQ ditubuhkan pendapatan RM 5.29 juta dan tahun 2010 meningkat 10.979 juta. Daripada pendapatan ini dia masuk dalam akaun negeri menyumbang kepada peningkatan pendapatan negeri. Dan peruntukan RM 1 juta diberi untuk penguatkuasaan yang mana mereka yang dapat menahan lori-lori, mesin-mesin *excavator* yang digunakan untuk mencuri pasir peruntukan RM 1 juta diberi kepada mereka ini. So kedua apakah penyelesaian kerajaan bahawa harga pasir di Selangor tinggi, memang harga pasir negeri Selangor lebih tinggi berbanding pasir negeri Perak atau negeri Sembilan. Ini kerana nilai tanah di negeri Selangor jauh lebih tinggi berbanding nilai tanah di Perak ataupun di Negeri Sembilan. Tapi kos pengangkutan untuk membawa pasir di Perak dan Negeri Sembilan adalah tinggi maka pembeli-pembeli lebih suka untuk membeli pasir daripada negeri Selangor kerana menjamin "*consistant supply*" berbanding pasir daripada negeri lain. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya, Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, soalan tambahan. YB. EXCO, Sekinchan ingin tahu soal pasir ini. Masih terdapat banyak aduan mengatakan pasir Selangor, yang sebentar tadi YB kata mahal tetapi banyak pasir daripada Perak di bawa masuk sah atau tidak sah setiap hari banyak sangat bagaimana apakah tindakan kita supaya untuk mengurangkan pasir daripada negeri jiran ini masuk supaya pasir Selangor boleh laku barulah kita dapat duit?. Terima kasih.

YB. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Terima kasih Sekinchan, terutama kita kena faham *total demand* pasir untuk negeri Selangor dan keupayaan pengeluaran pasir negeri Selangor. Setakat ini keupayaan kita pengeluaran tidak lebih 30% maka permintaan lebih daripada itu. Jadi pasir-pasir luar masuk dan kebetulan polisi negeri Perak membenarkan pasir masuk ke negeri Selangor. Seandainya pasir masuk daripada Perak, melalui Jalan *Highway* kita tidak ada keupayaan untuk menahan mereka tetapi seandainya pasir masuk daripada Perak kemudian dia *dump* sementara di negeri Selangor yang ini kita ada kuasa untuk menahan dan untuk mengalihkan pasir tersebut dan saya akui untuk keperluan industri memang ada pasir daripada Negeri Sembilan atau Perak masuk tapi keupayaan negeri Selangor untuk maksimum permintaan pun tidak ada keupayaan.

YB PUAN GAN PEI NEI : Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, Rawang.

YB PUAN GAN PEI NEI : Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat tentang apakah sebab saya sering menerima aduan tentang pasir di sungai yang telah bertimbun namun tindakan yang diambil begitu lambat. Apa yang saya kawatir adalah dengan kemungkinan berlakunya banjir. Jadi saya nak tanya apakah ... dengan izin untuk menyejajarkan kerja-kerja pengeluaran pasir di sungai ini adakah pihak kerajaan negeri memberi kuasa kepada JPS ataupun Pejabat Tanah untuk supaya mereka boleh segerakan dengan kelulusan untuk keluar pasir? . Terima kasih.

YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Ada sebahagian usaha-usaha pengeluar pasir dalam dilakukan oleh Jabatan JPS yang mana untuk tujuan mendalamkan sungai-sungai dan terdapat sedikit longgokan-longgokan pasir yang di tepi-tepi sungai.nya ialah kita minta supaya JPS menghubungi Kumpulan Semesta untuk Kumpulan Semesta mendapat Borang 4C untuk memindahkan pasir-pasir tersebut. Dasarnya ada kelewatan boleh berhubung dengan pejabat saya. Saya pastikan pasir tersebut akan diangkat dengan kadar segera.

Soalan tambahan Tuan Speaker, *sorry*, saya nak tanya yang proses tu kelulusan tu kalau dalam kes *emergency* yang kita nampak memang sudah akan menyebabkan banjir "*in what time, sorry within what time can be done*"?

YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPAR : Saya rasa boleh tindakan segera sama ada pihak kontraktor itu sendiri melalui Kumpulan Semester mengalihkan pasir-pasir tersebut. Yang ini kita boleh ambil tindakan yang cepat.

TUAN SPEAKER : Ya..

YB DATO' ABD. RAHMAN BIN PALIL : Soalan tambahan

TUAN SPEAKER : Ya..

YB DATO' ABD. RAHMAN BIN PALIL : Tadi YB Kota Anggerik ada menyatakan bahawa pasir dari Perak boleh masuk, pasir dari Negeri Sembilan boleh ke Selangor. Adakah YB dapat mengetahui adakah pasir yang diproses di Selangor di bawa ke luar ke Negeri Selangor?. Kalau ada nyatakan jumlahnya.

YB TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Setakat yang kita rekod tiada, tetapi ada pihak kami menangkap ialah pasir yang dicuri di tengah laut di bawa ke Singapura dan pertahanan pernah dibuat dan pernah sekali ditahan yang di *claim* sebagai silikon dihantar ke Singapura dan kita tahan puntum tersebut yang hendak dibawa ke Singapura yang ini kita tahan. Tapi tiada pasir di Singapura daripada Selangor yang bawa jalan darat dibawa ke Singapura.

TUAN SPEAKER : Sementa

YB DATO' ABD. RAHMAN BIN PALIL : Tuan Speaker soalan ke 47.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' ABDUL RAHMAN BIN PALIL
(SEMENTA)**

TAJUK: JAWATANKUASA MENANGANI GEJALA SOSIAL

47. Kerajaan negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial dalam usaha bersepadu membanteras masalah sosial

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah kerjasama dan komitmen agensi kerajaan dalam menjayakan objektif jawatankuasa?
- b) Apakah mekanisme berkesan dan tindakan yang diambil melalui jawatankuasa ini?
- c) Apakah pengukuran kejayaan bagi menangani gejala ini?

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : *Bismillahi rahmani rahim. Asalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Selamat Sejahtera. Terima kasih kepada Sementa yang bertanya tentang Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial untuk membanteras masalah sosial di Negeri Selangor. Pertamanya saya ingin menyebutkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya kepada Sementa di mana Penubuhan Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial ini bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri Selangor mencapai visinya untuk menjadikan Selangor ini Idaman Maju Sejahtera dan Berkeadilan ataupun telah disebutkan 3 kali berturut-turut oleh YAM Ijok di dalam sidang yang mulia ini apabila membentangkan bajet iaitu untuk menjadikan Selangor *Baidatulwauibahgapur*. Jadi objektif jawatankuasa ini adalah untuk integrasi atau meminimumkan gejala sosial di Negeri Selangor dan melalui jawatankuasa ini perancangan program ke arah mewujudkan Generasi Idaman Selangor, di mana Jawatankuasa Induk Menangani Gejala sosial yang melibatkan jabatan / agensi kerajaan / NGO / aktiviti sosial dan sebagainya orang-orang yang mempunyai kepakaran berperanan untuk menjadi agen yang akan dapat menghasilkan perancangan strategik dalam meningkatkan usaha menangani gejala sosial secara efektif dan berkesan. Dan jawatankuasa ini berperanan sebagai perancang, pelaksana, pemantau dan penilai objektif menangani gejala sosial supaya dapat dicapai. Saya ingin menyatakan apa yang sebut oleh YB Gombak Setia itu tadi adalah sebahagian gejala sosial iaitu anak luar nikah / zina, yang kita lihat krisis is seolah-olah satu krisis besar di dalam negeri dan negara kita ini tentang gejala sosial ini. Selain daripada zina perkara-perkara lain kita lihat dipaparkan setiap had di media masa perdana yang daripada gambarnya menjadikan seolah-olah is satu norma atau *norm* (dengan izin) baru dalam masyarakat kita maka sudahlah keparahan tahap gejala sosial ini satu perancangan yang begitu rapi dan menyeluruh in eksklusif melibatkan semua orang harus diambil oleh kerajaan bukan sahaja kerajaan negeri tetapi is sepatutnya juga meliputi kerajaan pusat. YB Sementa mahu tahu bagaimana kerjasama dan komitmen agensi kerajaan dalam menjayakan objektif jawatankuasa in. Saya setakat ini berpuas hati dengan komitmen dan kerjasama komitmen agensi kerajaan tetapi banyak lagi ruang untuk dipertingkatkan daripada segi komitmen daripada segi kerjasama daripada segi kesungguhan jabatan-jabatan dan agensi kerajaan. Dan saya faham dad segi mungkin keberatan mereka, mereka untuk memberikan seluruh jiwa dan tenaga mereka tumpuan mereka untuk menjayakan program ini ialah kerana is satu norma yang diterima oleh masyarakat lagi-lagi apabila dasar *indosmima* yang telah dimonopoli oleh Kerajaan UMNO Barisan Nasional lebih 50 tahun ini menyebabkan semua orang seolah-olah kaku, seolah-olah is satu *not* perkara yang normal, satu budaya yang baru dalam negeri kita ini. Jadi mekanisme

berkesan yang diambil oleh jawatankuasa ini untuk berjaya mengatasi gejala sosial ini sudah tentunya yang pertamanya *press and fomes* (dengan izin) untuk membuat kempen kesedaran. Falsafahnya ialah mahu, kita mahu seramai mungkin kepada pengurusan tertinggi negeri daripada jabatan / agensi-agensi / institusi termasuk di dalam masyarakat kecil itu keluarga di dalam sekolah, di dalam taman, di dalam kampung, di dalam ladang, di dalam pekan, bandar dan di luar bandar semuanya harus memahami bahawa gejala sosial ini adalah perkara yang sepatutnya tidak wujud di dalam masyarakat kita. Jadi apabila semuanya mahu (dengan izin) ada z...ada ni *the delayer* semua pihak yang terlibat untuk menolak gejala sosial ini, untuk menolak segala tindak tanduk, menolak segala perancangan yang menyebabkan membuak-buak menjadi satu gejala timbulnya seperti cendawan masalah gejala sosial ini maka barulah kita boleh berjaya membendung masalah gejala sosial yang merebak meluas ini. Jadi pertamanya. Mekanisme yang berkesan yang telah diambil oleh jawatankuasa ini yang pertama adalah kempen Kesedaran Kepedulian dan Kebertanggungjawaban sosial di peringkat jawatankuasa GeMs negeri jawatankuasa induk menangani gejala sosial negeri yang telah dijenamakan kepada GeMs kerana setiap hari orang menanyakan sosial ia satu istilah yang negatif tidak memberangsangkan satu tindak tanduk yang positif yang mahu ke depan maka sebenarnya apabila kita minimum atau integrasi insan liabiliti insan yang merugikan diri sendiri, merugikan masyarakat negeri dan negara ini, maka insya-Allah generasi idaman Selangor insya-Allah akan boleh dilahirkan. Jadi kempen kesedaran untuk GeMs negeri jawatankuasa GeMs daerah dan jawatankuasa di peringkat jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), PBT, Nazir Masjid, Ketua Komuniti, Ketua Agama, Sekolah, PIBG, NGO, Aktiviti Sosial dan sebagainya . Inilah Mekanisme pertama yang kita wujudkan dan alhamdulillah dengan Kempen Kesedaran ini kita melihat semua ahli jawatankuasa yang menjadi Ahli GeMs induk ini , itu yang melibatkan semua Pejabat Daerah , semua PBT, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Agama Islam Selangor , Jabatan Kebajikan Masyarakat , Jabatan Pelajaran , Jabatan Kesihatan , Jabatan Pendaftaran Negara bahkan Penjara , IPTA, Lembaga Zakat Selangor, AADK Pemadam , Majlis Permuafakatan Ibu Bapa dan Guru, Majlis Permuafakatan Tadika Selangor , bahkan kita mewujudkan Majlis Permuafakatan Tadika Selangor juga kerana kita mahu mencegah gejala sosial ini daripada mereka yang masih muda lagi ini daripada tadika . Bukan sahaja tadika bahkan kita telah minta jawatankuasa GeMs negeri ini telah minta JAIS mengolah kembali kursus pra perkahwinan yang telah disebut oleh Gombak Setia tadi . Supaya satu perancangan untuk mengelakkan anak-anak zuriat anak yang akan dilahirkan oleh pasangan ini akan dirancang dibuat pelan dulu ada niat ada kemahuan pada segi ibu bapa, supaya mereka ini dilindungi dan dicegah daripada menjadi orang yang terjebak dalam gejala sosial. Begitu juga wakil media yang menjadi jawatankuasa ini Persatuan Belia, Persatuan Wanita, IPA serta NGO, aktiviti sosial dan sebagainya. Dan daripada segi komitmen kerajaan negeri *alhamdulillah* walaupun, saya sendiri tidak berpeluang tidak berpuas hati lagi di mana kerajaan negeri yang sebelum ini kerajaan UMNO Barisan Nasional sebelum ini telah memperuntukkan jumlah wang sebanyak RM10 sahaja untuk menangani gejala sosial seluruh negeri Selangor. Alhamdulillah untuk 2011 ini bajet khas untuk gejala sosial ini dipertingkatkan dengan jumlah yang kecil juga tapi lebih besar daripada RM10 iaitu sebanyak RM1 juta bagi satu projek permulaan untuk menangani gejala sosial ini. Dan saya hendak menyebutkan lagi di mana Fasa I untuk kesedaran ini melibatkan semua pemimpin termasuk wakil rakyat sama ada wakil rakyat daripada parti Pakatan Rakyat mahupun daripada Barisan Nasional dan sesiapa sahaja kita semua harus memainkan peranan menjaga tepi kain orang bukan masuk dalam tepi kain orang supaya kita sedar apa yang berlaku ada bibit-bibit yang berlaku menimbulkan gejala sosial ini haruslah menjadikan satu tanggungjawab kepedulian sosial kita supaya ia boleh dicegah dari awal lagi bukan setelah 9 bulan mengandung bukan setelah dibuang bayinya. Jadi kalau hendak seribu daya tak hendak seribu dalih...yang kedua

TUAN SPEAKER : Tolong fokus sikit

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Ya.. ya mekanisme yang berkesan

TUAN SPEAKER : Berceramah tengok semua bahagian A yang jawab B dan C belum lagi

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Kedua-kedua... mekanisme yang berkesan

TUAN SPEAKER : Setengah jam lagi

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Insya-Allah..sebab ini hendak faham, kalau tidak Sementa di antara orang yang apa dahulunya...Tuan Speaker

TUAN SPEAKER : Ya..lah fokus-fokus

YB DATO' ABD. RAHMAN BIN PALIL : Tuan Speaker dia bagi kuliah ke apa tu....

TUAN SPEAKER : Itu yang saya sudah tegur tu...

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih Tuan Speaker. Jadi bila kita dah mahu kita kena faham bagaimana hendak mengatasi masalah ini kita mesti mengetahui siapakah *target* yang selalu yang dikaitkan dengan gejala sosial ini *target groupnya* apa minat mereka di mana mereka berkumpul, apa masalah-masalah yang dihadapi mereka sebab itu jawatankuasa ini telah pun membuat program dengan kerjasama dengan jabatan dan agensi kerajaan di mana di antara ada 31 program GeMs yang telah pun dijalankan berbentuk pendidikan ilmu agama, pembangunan dan pengajaran ke arah tatacara kehidupan harmoni di semua peringkat daerah di antaranya:

- 1) Program Jelajah GeMS (Karnival GeMS) yang diadakan di setiap daerah dan mendapat kerjasama agensi terutamanya Pejabat Daerah dan PBT
- 2) Seminar Keibubapaan;
- 3) Kursus Jati diri, Ceramah dan Dialog mengikut kategori usia;
- 4) Seminar Kerjaya dan Keluarga;
- 5) Kepimpinan Remaja / Belia; dan
- 6) Kem Bina Sahsia , aktiviti lasak dan sukan, juga program hiburan atau seni yang mengikut cita rasa orang muda;
- 7) Program Kempen Anti Zina yang telah kita jalankan sebanyak 3 siri ini

Dan untuk makluman kempen zina yang telah dilancarkan oleh YAB Dato' Menteri Besar telah mendapat sambutan yang baik di mana melihat daripada tangkapan yang telah dijalankan oleh pihak berkuasa termasuk pihak berkuasa JAIS kalau kempen zina yang ke-2 kita ada 135 kes ini untuk semua 9 daerah. Kempen Anti Zina ke3 yang menurun hanya kepada 81 kes. Kempen Anti Zina ini melibatkan Ekspedisi Dakwah di mana petangnya NGO-NGO kita bersama dengan remaja -remaja pimpinan akan pergi ke tempat-tempat yang insya-Allah akan di kerumuni oleh remaja belia termasuklah ibu bapa dan pimpinan-pimpinan dan mereka diberi kesedaran

supaya mengelakkan perbuatan anti zina ini. Jadi dari segi keberkesanan YB Sementa menyatakan keberkesanan, apakah pengukuran kejayaan bagi menangani gejala sosial ini.

Pertamanya, kejayaannya ini alhamdulillah kalau pada awalnya mungkin ramai orang pemimpin di negeri Selangor ini seolah-olah tidak berdaya, seolah-olah merasa putus asa bahawa masalah gejala sosial ini tidak mungkin boleh dibanteras tetapi dengan kesedaran dengan mentaliti sukses, *insya-Allah* Jawatankuasa ini yang telah diberi upaya dan telah pun diberikan satu kebebasan untuk merancang sendiri pelan strategik di peringkat daerah-daerah masing-masing yang dipengerusikan oleh pegawai daerah maka mereka dengan mewujudkan kesedaran ini menjadi ejen pelaksana, perancang dan memantau dan melihat masalah-masalah di lokaliti masing-masing. Alhamdulillah mereka sendiri telah mempunyai satu keupayaan untuk mahu dan juga menjalankan aktiviti yang terancang yang berjadual kepada golongan sasaran ini dan yang pentingnya akhir sekali saya nak sebutkan di sini, alhamdulillah pimpinan masyarakat sama ada di luar bandar ataupun di bandar kita telah minta kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung menjadikan satu agenda penting di dalam mesyuarat mereka mengenai isu gejala sosial begitu juga dengan masjid-masjid. Maka akhirnya orang tempatanlah, orang *local* lah, yang *insya-Allah* akan mempunyai satu daya untuk membanteras masalah gejala sosial ini, jadi daripada segi kejayaan itu terlalu awal untuk kita ukurkan tapi *insya-Allah* dengan cara kita, kita mengupayakan seluruh rakyat ini, seluruh pemimpin di setiap lapisan ini, *insya-Allah* ada, ada tanda-tanda yang positif di mana *Insya-Allah* gejala sosial ini mampu kita berteraskan di Selangor ini. *Insya-Allah*.

YB PUAN GAN PEI NEI : Soalan Tambahan, Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, Rawang.

YB PUAN GAN PEI NEI : Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, saya nampak banyak kursus dan program yang dirancang di bawah Jawatankuasa ini. Ada tak Yang Berhormat bercadang juga memasukkan kursus gender saya nampak yang juga amat penting untuk mengajar generasi-generasi muda ini supaya saling menghormati dan mengetahui had dan tanggungjawab mereka masing-masing.

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI : Terima kasih kepada Yang Berhormat Rawang, *Insya-Allah* sensitiviti kepada gender ini, *insya-Allah* menjadikan satu dasar di dalam kerajaan negeri Selangor dan *insya-Allah* kita akan masukkan di mana-mana program yang kita adakan. *Insya-Allah*.

TUAN SPEAKER : 4 kali *Insya-Allah*. Dusun Tua.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Terima kasih Speaker, Soalan 48.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : **TANAH PERKUBURAN ISLAM**

48. Difahamkan ada berlaku beberapa kes tanah Kerajaan Negeri di ceroboh oleh pihak tidak bertanggungjawab termasuk tanah perkuburan baru yang belum digunakan.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- (a) Apakah Pihak Berkuasa Negeri ataupun Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) akan memagar kawasan perkuburan di Bukit Enggang (Berhampiran Kuari Sungai Long – Hulu Langat)?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan untuk membangunkan infra kawasan perkuburan di Bukit Enggang (Berhampiran Kuari Sungai Long – Hulu Langat).

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Dusun Tua. Tuan Speaker. Jawapan bagi a, berdasarkan rekod, tapak perkuburan berkenaan adalah seluas 75 ekar dan sedang dalam proses pewartaan tanah kubur di bawah kawalan Pengarah JAIS. Pihak JAIS dan PTD Hulu Langat telah membuat pemeriksaan dan mendapati bahawa tapak tersebut tidak terlibat dengan isu pencerobohan. Aktiviti pencurian pasir itu berlaku di atas tanah hak milik individu dan telah diambil tindakan oleh PTD Hulu Langat. Pihak JAIS akan mengkaji dan memagar kawasan yang berpotensi untuk dimasuki oleh penceroboh sahaja memandangkan kos untuk memagar untuk keseluruhan tapak adalah tinggi.

(b) Peruntukan untuk membangunkan infra kawasan perkuburan tersebut akan dipohon oleh pihak JAIS kepada Kerajaan Negeri apabila ada keperluannya.

Terima kasih.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Soalan tambahan, Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya silakan Dusun Tua,

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Kita sedia maklum Yang Berhormat EXCO bahawa kerja-kerja pembersihan tanah perkuburan sekarang ini diberi tanggungjawab kepada Jawatankuasa masjid di seluruh negeri Selangor. Jadi kalau kita lihat ada setengah masjid berjaya melaksanakannya, ada juga masjid tak berjaya lah melaksanakannya dan begitulah kita kerap melihat ada perkuburan Islam ini yang semak samun di setengah-setengah tempat. Di Wilayah Persekutuan kita di fahamkan bahawa Majlis Agama Islam menyediakan peruntukan untuk membersihkan perkuburan di seluruh Wilayah Persekutuan ini. Jadi untuk itu, saya bertanya dengan Yang Berhormat EXCO, adakah Kerajaan Negeri Selangor juga akan melaksanakan ataupun mengadakan peruntukan yang sama untuk membersihkan perkuburan di seluruh negeri Selangor ini, saya rasa perlu diadakan peruntukan demikian. Terima kasih.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Dusun Tua. Tentang tanah perkuburan orang Islam ini sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat memanglah di bawah kawal selia masjid-masjid di seluruh negeri Selangor ini dan kalau kita lihat apa yang berlaku yang dapat saya saksi kan sendiri bila turun padang, saya lihat kubur-kubur orang Islam sekarang ini sudah lebih terpelihara, sudah lebih terurus, sudah lebih tersusun dan sebagai contoh saya sudah pergi ke di Sepang, saya sudah pergi ke Hulu Langat dan daerah saya sudah pergi ke kawasan Kuala Langat dan sebagainya untuk melihat bagaimana kubur-kubur itu dilaksanakan oleh Ahli Jawatankuasa Masjid. Pada keseluruhannya saya berpuas hati dengan cara penyelenggaraan itu. Soalan yang kedua tadi ialah tentang adakah kita nak menyediakan peruntukan kewangan. Sebenarnya hal-hal mengenai kubur ini dari secara tradisinya dilakukan secara gotong-royong oleh ahli-ahli jemaah sesuatu masjid atau surau dan sebagainya dan kalau kita lihat kadang-kadang waktu cuti-cuti universiti kita lihat *bridget-bridget* terdiri daripada pelajar-pelajar universiti turun ke gelanggang dan di antara tugas mereka ialah membersihkan masjid surau dan termasuklah kawasan perkuburan. Saya secara peribadi tidak

berapa setuju kita menyediakan peruntukan tersebut tetapi mungkin nominal boleh kita tambah daripada apa yang dikutip oleh masjid tetapi untuk kita menyara keseluruhannya ini akan mematkan semangat gotong-royong. Saya dah berbincang dengan YAB. Menteri Besar, bahkan kita hendak kerja-kerja kecil yang berlaku untuk pembaikan masjid dan surau misalnya supaya dapat dilaksanakan secara gotong-royong apa yang kita saksikan sekarang ini, Tuan Speaker semangat gotong-royong itu sudah tidak menebal lagi. Semangat gotong-royong itu sudah pupus. Semangat gotong-royong itu agaknya sukar untuk dibangunkan di kalangan generasi yang akan datang. Apa pun JAIS bersama-sama dengan agensi-agensi berkaitan, Insya-Allah akan melihat perkara ini kalau misalnya bantuan daripada Kerajaan Negeri diperlukan kita akan menyediakan satu kertas bagi kita mendapatkan satu gambaran keseluruhan mengenai keperluan kita mengadakan peruntukan untuk membantu pembersihan, pengurusan, pemagaran kubur-kubur termasuklah kubur di kawasan Dusun Tua yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sg. Pelek

YB TUAN YAP EE WAH : Tuan Speaker, soalan No. 49.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SG. PELEK)**

TAJUK : PELANCONGAN

49. Kerajaan Negeri memperuntukkan RM4 juta bagi menaik taraf produk pelancongan dan memperkenalkan dasar 1 Produk 1 PBT.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- (a) Apakah sasaran pelancongan Selangor tahun 2011?
- (b) Apakah 12 produk pelancongan berdasarkan 12 PBT di Selangor dan bagaimana ia dipromosikan.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, berdasarkan sasaran 5.6 juta pelancong pada tahun 2010, Selangor telah menerima kunjungan seramai 5.833858 orang pelancong iaitu seramai 3.2 juta orang pelancong domestik dan 2.5 orang pelancong antarabangsa dan 2010 merupakan tahun yang paling bagus dari segi kedatangan pelancong ke negeri Selangor. Oleh yang demikian, pada tahun 2011 pihak Kerajaan Negeri mensasarkan ke arah mencapainya seramai 6 juta pelancong ke Selangor. Bagi tahun 2011, Kerajaan Negeri melalui Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN dan Tourisam Selangor Sdn. Bhd. telah merangkakan pelan pelancongan yang memfokuskan kepada 3 daerah dan PBT di Negeri Selangor iaitu Sabak Bernam, Kuala Langat dan Hulu Selangor. Beberapa aspek telah diberikan perhatian khususnya kepada penambahbaikan, kemudahan dan produk pelancongan sedia ada. Lawatan ke beberapa produk pelancongan di ketiga-tiga daerah tersebut telah dilaksanakan di sepanjang bulan Februari yang lalu dan ketika ini UPEN masih menunggu laporan akhir tentang keperluan dan justifikasi projek daripada ketiga-tiga daerah berkenaan. Seterusnya ia akan di bawa ke peringkat Jawatankuasa Teknikal Produk Pelancongan Negeri Selangor untuk diberi pertimbangan dan diluluskan untuk pelaksanaan. Bagi PBT dan daerah-daerah lain, lawatan dan pemantauan dari semasa ke semasa akan dilaksanakan untuk mengenal pasti keperluan kepada penyelenggaraan, baik pulih dan menaik taraf produk-produk

pelancongan sedia ada dan yang berpotensi. Pada tahun 2011 juga, Kerajaan negeri melalui UPEN akan memfokuskan kepada penambahbaikan dan pemasangan papan tanda produk-produk pelancongan di seluruh negeri Selangor. Ini sebagai langkah dalam memberikan imej yang positif kepada para pelancong dari dalam dan luar negara dan selaras dengan kempen Selangor Shines yang sedang berjalan ketika ini. Reka bentuk papan tanda ini akan diseragamkan di seluruh negeri Selangor terutama di sempadan-sempadan daerah dan negeri. Projek program ini dijangka akan bermula pada bulan Jun yang akan datang.

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan dan Tourism Selangor Sdn. Bhd. mulai tahun 2010 telah merancang, mengenal pasti sekurang-kurangnya 9 produk baru pelancongan setiap tahun. Sepanjang tahun 2010, produk-produk yang dikenal pasti yang antaranya adalah, satu Broga Hill di Hulu Langat di bawah MPKJ, dua Genting Strawberry *Leisure Farm* di daerah Hulu Selangor, Majlis Daerah Hulu Selangor. Tiga, *rabbit fund land*, juga di Hulu Selangor di bawah MPKJ. Empat GM Klang di Majlis Perbandaran Klang. Sepang Gold Coast di Sepang. Istana Bamboo Restaurant di Hulu Langat di bawah MPAJ, Ampang Jaya. Sungai Chilling di Hulu Selangor di bawah Majlis Daerah Hulu Selangor dan sebagainya.

Pada tahun 2011, Kerajaan Negeri akan teruskan usaha mengenal pasti produk-produk baru yang berpotensi untuk dipromosikan dan diketengahkan. Lawatan pemantauan produk melalui kerjasama UPEN, Tourism Selangor, Tourism Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan telah mula dilaksanakan pada awal bulan Mac yang lalu di beberapa daerah dan PBT seperti Kuala Langat, Sabak Bernam, Sepang dan Hulu Selangor. Promosi-promosi dalam dan luar negara sentiasa di laksanakan dari masa ke semasa. Dalam setiap promosi yang dijalankan semua produk-produk pelancongan di negeri Selangor akan turut dipromosikan melalui brosur, risalah, CD, majalah dan sebagainya dan kita juga menggunakan media tradisional bersama dengan media baru ataupun media sosial. Kini melalui Tourism Selangor, brosur dan risalah bagi setiap daerah dan juga PBT telah diterbitkan yang akan memberikan maklumat yang lebih jelas tentang pelancongan di setiap daerah dan PBT yang berkenaan. Ini juga akan membantu mempromosikan produk-produk pelancongan di samping memperkenalkan daerah dan PBT berkenaan.

TUAN SPEAKER : Bukit Antarabangsa. Tidak Hadir. Balakong. Tidak Hadir. Sijangkang

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Tuan Speaker, soalan No. 52.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK : JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

52. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- (a) Apakah perancangan Jabatan Agama Islam Selangor dalam memberikan lebih ramai lagi berpeluang melanjutkan pendidikan menengah agama?
- (b) Apakah yang dilakukan oleh JAIS dalam memperkasakan lagi sekolah agama rakyat yang mungkin menjadi alternatif pendidikan menengah agama?

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Tuan Speaker, soalan mengenai bagaimanakah caranya kita nak menambah tempat-tempat untuk anak-anak yang ingin

melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah agama. Sebagaimana yang di bincang, dua tiga hari yang lalu, di antara masalah-masalah yang kritikal yang dihadapi dalam pendidikan di negeri Selangor ini ialah ketidakmampuan Kerajaan Negeri melalui JAIS terutamanya untuk menampung keperluan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka terutama setelah mereka tamat darjah 6, memasuki tingkatan 1 kita dapati tempat-tempat begitu terhad. Cukup lah saya katakan sebagaimana yang disebutkan sekitar dalam 10% atau kurang daripada 10% tiap 100 orang yang minta kita tidak boleh tampung 10 per 10 orang pun setiap 1,000 yang minta kita tak boleh tampung 100 orang pun sebab itu, keadaan ini semakin mendesak. Persoalannya ialah kenapa ibu bapa nak memilih sekolah agama ini? Setakat yang saya tahu, Sijangkang ialah yang pertama oleh kerana sekolah agama ini dapat memastikan, insha-Allah di kalangan anak-anak ini, supaya menjadi anak-anak yang soleh, anak yang solehah. Jadi ini... ini persepsi daripada ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah agama sebagai salah satu daripada cara mengongkong anak-anak ini supaya tidak terjebak dengan gejala sosial yang dibincangkan panjang lebar oleh Selat Kelang sebentar tadi.

No. 2, kenapa mereka memilih sekolah agama, melihat keputusan peperiksaan sekolah agama ini jauh lebih baik daripada sekolah-sekolah biasa bahkan sekolah-sekolah agama yang tarafnya separuh hostel, separuh asrama pun mempunyai keputusan yang setanding dengan sekolah asrama penuh seperti Sekolah Alam Shah, Sekolah Tun Fatimah dan sebagainya. Perlu juga saya sebutkan, Tuan Speaker kita ambil misalnya maahad tahfiz di Jugra, dengan segala kekurangan-kekurangan dari segi guru, kelengkapan sampai sekarang ini pun belum ada lagi makmal mata pelajaran sains yang disediakan tetapi keputusan yang lepas dalam UPSR, PMR dan sebagainya adalah merupakan keputusan antara yang terbaik di negeri Selangor ini, walaupun guru-gurunya tidak menerima pengajaran, latihan yang sempurna sebagaimana sekolah-sekolah di tempat lain. Ini bermakna mata pelajaran agama, Al Quran yang bersarang di dada mereka itu sudah menjadi satu penggerak, satu kuasa, satu kekuatan untuk mereka menjulang kecemerlangan dalam bidang pendidikan.

Kemudian tentang apa kah yang dilakukan oleh JAIS dalam memperkasakan lagi sekolah agama rakyat yang mungkin menjadi alternatif pendidikan menengah agama. Yang pertama, ialah kita membina bangunan baru SAM Paya Jaras dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh yang akan datang ini. Kita sebenarnya banyak permintaan, Tuan Speaker, untuk JAIS mengadakan sekolah-sekolah yang lebih banyak untuk menampung keperluan ini tetapi satu kesilapan besar yang dilakukan oleh Kerajaan yang lalu ialah menyerahkan 23 SABK, sekolah-sekolah Menengah Agama yang dibina oleh Kerajaan Negeri Selangor, tanah kerajaan, bangunan kerajaan tetapi diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan yang akhirnya pemimpin seperti YAB. Menteri Besar, saya dan teman-teman yang lain pun tidak diberikan kebebasan untuk datang dan untuk bertemu dengan guru-guru dan pelajar-pelajar terutama untuk memberikan motivasi kepada mereka. Banyak halangan-halangan bahkan dalam mesyuarat PIBG pun kita dilarang untuk kita berserta bersama-sama dalam majlis tersebut. Oleh kerana kita direnggangkan daripada hubungan kita dengan guru-guru, dengan sekolah, dengan pelajar-pelajar maka kita dapati urusan mengenai pengurusan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah tersebut, 23 sekolah... *prime school* dengan izin sekolah-sekolah utama, sekolah-sekolah yang cemerlang telah diserahkan kepada Kementerian. Maka dengan itu, kita merangkak-rangkak sekarang ni nak mencari alternatif bagaimana kita nak menampung anak-anak kita yang sudah tamat sekolah rendah untuk menyambung pelajaran di sekolah menengah.

No. 2 kita membina bangunan tambahan untuk bilik darjah di SAMTSH Kg. Jawa dan juga di SAMTAJ di Shah Alam ini. Jadi tindakan sedang diambil untuk melihat kalau ada kawasan-kawasan di kawasan tersebut untuk kita bangunkan kelas-kelas tambahan, untuk kita bangunkan yang berasrama-asrama tambahan di tempat yang sama untuk menjimatkan

perbelanjaan daripada kita meneroka kawasan baru sudah tentulah mempunyai kos yang tinggi daripada infrastruktur-infrastruktur yang mesti didatangkan kepada sekolah-sekolah baru tersebut maka kita telah mengambil keputusan untuk menggunakan sekolah-sekolah yang sedia ada untuk mencari ruang-ruang bagaimana caranya kita dapat menambah kelas-kelas untuk membolehkan anak-anak kita dapat belajar dengan selesa.

No. 3 membina bangunan MIT Shah Alam di Seksyen 24 Alam Impian. Ini sudah pun diluluskan dan peruntukannya pun telah pun diluluskan. Kita akan bina. Yang ketiga, ialah Maahad, Integrasi Tahfiz satu lagi di Alam Impian. Kemudian yang keempat, membuat perbincangan dengan MARA untuk usaha sama menubuhkan MRSM Tahfiz sebagaimana yang diberitahu kepada saya, perbincangan sedang giat dijalankan dengan pihak MARA untuk kita dapat menubuhkan Maahad Tahfiz yang sedemikian yang dapat dianjurkan bersama oleh pihak MARA dengan Kerajaan Negeri.

Yang Kelima, ialah membuat perbincangan kerjasama dengan sekolah-sekolah swasta yang berkemampuan untuk kemungkinan menubuhkan Sekolah Islam Bersepadu (*Integrated Islamic School*) secara semi *private*, *semi government* ya yang dapat dilaksanakan. Ini pun satu opsi yang sedang dilihat oleh MAIS dan insya-Allah dalam masa yang terdekat ini saya diberitahu satu lakaran yang konkrit akan dapat dikemukakan untuk melahirkan sekolah-sekolah yang sedemikian.

Untuk memperkasakan sekolah-sekolah agama rakyat, Majlis Agama Islam telah menubuhkan satu jawatankuasa di bawahnya untuk melihat, meneliti, merancang, membuat dasar-dasar bagi tujuan menyelaras, membantu dan memperkasa sekolah ini. Jawatankuasa ini dikenali sebagai Jawatankuasa sekolah Tahfiz negeri Selangor. Dipengerusikan oleh Prof. Madya Dato' Dr Halim Tamuri (salah seorang Ahli MAIS) dan dianggotai oleh Bahagian Pendidikan Islam, Bahagian Dakwah JAIS, Persatuan Institusi Tahfiz, KUIS, UKM, Kagat Tentera dan Individu yang dilantik.

Jadi dengan langkah-langkah yang sedemikian di harapkan walaupun kita tidak boleh *accommodate* keseluruhan daripada permintaan ibu bapa yang begitu tinggi untuk memasukkan anak-anak kepada sekolah-sekolah agama terutamanya waktu di tingkatan 1 tetapi sesuatu yang sedang kita lakukan ini dan diharapkan dalam jangka panjangnya dengan rundingan-rundingan yang lebih kerap dengan Kerajaan Persekutuan, rundingan dengan MARA dan sebagainya dan dengan mengadakan keupayaan dari segi Kerajaan Negeri sendiri kita harap masalah ini dapat diselesaikan walaupun dapat dikurangkan kemungkinannya tidak dapat diselesaikan dengan sepenuhnya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

YB. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan tambahan. Kita tahu bahawa, Kerajaan Negeri Selangor sudah kehilangan 23 buah sekolah SABK dan saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat yang baru-baru ini hadir ke Kuala Langat, terutama Menteri Pelajaran memberikan sumbangan kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan ini tetapi cukup mengecewakan saya sebab di dalam program yang cukup baik itu dijadikan satu bentuk manipulasi yang akhirnya bendera-bendera *team* dacing begitu berselerak dan ini bukannya pertama kali. Pada tahun lepas, mesyuarat agung UMNO juga diadakan di Sekolah Menengah Tengku Ampuan Rahimah ini sehingga bendera-bendera UMNO masuk ke dalam sekolah. Ini sangat mengecewakan bagi pihak saya kerana mereka menggunakan sekolah ini sebagai tempat pendidikan, sebagai tempat untuk mereka berpolitik. Walaupun ada tempat lain, contohnya dewan Jugra yang tidak digunakan, kosong boleh

digunakan untuk tujuan-tujuan tersebut. Soalan saya, saya melihat bahawa dua buah sekolah berbentuk Maahad Integrasi Tahfiz yang ada di bawah kekuasaan negeri Selangor pada hari ini yang saya kira perlu diperkasakan dan saya mendapat maklumat bahawa pelajar-pelajar *batch* yang pertama di Mitib sudah mendapat peruntukan untuk membina makmal yang mana mereka sudah berada di tingkatan 4 dan ada keperluannya di situ tetapi sehingga pada hari ini masih lagi belum dijalankan dan saya nak tahu apakah masalah yang sebenarnya sehingga berlaku kelewatan seperti ini dan kalau dibenarkan juga saya ingin menyentuh berkaitan dengan masjid Jenjarom yang saya dimaklumkan sudah ada peruntukannya, sudah ada tendernya tetapi sehingga hari ini mengecewakan rakyat terutamanya di kampung Jenjarom itu sendiri yang mana masih belum lagi nampak tanda-tanda untuk dibina. Kita tidak mahu kalau sebelum pilihan raya dahulu naik tanda pembinaan masjid daripada Kerajaan Barisan Nasional sehingga reput tanda itu dan kita tidak mahu kalau perkara ini akan berulang di zaman pemerintahan pakatan rakyat. Terima kasih.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Sijiangkang. Pertama sekali tentang pengaruh politik. Inilah yang berlaku. Bahkan dua, tiga hari yang lepas, bila Timbalan Perdana Menteri datang ke Selangor ini dalam lawatannya pun kita lihat mereka menggunakan sekolah SABK dan sebagainya dan memang sepanduk-sepanduknya penuh dalam kawasan sekolah itu termasuklah saya diberitahu sampai kepada dewan-dewan. Ini sepatutnya tidak berlaku dan saya rasa ini satu perkara yang penganjur-penganjur terutamanya teman-teman yang di sebelah sana tu kena faham, kena faham perkara ni.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Speaker, Seri Setia nak mencelah

TUAN SPEAKER : Nanti dulu, sebab tengah jawab ni.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Ok... ok saya jawab sikit aje. Jadi sebab itu lah kita memerlukan, sebenarnya kita sekarang sudah dapat mengawal masjid-masjid dan surau-surau dan sebagainya daripada pengaruh-pengaruh yang sedemikian tapi bila masjid dan surau tutup pintunya sedemikian rupa mereka cari ruang-ruang yang lain. Ruang yang terbuka sekarang ialah sekolah-sekolah terutama sekolah-sekolah SABK, yang mana sekolah-sekolah itu dahulu dimiliki oleh Kerajaan Negeri dan kita tidak boleh ambil control langsung sekolah-sekolah yang di bawah terus kepada Kerajaan Persekutuan. Maka yang kedua, tentang makmal di Mitib itu, semuanya sudah tersedia, saya mengadakan mesyuarat 4 hari yang lepas dengan JKR, kerja-kerja akan dimulakan dan oleh kerana makmal ini pun tidak sebesar mana difikirkan dalam beberapa masa dalam 6/7 bulan begitu makmal itu dapat disiapkan.

Kemudian tentang masjid Jenjarom itu, saya rasa dah terkeluar sikit daripada soalan ini tetapi apa pun masjid, kalau misalnya peruntukan telah diluluskan pada tahun ini misalnya saya akan memastikan bahawa masjid Jenjarom kalau peruntukannya telah diluluskan, insya-Allah akan dilaksanakan pada tahun ini juga. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya. Seri Setia.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Soalan Tambahan. Seri Setia ingin bertanya kenapa wujud dwistandard kalau kita lihat dalam sikap pembangkang kerana apabila kita nak adakan wacana ilmiah di masjid ataupun di universiti yang melibatkan pimpinan parti-parti politik mereka tidak benarkan tetapi apabila mereka adakan program politik sempit sama ada di masjid mahu pun di universiti ataupun di sekolah tidak menjadi isu bagi mereka.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Ialah Yang Berhormat, tentang perkara ini kita pun dah berbincang dua tiga hari yang lepas. Tentang standard, dwistandard yang diguna pakai bila kita yang terlibat kita dapati satu standard yang digunakan bila mereka yang terlibat satu standard pula yang digunakan dan saya rasa perkara ini tidak dapat diselesaikan sampai bila-bila pun tidak dapat diselesaikan. Hanya perkara ini dapat diselesaikan oleh rakyat dalam pilihan raya yang akan datang ini diharapkan penyelesaian di tangan rakyat dan kita akan dapati jika sekiranya Pakatan Rakyat dapat tembus pergi ke Putrajaya saya rasa ini dapat diselesaikan. Terima kasih.

(Tepuk meja)

YB DATO' ABD. RAHMAN BIN PALIL : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya Sementa.

YB DATO' ABD. RAHMAN BIN PALIL : Hebat Gombak bercakap. Paku dulang, paku serpih, mengata orang sebelah sana pun lebih. Saya dapat satu surat contoh, Tuan Speaker, jemput hari kantin Sekolah Rendah Agama Batu 4 minggu lepas, saya terperanjat, terima kasih lah jemput. Lagi 2 hari, Yang Berhormat, minta maaf lah Yang terhormat

TUAN SPEAKER : Silap hantar.

YB DATO' ABD. RAHMAN BIN PALIL : Tak... tak boleh datang Yang Berhormat? Kenapa? Atas arahan Yang Berhormat parti lain. Hah! Pada hal sekolah tu... waktu Kerajaan Barisan Nasional buat sebelah pejabat perkhidmatan saya Yang Berhormat ahli Ijok. Paku dulang paku serpih, mengata orang lagi dia lebih. Hah! dekat masjid, memang sepanduk tak ada, bendera tak ada tapi gambar pemimpin-pemimpin ada kat tepi masjid, waktu saya dulu jadi EXCO oh buka tak boleh. Kalau sekolah menengah tak boleh masuk, Yang Berhormat tak boleh masuk kami sekolah agama juga tak boleh masuk juga sama aje Yang Berhormat. Jangan banyak sangat retorik. Sama aje. Itu aje masalahnya.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Hah! cukuplah tu...

TUAN SPEAKER : Hah! Sementa tunjuk taringlah ni.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Ok Sementa, terima kasih Sementa. Pertama sekali, bagi surat tu kepada saya, Saya akan lihat, kenapa Yang Berhormat tidak digalakkan, tidak dijemput setelah dijemput tetapi dibatalkan. Bagi kat saya surat tu kalau boleh selepas persidangan ini nanti. Kalau saya bagi sehingga pukul 12.30 tak dapat surat tu, maknanya surat tu tak pernah wujud dalam dunia tu. (Tepuk meja).

No. 2, yang dikatakan sama saja. Tidak sama saja, kalau kita lihat masjid-masjid dan surau-sarau dan sebagainya saya tak pernah melihat sama sekali di mana kita di sini berada di masjid dengan lambang-lambang dengan beg-beg yang gambar BN dan sebagainya, gambar dacing tapi yang diberikan kepada saya gambar-gambar itu di Hulu Selangor misalnya beg-beg, beg-beg dacing, apa pun gambar dacing seluruh masjid itu di dacing kan (ketawa) hah! jadi kita jaga perkara ini sebab kita dinasihatkan oleh Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan sentiasa menasihatkan kita supaya kita tidak menggunakan masjid dan surau secara terang-terangan dengan berpolitik secara politik kepandaian jadi kita harap perkara ini tidak berlaku dan kita mengharap, saya hanya dapat mengharap supaya kedua-duanya sekali, kita pun teman-teman di sebelah sana pun dapat menghormati apa yang telah dibuat supaya keadaan lebih

harmoni lagi. Yang masalahnya kita tidak ada apa-apa sebenarnya, Yang Berhormat Sementa tak ada apa-apa, Gombak Setia pun tak ada apa-apa tapi rakyat tu jadi kita kena selamatkan rakyat negeri Selangor daripada *confusion* kita sendiri melakukannya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Lembah Jaya.

YB. TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Terima kasih Speaker, Soalan No. 53

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PENGENDALIAN LIF

53. Di antara permasalahan “Rumah pangsa Kos Rendah” adalah pengendalian lif-lif:

Bertanya kepada YAB. Dato’ Menteri Besar:-

- (a) Apakah rancangan jangka panjang Kerajaan selain peruntukan membaiki pulih lif-lif yang rosak.
- (b) Di antara puncanya adalah kegagalan “JMB” dalam pungutan “*Maintenance Fees*” dan sikap pengguna lif sendiri, apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah yang berlarutan ini?

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Terima kasih kepada Lembah Jaya. Berdasarkan peruntukan harta hak milik strata 1985 ataupun Akta 318 Bangunan kawasan kemajuan berstrata termasuk pangsapuri kos rendah adalah merupakan lot-lot hak milik kawasan persendirian di mana segala kos berkaitan penyelenggaraan dan pengurusan harta bersama seperti lif, bumbung, tangga dan sebagainya dibiayai melalui kutipan caj penyelenggaraan yang dibayar oleh pembeli kepada pemaju, badan pengurusan bersama iaitu JMB, perbadanan pengurusan ataupun MC atau agen pengurusan yang dilantik oleh Pesuruhjaya Bangunan. Justeru itu, memandangkan lif adalah komponen dan kemudahan asas yang paling penting bagi pembeli-pembeli pangsapuri kos rendah dan perbelanjaan penyelenggaraan lif adalah sangat tinggi, Kerajaan Negeri selaras dengan dasar Selangor negeri idaman, maju, sejahtera dan berkebakikan telah membuat perancangan jangka panjang untuk mengambil alih pengurusan lif di pangsapuri kos rendah secara berpusat. Walau bagaimanapun satu kajian komprehensif sedang dilaksanakan oleh PKNS bagi mengenal pasti sistem pengambilalihan pengurusan lif yang lebih efektif sama ada melalui penubuhan melalui satu anak syarikat kerajaan negeri atau kontraktor-kontraktor yang diiktiraf kelayakannya yang berdaftar, yang dilantik kerajaan negeri sebagai ejen pengurusan lif supaya penyelenggaraan lif di kawasan pemajuan terbabit dapat dilaksanakan secara cekap dengan penggunaan sumber serta kos yang optimum. Menyentuh tentang masalah kegagalan JMB memungut *Maintenance Fees* dengan izin, untuk menyelenggarakan lif-lif tersebut dalam menyelesaikan isu ini sikap pengguna lif sebelum kita melaksanakan program baik pulih lif-lif di mana kawasan pemajuan kos rendah yang terlibat kerajaan negeri telah terlebih dahulu akan mengadakan, perlu mengadakan taklimat untuk menerangkan kepentingan dan penyelenggaraan lif yang berkala bagi menjamin keselamatan semasa penggunaan lif dalam kehidupan seharian.

Di samping itu dengan memperkenalkan konsep *cost sharing* dengan izin perkongsian kos antara Kerajaan Negeri yang mungkin akan membiayai sehingga 70% dan pembeli akan

membiayai 30% bagi kos pembiayaan baik pulih lif tersebut maka kami berharap atau Kerajaan Negeri berharap pembeli akan mempunyai rasa kepunyaan dan bertanggungjawab untuk menjaga lif dengan baik serta menghindari sebarang gejala vandalisme. Manakala setelah lif itu siap di baik pulih, pemaju GMB atau MC mahupun agen pengurusan hendaklah memastikan lif dienggara secara berjadual dan berkala serta boleh mengambil inisiatif menubuhkan satu jawatankuasa khas ataupun jawatankuasa bertindak terdiri daripada penduduk di peringkat kawasan pemajuan yang bertanggungjawab bagi memastikan lif sentiasa dalam keadaan baik, selamat dan tidak berlaku sebarang vandalisme. Bagi meningkatkan lagi usaha memupuk sikap keprihatinan dan kebertanggungjawaban dan tahap kesedaran pihak pembeli rumah bertingkat mengenai tanggungjawab mereka, Kerajaan Negeri telah meluluskan program Kempen Pangsapuri Kita Bersih, Ceria dan Harmoni di kawasan perumahan bertingkat khususnya perumahan kos rendah yang turut membawa mesej penghargaan kepada pembeli yang telah menjelaskan bayaran caj penyelenggaraan. Matlamat dan objektif kempen ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan memberi pendidikan serta menanamkan semangat kekitaan di kalangan pembeli-pembeli untuk menjaga kawasan pemajuan masing-masing. Kerajaan Negeri juga sedang merangka satu garis panduan berkenaan penetapan kaedah dalaman ataupun *house rules* atau undang-undang kecil untuk ditetapkan dalam Mesyuarat Agung Badan Pengurusan bersama atau GMB atau Perbadanan Pengurusan, MC. Tujuan penetapan kaedah dalaman atau undang-undang kecil ini adalah supaya GMB atau MC dapat merealisasikan peraturan penyewaan dan bertanggungjawab membayar caj kepada pembeli secara seragam di kawasan-kawasan pemajuan berstrata di Negeri Selangor. Terima kasih.

YB TUAN SPEAKER : Waktu pertanyaan sudah tamat. Urusan seterusnya.

III. RANG UNDANG-UNDANG

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-Undang seterusnya Rang Undang-Undang Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2010. Bacaan kali ketiga.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan kepada Dewan bahawa Rang Undang-Undang Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2010 telah diperbincangkan di peringkat Jawatankuasa Pilihan Rang Undang-Undang Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2010 dan penyata berkenaan dengannya telah pun dibentangkan kepada Dewan seperti di kertas mesyuarat bilangan 11 tahun 2011. Saya ingin pertamanya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Pilihan yang telah menjalankan tugas mereka secara baik dan sempurna. Jawatankuasa Pilihan yang ditubuhkan untuk mengkaji Rang Undang-Undang Kebebasan Maklumat Negeri Selangor dan sekarang saya ingin ringkaskan sebagai FOI, adalah merupakan satu jawatankuasa yang pertama di sejarah Dewan Negeri Selangor ditubuhkan untuk mengkaji rang undang-undang. Jadi syabas dan tahniah. Ini adalah produk, produk Ahli-ahli Yang Berhormat daripada mesyuarat termasuk *enquiry* di mana pihak orang awam, NGO-NGO dan juga Pegawai-pegawai Kerajaan telah memberi maklum balas cadangan dan syor-syor kepada jawatankuasa ini. Proses ini telah mengambil selama 9 bulan dan 9 bulan ini mereka semua telah bekerja untuk menghasilkan satu enakmen yang boleh diguna pakai di Negeri Selangor. Dan ini juga adalah satu titik sejarah yang amat penting bukan sahaja di Negeri Selangor tetapi di seluruh negara kerana tidak ada satu negeri yang berani dahulunya untuk memulakan konsep *Freedom Of Information*, dengan izin FOI sehingga Pakatan Rakyat mengambil alih kuasa di Negeri Selangor. Ini adalah satu produk, produk yang datang dari kuasa rakyat yang berani dan benar untuk memilih Pakatan Rakyat pada 8 Mac 2008. Tetapi perjalanan kita hanya baru bermula. Syor-syor dan juga cadangan-cadangan untuk meminda beberapa bahagian ataupun seksyen daripada rang undang-undang telah

dibuat oleh Jawatankuasa Pilihan dan Kerajaan Negeri Selangor Pakatan Rakyat menerima cadangan-cadangan tersebut secara baik. Kerana cadangan dan juga syor-syor yang beri oleh semua pihak merupakan syor yang dapat menambah baik lagi rang undang-undang ini. Saya juga ingin menekankan bahawa proses untuk merangka satu enakmen kebebasan maklumat, *Freedom Of Information Enactmen* adalah satu ilham yang di cetus oleh Yang Amat Berhormat Ijok hampir 5 tahun dahulunya. Dan ini menunjukkan sikap keterbukaan, komitmen dan *determination* Pakatan Rakyat untuk menambah baik lagi urus tadbir Kerajaan Negeri, jabatan-jabatan termasuk Pihak Berkuasa Tempatan dan GLC-GLC. Saya juga ingin maklum kepada Dewan ini bahawa memang kita ingin buat satu rang undang-undang yang lengkap dan sempurna tetapi kita memang terhad kerana kuasa yang kita ada di bawah Kerajaan Negeri adalah terhad, dihadkan oleh Perlembagaan. Jadi apa yang penting adalah kita meluluskan satu rang undang-undang yang tidak menjadi satu rang undang-undang yang *ultra virus* akhirnya. Apa yang kita perlu buat kita sudah masuk ke dalam buku ini dan rang undang-undang ini, enakmen ini perlu dilihat sebagai satu, satu undang-undang, satu enakmen yang dinamik. Maksudnya, hari ini kita boleh luluskan dan kalau dalam 5, 6 bulan kita rasa kita boleh lagi menambah baik lagi undang-undang ini, enakmen ini jadi kita dari Kerajaan Negeri Selangor Pakatan Rakyat memang amat gembira untuk menerima cadangan-cadangan tersebut. Saya juga ingin pada pagi ini meluahkan perasaan ketidakpuasan.

Satu, adalah dalam Jawatankuasa Pilihan ini ada beberapa wakil dari Barisan Nasional yang langsung tidak hadir dalam mana-mana mesyuarat yang diadakan oleh Jawatankuasa Pilihan ini. Mereka dari Barisan Nasional ada peluang untuk mereka dan mencipta sejarah bersama rakyat Selangor. Bukan Pakatan Rakyat tapi dengan rakyat Selangor. Tetapi mereka melepaskan peluang yang emas ini. Saya rasa ini adalah satu tindakan yang amat kesal, yang saya amat kesallah. Tapi walau bagaimanapun dengan sokongan rapat dari pihak NGO, dari peguam-peguam, dari semua Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pakatan Rakyat, akhirnya kita berjaya. Ini adalah kejayaan rakyat di Negeri Selangor dan kita juga perlu selepas ini melihat apa yang telah diluluskan dan kita perlu kerja. Ini hanya permulaan sahaja. Memang susah kalau kita hendak buat semuanya dalam *over night* lah. Tetapi kalau kita menggunakan masa yang disyorkan oleh Jawatankuasa Pilihan, saya yakin dengan kerjasama rakyat, dengan kerjasama NGO, kita boleh mengambil kesempatan ini untuk menubuh beberapa macam badan seperti mana yang disyorkan di sini. Kita juga perlu kewangan yang cukup dan sempurna supaya undang-undang ini, enakmen ini boleh direalisasikan di Negeri Selangor. Kita perlu memberi peluang kepada Pegawai-pegawai Kerajaan untuk menjalankan latihan untuk memahami apa sebenar niat kita meluluskan enakmen ini. Dengan ini sekali lagi saya ingin akhiri dengan ucapan dan tahniah kepada semua khasnya dari Jawatankuasa Pilihan, dari NGO-NGO dan juga Pegawai-pegawai Kerajaan yang telah bekerja selama 9 bulan untuk merealisasikan hasrat rakyat di Negeri Selangor.

Maaf, dengan ini Tuan Speaker, saya ingin membawa usul menurut Peraturan Tetap 60 yang berbunyi iaitu:

Penyata Jawatankuasa ini diperkenankan.

YB TUAN DR. HAJI YAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, saya menyokong.

YB TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-Undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa Pilihan Rang Undang-Undang Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2010 dan telah dipersetujui sepenuhnya oleh Dewan yang mulia ini tanpa pindaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Rang Undang-Undang ini bolehlah dikatakan Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2010.

Aturan urusan mesyuarat seterusnya Usul No.1 Tahun 2011. Usul di bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Hulu Klang.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tuan Speaker, terima kasih. *Bismillahi rahmani rahim.* Bahawa Dewan ini menarik perhatian bahawa Pakatan Rakyat akan melaksanakan reformasi menyeluruh dalam semua aspek pengurusan negara. Program kedua dari sepuluh program 100 Hari Pakatan Rakyat mendapat mandat rakyat adalah memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA. Bahawa dengan ini, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar agar menggerakkan segera program ini dengan

1. Mewujudkan sekretariat khas untuk merangka dan menjalan program penerangan dan kempen mansuhkan ISA di seluruh Negeri Selangor.
2. Memberikan peruntukan bagi memasang papan-papan tanda atau *bill board* dengan izin di setiap DUN dengan tema Selamatkan Malaysia, Mansuhkan ISA.

Tuan Speaker,

Sesungguhnya agenda 100 hari Pakatan Rakyat merupakan satu yang sangat mulia. Di mana agenda pertamanya adalah untuk mereformasikan Institusi SPR, SPRM, Pejabat Peguam Negara dan PDRM untuk mengembalikan kewibawaan kepada sistem pentadbiran negara. Dan agenda kedua terus kepada memansuhkan Akta zalim ISA. Ini menunjukkan bahawa tawaran paling asas dan paling teras Pakatan Rakyat sekiranya diberikan kepercayaan dan mandat oleh rakyat adalah untuk menegakkan keadilan. Membebaskan rakyat dari kekangan dan kongkongan budaya takut dan ugut yang menjadi teras dan amalan Kerajaan UMNO Barisan Nasional. Hulu Kelang amat menyokong program ini dan merasakan apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor meluluskan usul di Dewan yang mulia ini pada tahun 2008 untuk menentang dan berusaha mengempenkan kezaliman ISA adalah satu yang mulia. Dan usaha-usaha daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu keluarga yang dianiaya oleh ISA melalui EXCO Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita adalah satu yang sangat disanjung. Tetapi apa yang perlu kita lakukan pada hari ini adalah untuk melonjakkan lagi usaha memberi penerangan kepada rakyat. Kerana hari ini kita ada kelebihan untuk melaksanakan program dengan segera kerana program kesedaran rakyat tentang kezaliman ISA ini merupakan satu

perkara yang sangat penting. Kerana rakyat perlu dijelaskan terutamanya di Negeri Selangor umat Islam, orang-orang Islam hendaklah kita fahamkan bahawa Undang-Undang ISA ini bertentangan dengan Agama Islam. ISA yang membolehkan Kerajaan menahan rakyat tanpa bicara. Undang-undang yang tidak sah kerana dia membolehkan rakyat ditahan tanpa bicara, undang-undang yang ditolak berbagai-bagai perundangan dan mana-mana undang-undang sekalipun termasuk undang-undang agama. Islam menolak sebarang undang-undang yang membolehkan pemerintah ataupun Kerajaan menahan rakyat tanpa bicara. Di dalam Al-Quran sekalipun peristiwa Nabi Musa yang kembali dari Madian bertemu dengan Firaun, yang umat Islam seluruh Negeri Selangor memahami Firaun itu adalah institusi pemerintahan yang paling zalim dan paling kejam. Walaupun Nabi Musa kembali dari Madian ke Mesir masih lagi dihadapkan Firaun yang zalim dan kejam itu masih lagi mewujudkan satu perbicaraan terbuka dan memberi ruang-ruang kepada Musa untuk mempertahankan diri, membela diri tetapi undang-undang ISA di atas rasa disyaki mengancam keselamatan negara, seseorang itu boleh ditahan tanpa bicara selama 60 hari. Dan apabila Menteri Dalam Negeri berasa berpuas hati, tahanannya boleh disambung untuk tempoh 2 tahun. 2,000 tahun sebelum peristiwa Musa dan Firaun dirakamkan di dalam Al-Quran, kisah Nimrud dan Ibrahim. Di mana Nabi Ibrahim didakwa dan dipercayai oleh seluruh penduduk kampungnya, pekan dan bandarnya telah melakukan jenayah memecahkan berhala. Walaupun begitu Nimrud yang zalim yang kejam itu masih memberi ruang kepada Nabi Ibrahim untuk membela diri menyatakan apa pendiriannya dan sebagainya. Inilah 2 tokoh besar yang zalim yang dilafazkan dirakamkan di dalam Al-Quran yang menjadi iktibar kepada kita. Sezalim-zalim mana tamadun sekalipun tetapi mereka tidak pernah membelakangkan ruang untuk memberi hak kepada rakyat membela diri. Tetapi ISA yang telah memangsakan lebih daripada 20,000 rakyat Malaysia sejak tahun 60 hingga pada hari ini ditahan tanpa bicara dan bahkan saya telah mengungkapkan dalam perbahasan baru-baru ini bahawa negara yang zalim, yang orang Islam di Negeri Selangor ini faham negara yang zalim Israel Zionis pun ada undang-undang yang sama. Tetap zalim tetapi mereka menahan rakyat di bawah kuasa *Military Order 1500* selama 15 hari yang hari ini sudah dipendekkan kepada 8 hari. Dan apabila ditahan boleh membela diri di depan Mahkamah Tentera dan apabila Mahkamah Tentera yang memang tak adil menyambung penahanan mereka, disambung 6 bulan sahaja. Berbanding dengan ISA yang menahan rakyat selama 60 hari yang lebih kejam daripada amalan Zionis Israel dan menyambung 2 tahun dengan kejam dan zalimnya. Sedangkan pemerintahan Zionis hanya menahan 6 bulan. Ini yang kita kena terangkan kepada rakyat Selangor. Biar rakyat Selangor diberi penerangan, diberi penjelasan yang sejelas-jelasnya bahawa undang-undang ini bertentangan dengan syariat Islam. Bertentangan dengan undang-undang Islam. Dan bagi umat yang bukan Islam di Negeri Selangor hendak jelaskan kepada mereka bahawa undang-undang ini adalah bertentangan dengan amalan undang-undang yang adil dan saksama.

YB TUAN SULAIMAN BI ABDUL RAZAK : Speaker. Boleh mohon penjelasan?

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Sila.

YB TUAN SULAIMAN BI ABDUL L RAZAK : Terima kasih Hulu Kelang. Tuan Speaker saya ingin bertanya kepada Hulu Kelang mengenai undang-undang ISA dalam mukadimah tadi, saya boleh terima pendapat Hulu Kelang mengenai ISA. Tetapi sedar tak Hulu Kelang bahawa dalam kes-kes yang terkini, undang-undang ISA juga sudah dicabar di mahkamah? Dalam beberapa kes, ada beberapa kes termasuk yang melibatkan ADUN dalam Barisan Negeri Selangor juga sudah mengemukakan cabaran di mahkamah bahawa undang-undang ini mereka dibebaskan kemudiannya daripada tahanan ini kerana mahkamah mendapati tahanan ini atau pun penahanan ini tidak sah. Ini bererti bahawa ada hak untuk siapa-siapa juga yang

ditahan di bawah ISA bawa ke mahkamah dan mahkamah kalau mendapati penahanan ini tidak sah mereka boleh dibebaskan.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan yang asas ini undang-undang ini masih wujud. Ini adalah percubaan-percubaan yang terakhir ini yang berjaya. Kerana sebelum ini semua kes ditolak.

YB TUAN SULAIMAN BI ABDUL RAZAK : Maknanya ada hak kepada rakyat

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Speaker.

YB TUAN SULAIMAN BI ABDUL RAZAK : Bukanlah sepenuhnya tak ada hak.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Speaker, minta mencelah. Minta izin untuk bertanya. Terima kasih Hulu Kelang. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Hulu Klang. Bukankah sebenarnya kuasa untuk mahkamah *review* tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri ISA sudah pun dikurangkan dan dicairkan dalam pindaan demi pindaan yang telah dibuat Kerajaan Barisan Nasional? Jadi jaminan-jaminan yang wujud untuk undang-undang ISA sekalipun yang ada pada tahun 1960 dahulu sebenarnya hari ini sudah kebanyakannya terhakis.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Bukan, soalnya bukan dicairkan tetapi dihapuskan. Ruang itu sudah ditutup sama sekali. Izinkan saya meneruskan. Dan di antara kezaliman ISA ini adalah berlakunya penyeksaan. Terdapat testimoni pengakuan-pengakuan yang telah dikemukakan ke SUHAKAM oleh bekas-bekas mangsa ISA. Mereka diseksa, ditendang, diterajang, ditumbuk, dipaksa minum air kencing dan macam-macam lagi yang tidak sanggup saya nyatakan di Dewan yang mulia ini tetapi dirakamkan oleh Suruhanjaya dan Badan-badan Hak Asasi Antarabangsa. Tetapi yang gejala sekali dalam ISA ini adalah kuasa Kerajaan untuk menerapkan budaya ugut, ancaman dan menakut-nakutkan rakyat. Dan kesan daripada itu berlakulah pembolotan kuasa pemusatan kuasa yang cukup luar biasa dalam amalan sistem demokrasi negara. Di mana kuasa berada di tangan seorang Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri, yang boleh menakut-nakutkan rakyat. Sebarang usaha untuk membantah termasuk membantah tol boleh dikenakan ISA. Usaha untuk menggunakan Internet menyebarkan maklumat yang sah diugut dan diancam dengan ISA. Apatah lagi usaha-usaha yang telah dilakukan untuk membawa kesedaran rakyat kepada kembali kepada amalan demokrasi sebagaimana yang dilakukan sejak daripada tahun 60an.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Hulu Klang boleh mohon mencelah?

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Boleh, silakan

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ok, terima kasih. Soal menakut-nakutkan ni saya hendak bertanya kepada Hulu Klang. Menakutkan dari sudut apa? Hari ini dalam soal media baru, semua orang bebas bercakap, bebas menulis, *blog*, *facebook*, *twitter* semua bebas sekarang. Tak ada sekatan apa-apa. Boleh hentam Kerajaan, boleh kutuk Kerajaan. Sampai waima budak sekolah pun boleh tulis dalam *blog* tak ada masalah. Kecuali kalau perkara-perkara yang berunsur fitnah. Yang itu penulis kena bertanggungjawab. Pada saya, soal kebebasan, tak ada apa yang kita kata di, Hulu Klang menakut-nakutkan dalam konteks menggunakan saya rasa tak ada sebenarnya dalam konteks negara kita. Boleh jelaskan?

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Saya ingin rakamkan, kita ucapkan tahniah kepada rakyat yang sudah mula berani bangkit menentang kezaliman dan ketidakadilan. Ini adalah kesan daripada rakyat tentang kezaliman undang-undang ISA yang hanya bermotif politik yang akan hanya akan dapat dilawan apabila rakyat sedar dan berani bangkit. Tetapi walau bagaimanapun kesan daripada itu masih luas. Itu yang menjadikan UMNO masih dapat berkuasa. UMNO hanya dapat berkuasa dengan bantuan subsidi daripada undang-undang ISA. UMNO dapat kemerdekaan daripada British dalam keadaan darurat, 48 – 60. UMNO menang pilihan raya, Perikatan menang pilihan raya tahun 1959 dalam keadaan negara darurat. UMNO boleh mengadakan rapat-rapat umum sebelum pilihan raya 1959 sedangkan parti-parti gabungan tidak boleh. Kemudian apabila menang pilihan raya 1960 atas tekanan dan desakan pihak-pihak tempatan dan antarabangsa, UMNO terpaksa akur. UMNO menamatkan darurat pada 30hb. Julai. Tetapi menguatkuasakan satu undang-undang baru ISA pada 1 Ogos tahun 1960. Maknanya UMNO ini, Perikatan ini, dia bertongkatkan kepada undang-undang yang membela dia. Sejak zaman darurat dan kemerdekaan hinggalah pilihan raya yang pertama 1959 dan kemudian hingga hari ini sesiapa sahaja boleh diancam. Digunakan untuk menakut-nakutkan rakyat sebagaimana yang berlaku di Negeri Selangor. Apabila Kerajaan Negeri Selangor berkuasa, makin popular dengan program-program merakyat ekonomi Negeri Selangor yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, maka tiba-tiba seorang anggota EXCO dari Kinrara ditahan di bawah ISA. Ini adalah budaya takut, budaya menakut-nakutkan. Sudah pasti rakyat akan terasa takut. Tetapi Alhamdulillah, kita tidak hiraukan. Kita bawa usul menentang ISA. Kita bahaskan isu ISA di Dewan ini walaupun bidang kuasanya bukan bidang kuasa Dewan Negeri tetapi kita hendak menyedarkan Ahli-ahli Dewan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, rakyat Negeri Selangor, Pegawai-pegawai Kerajaan tentang kezaliman ISA. Jadi ini saya ingin tegaskan bahawa program menyemarakkan program 100 hari Pakatan Rakyat hendaklah dilaksanakan dengan segera oleh Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor. Dan kita ada keistimewaan di Dewan yang mulia ini daripada 35 anggota Pakatan Rakyat, 4 orang telah merasa menjadi mangsa undang-undang kezaliman ISA. Yang Berhormat Kinrara, Kota Damansara, Kota Alam Shah dan Hulu Kelang. Dan kami merasa terpanggil untuk betul-betul meminta dan menggesa Kerajaan Negeri Selangor menjayakan satu sekretariat antaranya bekerjasama dengan NGO-NGO khususnya Gerakan Mansuhkan ISA untuk melakar dan merangka program-program penerangan, pendidikan, pengedaran risalah, mengadakan jelajah penerangan dan menginstitusikan program-program ini bukan hanya cara NGO tetapi menggunakan kemudahan-kemudahan jabatan Kerajaan kerana usul ini sekiranya diluluskan program Kerajaan, maka kakitangan Kerajaan, Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan, Jabatan-jabatan Kerajaan, PBT, GLC hendaklah juga merangka program ini agar mereka dapat kesedaran. Bukan hanya apa yang dilakukan oleh peringkat NGO tapi dilaksanakan dengan peruntukan Kerajaan yang sah. Teater yang berunsur seni untuk mendidik rakyat hendaklah digerakkan seluruh Negeri Selangor dengan bantuan EXCO Kebajikan sebagai contoh. Dan satu permintaan saya juga adalah *billboard*. Kerana Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang walaupun tidak membahaskan dan meluluskan usul menentang ISA lagi pada masa itu tapi telah menaikkan *billboard* besar yang menunjukkan komitmen mereka menentang kezaliman ISA. Jadi saya percaya dengan usul kita telah luluskan pada tahun 2008 dan usul yang bakal diluluskan pada Dewan ini, kali ini saya mencadangkan peruntukan yang secukupnya diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada PBT ataupun kepada melalui ADUN dan saluran yang sah agar *billboard*, papan tanda – papan tanda bertemakan Selamatkan Malaysia Mansuhkan ISA dinaikkan. Dengan itu saya memohon agar usul ini disokong. Terima kasih.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Speaker.

YB TUAN SPEAKER : Ia, Seri Setia.

YB TUAN NIK NAZMI BI NIK AHMAD : Seri Setia ingin turut sama menyokong usul yang dibawa oleh Hulu Klang dalam hal ini dan Seri Setia agak kesal sebab daripada soalan-soalan yang diutarakan oleh teman-teman kita daripada pihak pembangkang, pembangkang di Selangor ini maksudnya Barisan Nasional lah. Walaupun kadang-kadang mereka tak faham beza pembangkang dan Kerajaan. Tapi nampaknya mereka terpengaruh dengan diayah tentang ISA dan tidak tahu tentang apa yang sebenarnya berlaku dalam ISA itu. Seri Setia beruntung kerana tidak berkongsi nasib macam Hulu Klang, Kota Alam Shah, Kota Damansara dan Kinrara yang pernah merasai pengalaman dalam ISA dan Seri Setia pun berharap tak merasai pengalaman tersebut. Cuma saya sendiri cuba mengikuti dengan dekat hal ini kerana ini merupakan satu isu yang bukan isu politik tetapi isu kemanusiaan dan isu keadilan yang patutnya di fikirkan oleh semua pihak tetapi kita pun tahu ye mungkin. Saya tak tahulah teman-teman saya terlalu patuh pada doktrin Biro Tata Negara atau terlalu terpengaruh dengan dakyah-dakyah yang disampaikan oleh Utusan Malaysia tetapi kalau sejarahnya kita faham ISA ini ia dirangka dengan jelas hanya untuk menentang pengganas Komunis. Ini telah dinyatakan sendiri oleh *parliamentary draftsmen* dengan izin yang bertanggungjawab untuk menggubal undang-undang dan membantu Tun Abdul Razak pada waktu itu membentangkan undang-undang ini di Parlimen.

Walau bagaimanapun kalau kita menyoroti Sejarah ISA kita boleh lihat tahanan mereka majoriti besarnya bukan komunis pun. Kebanyakannya sebagaimana mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang merupa pemimpin Pembangkang, Anwar Ibrahim pernah kena, Lim Kit Siang pernah kena, Yang Berhormat Khalid Samad pernah kena, jadi adakah mereka ini semua komunis belaka. Malah selain daripada Pimpinan Pembangkang saya baru beli satu buku *45 years ISA* tidak silap saya yang merupakan satu terjemahan buku bahasa Tionghoa kepada Bahasa Inggeris yang ditulis oleh aktivis Maha Siswa yang ditahan pada zaman 70-an selama 8 tahun kalau tidak silap saya di bawah ISA.

Di mana ada senarai penuh misalnya ketika Operasi Lalang yang turut merangkumi pimpinan Tarekat Shah Fandi yang turut merangkumi Anggota Persatuan Pekerja Pimpinan gereja dan sebagainya jadi adakah mereka ini semua komunis belaka. Sedangkan kita sudah tahu di dunia ini komunis di dunia ini dikatakan hampir pupus. Kalau tidak pupus pun. Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian sebab itu kalau kita lihat dari rekod ISA itu sendiri. ISA yang saya fikir sebagai mana yang diterangkan oleh Hulu Kelang daripada prinsip asas sekalipun sudah bertentangan dengan prinsip Demokrasi sudah bertentangan dengan prinsip Syariah itu sendiri tetapi ISA yang asal itu pun sudah dipinda berkali-kali sehingga sebarang kuasa *check and balance* dengan izin yang wujud sedikit sebanyak dalam ISA yang asal sudah pun terhakis ataupun sebagaimanaapun yang dikatakan Hulu Klang dihapuskan sama sekali. Jadi saya galakkan rakan-rakan Barisan Nasional boleh kita sama-sama kita pergi kursus Anti Biro Tata Negara untuk kita pelajari semula sejarah-sejarah sebenar Negara kita dan saya agak kesal di mana dunia melihat Mufti-mufti di Malaysia ini prihatin dengan poco-poco, prihatin tentang yoga prihatin tentang banyak titik bengit . Bukan saya memperkecilkan, saya kurang arif hukum agama tetapi dapat perhatian dunia ialah Malaysia haramkan yoga, haramkan poco-poco dan pelbagai lagi.

Perkara-perkara orang luar pun tak faham poco-poco apa. Walaupun isteri Perdana Menteri begitu arif tentang poco-poco tetapi tidak ada keprihatinan tentang Mufti-mufti di seluruh Negara kita tentang isu asas keadilan seperti ISA ini. Jadi saya betul-betul terpanggil sebab saya sendiri bukan arif mungkin Hulu Kelang lebih arif, Meru lebih arif lagi. Sekinchan saya tidak pasti tentang hukum Agama boleh untuk kita gerakkan ulama-ulama yang ada di Negara kita

Mufti-mufti untuk menyatakan pendirian dengan jelas halal atau haram ISA pada pandangan mereka sebab saya fikir antara poco-poco dengan ISA tentang mudarat yang jauh lebih besar.

Yang Berhormat-Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, saya ingin menyokong apa yang disarankan oleh Hulu Klang sebentar tadi bagaimana Kerajaan Negeri dapat memainkan peranan yang lebih aktif lagi untuk menyokong usaha kita memansuhkan atau kempen untuk memansuhkan ISA ini. Saya mengiktiraf bahawa Kerajaan Negeri telah memainkan peranan yang aktif sebelum ini dalam menjaga kebajikan keluarga tahanan ISA. Telah memainkan peranan yang cukup aktif dalam mengadakan beberapa program Anti ISA tetapi mungkin sebab terlalu banyak kes fitnahnya, kes videonya, dan pelbagai politik yang ada di Malaysia ini, kita terlupa tentang hal-hal yang lebih asas di Negara kita. Saya sebenarnya hendak mencelah kepada Hulu Kelang ada perbicaraan di Malaysia belum tentu adilkan. Macam Mahkamah Namrud jugalah. Dia dibicarakan tetapi tidak tentunya adil tetapi sekurang-kurangnya proses perundangan dari segi luaran pun bukan segi roh tetapi dalam ISA langsung tidak ada dari segi luaran pun apatah lagi roh U proses dengan izin. Jadi apa yang saya harapkan oleh Hulu Kelang ini mendapat perhatian serius oleh Kerajaan Negeri sebab pertama sekali saya sendiri tidak mahu saya atau sesiapa sahaja termasuk rakan-rakan saya dari Barisan Nasional menjadi mangsa kepada ISA ini. Sebab ini soal prinsip. Kalau memerintah sekalipun walaupun kita tidak suka kepada Sungai Pelek contohnya kita tidak akan menggunakan akta ISA untuk menangkapnya kerana ini bertentangan dengan prinsip Pakatan Rakyat.

YB TUN YAP EE WAH : Tuan Speaker,

TUAN SPEAKER : Ya Silakan.

YB TUN YAP EE WAH : Saya mencelah sebut Sg. Pelek, Sg. Pelek ingin mohon penjelasan daripada Sri Setia. Sebentar tadi sebut Operasi Lalang. Pada tahun 1987 dalam Sejarah Malaysia ini. Itulah salah satu peristiwa yang saya baru tahu semasa 1987. tahu tak asal usul kenapa Operasi Lalang itu diadakan. Buat masa itu Menteri Pelajaran kita menggunakan kuasanya menghantar pegawai-pegawai Pentadbiran yang tinggi ke Sekolah SJKC yang tak reti bahasa Mandarin. Masyarakat Cina Sekolah Cina, Lembaga Pengurus Sekolah Cina PIBG Sekolah Cina semua buat bantahan tetapi Menteri Pelajaran tersebut tidak menghiraukan segala apa yang berlaku. Siapa Menteri itu tahu tak?.

Y.B TUAN NK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tahu boleh saya jawab.

YB TUN YAP EE WAH : Ok.

Y.B TUAN NK NAZMI BIN NIK AHMAD : Terima kasih. Kepada Sg. Pelek, nama Menteri itu ialah Dato' Seri Anwar Ibrahim.

TUAN SPEAKER : Duduklah bila jawab.

Y.B TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Ketika itu saya 5 tahun. Tetapi saya baca sejarah. Tetapi kalau kita suruti sejarah fakta. Tetapi bukan sejarah BTN. Fakta yang berlaku bukan tidak reti bahasa Mandarin tetapi guru yang tidak mendapat pendidikan Sekolah Cina tetapi mereka yang mahir Bahasa Mandarin tetapi kita bincang. Kita boleh gaduh sampai esok tentang hal itu. Tetapi kita perlu ingat juga peranan yang dimainkan oleh seorang pemimpin. Pemuda UMNO waktu itu yang cuba *provoke* dengan izin masyarakat untuk mencetuskan pergaduhan kaum nama Ketua Pemuda itu Anwar Ibrahim, Timbalan Ketua Pemuda UMNO nya Najib Tun Razak dan dia telah menyatakan bahawa beliau mencabar untuk memandikan keris dengan darah rakyat Cina pada waktu itu. Jadi ini mungkin Sg. Pelek boleh baca balik Sejarah kita baca sama-sama. Kita boleh adakan kelas bersama untuk kita baca Sejarah apa

yang menyebabkan berlaku Operasi Lalang. Hakikatnya tak kiralah siapa yang *provoked* dan sebagainya yang ditangkap bukan pemimpin atasan UMNO. Yang ditangkap pemimpin PAS, yang ditangkap pemimpin DAP, adalah satu dua pemimpin Ketua Cawangan UMNO nama Ibrahim Ali ditangkap tetapi Majoriti besarnya

YB TUN YAP EE WAH : Ada tak pemimpin MCA ditangkap dalam operasi Lalang 1987?

Y.B TUAN NK NAZMI BIN NIK AHMAD : Saya akan jawab.

YB TUN YAP EE WAH : Ada tak?.

Y.B TUAN NK NAZMI BIN NIK AHMAD : Saya akan jawab. Memang ada. Tetapi kenapa Pemimpin Utama UMNO tidak ditangkap. Inilah Presiden MCA kata ini UMNO ni abang sulong. Big brother. MCA ni hanya adik kecil dalam Barisan Nasional. Jadi Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian apa yang saya hendak jelaskan apa yang berlaku dalam operasi lalang ini, kita lihat dengan jelas mengapa ISA ini konon hendak jaga keselamatan nak elakkan kekacauan di Negara kita hakikatnya ia digunakan senjata politik kerana ia tidak ada *check and balance* dengan izin kuasa penuh Menteri Dalam Negeri untuk menangkap sesiapa sahaja dengan menggunakan ISA walaupun bekas Perdana Menteri kita ingat tentang hakikat tersebut dalam buku terbarunya. Jadi Tuan-tuan dan

Y.B TUAN NG SWEE LIM : Tuan Speaker: minta celah sedikit. Yang Berhormat Seri Setia, berkenaan dengan ISA yang tadi Sg. Pelek kata tadi, ada seorang Pemimpin pada ketika itu, Pemimpin besar dari MCA kononnya sudah dianaktirikan oleh UMNO memang dulu dan kini dan selamalah. Dianaktirikan dan ditekan dizalimi tidak mahu bercerai. Ada Pemimpin besar perkara itu berlaku adalah seorang yang bertanggungjawab tetapi dia melarikan diri ke Australia kemudiannya kemudian akhirnya balik selepas selesai masalah dia mengadu dia susah di sana anak menzalimi dia suruh tidur atas papan. Ada tak Seri Setia tahu siapa ini.

Y.B TUAN NK NAZMI BIN NIK AHMAD: Terima kasih Sekinchan, saya pernah dengar cerita itu tetapi saya tidak ingat nama. Sebab saya 5 tahun ketika itu Operasi Lalang tetapi saya pernah dengar cerita itu kita boleh hadir kelas bersama-sama Sg. Pelek kita baca, kita belek sama-sama Sejarah Negara kita untuk kita belajar dan mendapat tauladan apa yang berlaku. Kita juga kena ingat ada seorang Menteri pada ketika itu sedang bergaduh dengan Perdana Menteri namanya Rais Yatim dia masuk Semangat 46 dia merajuk pergi Kings College London untuk membuat Ijazah Kedoktoran saya pun *graduate* dari Kings College London jadi dalam tesis dia, dia mengatakan ISA ini satu akta yang zalim tidak berperikemanusiaan. Dan dia telah mendapat gelaran Doktor Falsafah kerana tesis beliau. Tetapi kemudian orang yang telah membakar jambatan telah membina jambatan tersebut semula apabila mendapat jawatan dalam UMNO. Jadi Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, saya rasa apa yang saya hendak katakan di sini ialah saya berharap perkara ini dipandang serius oleh Kerajaan Negeri bukan hanya kita hendak adakan usul memenuhi jadual tetapi untuk kita dapatkan tindakan yang konkrit daripada Kerajaan Negeri untuk kita dapatkan kempen untuk mansuhkan ISA ini sebab saya fikir kita tidak boleh duduk diam hingga akta ini dimansuhkan di Negara kita. Dengan itu Seri Setia ingin mohon menyokong mencadang.

TUAN SPEAKER : Menyokong ke mencadang?,

Y.B TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Menyokong mencadang.

TUAN SPEAKER: Saya membuka untuk dibahaskan kerana disokong oleh Seri Setia. Meru sila.

Y.B TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya hendak bahaskan sedikit sahajalah memandangkan hari ini hari Jumaat. Jadi saya berharap sangat semua orang Islam Ahli-ahli Yang Berhormat tidak kira ari Pakatan Rakyat ataupun daripada Barisan Nasional untuk mendengar apa yang disampaikan ini. Meru ingin mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian pertama yang bukan Agama Islam tidak kita dari Pakatan Rakyat ataupun daripada Barisan Nasional, bahawa kehidupan kita di dunia ini adalah sementara sahaja dan setiap daripada kita hakikat setiap hari samada kita sedar atau tidak sedang melangkah kaki semakin dekat dengan kubur kita masing-masing. Meru ingin mengingatkan kita bahawa yang dikatakan kezaliman itu bukan setakat membunuh orang, bukan merompak sahaja, bukan merogol bukan meragut atau mencuri sahaja tetapi yang dikatakan sebagai kezaliman itu juga termasuk mengambil rasuah, merampas hak rakyat, membina kekayaan dengan cara yang haram, melesapkan RM52 Bilion Saham Bumiputera mengamalkan amalan yang *double standard*, dengan izin, menghukum rakyat dengan saman ekor, menahan rakyat tanpa perbicaraan, ISA seperti disebut oleh Y.B Hulu Kelang tadi, mengadakan pilihanraya di atas padang yang tidak rata, memberi *my card* kepada warga asing, memindahkan alamat pengundi secara diam-diam, menyebarkan fitnah, dan bermacam kezaliman dan *provokekan* yang menaikkan rasa jemu meluat dan kebosanan di hati rakyat yang celik hati dan yang boleh berfikir secara rasional.

Meru juga ingin mengingatkan Yang Berhormat sekalian, bahawa bukan sahaja orang-orang zalim itu persis yang akan dihumbankan di dalam api neraka jahanam tetapi juga penyokong-penyokong mereka, orang-orang yang menaikkan mereka dan yang paling kita takut hatta orang yang bersimpati dengan orang-orang yang zalim itu. Ini jelas bila Allah sebut di dalam surah Hud, surah ke 11 ayat ke 113 "balik kang tengok".

Allah menyebut *Bismillahi rahmani rahim* (bahasa Arab)" Yang bermaksud: *maka janganlah kamu sesekali cenderung oleh orang-orang zalim dia tak buat lain, dia cenderung yang menyebabkan kamu tak pasal-pasal akan disambar oleh api neraka. Kamu akan disambar oleh api neraka jahanam dan sekali-kali kamu tidak ada pembantu seorang pun selain dari Allah. Kemudian kamu tidak akan diberi pertolongan sedikit pun.* Kalau cenderung pun tidak boleh apa tah lagi jadi ahli dan bersekongkol dengan mereka. Jangan jawab sekarang jawab di hadapan Allah *Rabul Izzah Yaumul Kiamah*. Meru hanya menyampaikan sahaja. Sekian saya menyokong sahaja.

TUAN SPEAKER : Kota Alam Shah.

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM : Terima kasih Tuan Speaker, saya tidak akan berucap panjang tapi saya menyokong penuh usul yang telah di bawa oleh YB Hulu Kelang atas isu ISA saya adalah seorang mangsa ISA. Tuan Speaker saya ingin menyentuh undang-undang dalam ISA cukup kejam, cukup kejam dan ia boleh menyeksa seorang tahanan ISA bukan tahanan tetapi semata-mata penjaran itu yang paling kejam sekali. Dalam undang-undang kita tidak boleh menyentuh merit-merit atau alasan-alasan mengapa seorang itu ditahan di bawah ISA. Apa yang kita boleh mencabar di dalam Mahkamah adalah hanya produser sahaja di mana sekarang produser dia jadi *antic* kita tidak boleh mencabar produser Mahkamah kita mesti akan kalah tiada produser kita boleh cabar dan kita boleh memang. Bermakna kita akan ditahan selama-lamanya oleh UMNO. Ini adalah satu alat yang digunakan oleh UMNO sejak kita lihat pada Operasi Lalang ISA yang digunakan bagi Operasi Lalang adalah ancaman UMNO mereka fikir mereka di ancam semasa reformasi ramai ditahan di bawah ISA UMNO, akhir sekali indera 5 orang peguam ditahan UMNO menjadi ancaman bila UMNO diancam bila UMNO menjadi takut mereka menggunakan ISA dan saya harap usul ini diberi sokongan penuh sebab saya telah menerima manfaat apabila YAB Menteri Besar dan YB Kinrara berusaha untuk menjadi satu kempen untuk membebaskan saya, semasa saya

memberi alasan untuk meletakkan jawatan sebagai ADUN sebab tidak dapat berkhidmat di Dewan ini. YAB Menteri Besar dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Kinrara kerana telah berunding untuk membelanjakan wang untuk berkempen untuk membebaskan saya. 5 hari kemudian kempen tersebut saya dibebaskan. Sebab itu saya harap usul ini diberi sokongan penuh sebab melalui kempen kita dapat manfaat yang baik kita boleh menghapuskan ISA ini sebab ramai yang takut ditakutkan, diancam diseksa menggunakan akta ini dan saya harap kita dapat membelanjakan sedikit wang untuk memberi tahu kepada rakyat Negeri Selangor betapa kejamnya ISA. Sebab saya menjadi mangsa, saya boleh berucap lebih kurang hampir 1 hari tak boleh habis sebab seksaan telah saya lalui. Hampir-hampir 15 kilo gram kehilangan 15 kilo gram dan banyak lagi yang mengecewakan mandi boleh dilihat olah semua, tidur boleh dilihat oleh semua tiada kebebasan hak manusia, hak asasi manusia rampas begitu sahaja. Pakai seluar pendek sepanjang hari. *Tshirt* yang diberikan oleh mereka kita kena pakai, ikan diberi makan apabila kami berikan kepada kucing, kucing itu pun tidak akan makan ikan tersebut. Cukup zalim banyak lagi yang saya hendak cakapkan tapi memandangkan kita tidak cukup masa ramai tahu betapa kejamnya ISA ini yang digunakan oleh UMNO bukan orang lain UMNO yang menggunakan ISA untuk terus untuk menjadi lebih berkuasa di Negara Malaysia ini. Sebab itu saya amat mengharap agar usul ini diberi sokongan penuh dan kita memberi sedikit wang untuk kita memansuhkan ISA secara habis.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Speaker

TUAN SPEAKER : Ya Permatang

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : *Bismillahi rahmani rahim*. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ucapkan terima kasih banyak-banyak Tuan Speaker kerana memberi ruang untuk membuat kupasan di dalam usul yang dibawa oleh YB Hulu Kelang. Sebelum saya membawa perbahasan ini, saya hendak respons sedikit mengenai yang disampaikan oleh YB Hulu Kelang Seri Setia tadi mengenai ISA dan beberapa perkara juga Meru menyebut kezaliman kerajaan kononnya Barisan Nasional terhadap rakyat tapi saya hendak memberi tahu kepada dewan yang mulia ini mana ada dalam dunia ini yang boleh memberi kebenaran istimewa kepada satu orang boleh tangguh bicara sampai 3 tahun dengan berbagai-bagai alasan mengambil setiap ruang teknikal dalam Mahkamah untuk memanjangkan kalau kes 10 tahun pun tak boleh habis mana ada dalam dunia ini satu orang mendapat kebebasan, satu orang yang terkenal biasa mendapat tuduhan Mahkamah atau jenayah sudah pasti pasport akan dirampas tapi ada orang istimewa dalam kita pasport tidak dirampas boleh berceramah hari ini di Kedah esok di Kelantan lusa di Sabah akhir di Sarawak minggu depan di Amerika, Kanada seluruh dunia boleh pergi pasport tidak dilarang tapi kalau rakyat biasa dalam tahanan tuduhan Mahkamah sudah pasti pasport akan ditahan tidak dibenarkan jalan ke mana-mana pun dikhuatiri akan melarikan diri tapi ada individu istimewa kerajaan beri peluang ada juga orang dalam Malaysia cukup istimewa

YB TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker saya mencelah sedikit

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya bagi peluang, saya beri lepas ini. Ini cerita istimewa ini Sekinchan kena dengar dulu . mana ada orang dalam Malaysia ini yang sedang dibicarakan dalam Mahkamah boleh menghina Hakim yang sedang di bicarakan dia, dia boleh hina Hakim bagal, bodoh tak kena ini istimewanya. Ini dinamakan anugerah tuhan tak apalah itu intro saya

YB TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker ok bagi Sekinchan mencelah sedikit. YB Permatang Pasir ingin penjelasan. YB ada mengatakan tadi istimewa perbincangan di tahan di Mahkamah ada kes di Mahkamah 10 tahun boleh dapat pasport boleh pusing di kelusuk negara Amerika

macam-macam. Saya hendak tanya bagaimana pula YB kawan saya ini kawan saya YB Sg Panjang bekas Menteri Besar, bekas Ketua Pembangkang yang sedang didakwa di Mahkamah tapi sekarang dia boleh pergi ke Umrah ada tadi Tuan Speaker beri tahu dia pergi cuti pergi umrah pasportnya pun boleh pergi umrah tak ada tarik ini bagi saya ini bukan perkara serius tetapi Mahkamah yang akan menentukan setuju atau tidak YB.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Sekinchan ini, saya hendak beritahu Sekinchan ini kes berbeza orang yang istimewa ini kita kena ingat kes jenayah bila kes jenayah seorang itu boleh ditahan pasport pertama selain itu dia melarikan diri yang kedua kita tidak mahu dia boleh mengancam kepada saksi itu yang saya hendak maksudkan. Tuan Speaker mungkin masa cemburu saya tidak memberi saya laluan. Tak selepas ini boleh

TUAN SPEAKER : Permatang kata masa suntuk

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tak apalah Sungai Burong dah bangun saya berilah sebab kawan saya jiran sebelah

TUAN SPEAKER : inilah saya tak hendak ni...

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ok

TUAN SPEAKER : Kalau hendak bagi, bagi semua

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ok. Saya teruskan Tuan Speaker

TUAN SPEAKER : Teruskan Sungai Burong

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Speaker merujuk kepada usul nombor 1 yang di bawa oleh YB Hulu Kelang ada 2 perkara yang timbul yang 1 untuk menunjukkan skrip teks khas rangka menjalankan program dan kempen memasukkan ISA seluruh Selangor dan kedua memberi peruntukan kepada pasang papan tanda bot (dengan izin) di setiap dewan undangan negeri ADUN tema selamatkan Malaysia ISA. Saya sebagai rakyat Malaysia saya mengakui bahawa saya berpandangan bahawa akta ini perlu diteruskan tetapi dengan pindaan.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Speaker minta laluan

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Boleh saya teruskan masa sikit lagi

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Boleh beri kepada rakan pembangkang

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Duduk dulu

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Ok

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ok. Ulasan saya Tuan Speaker yang pertama akta ISA ini telah berjasa kerana untuk menahan mereka yang boleh menggugat keselamatan keamanan, kesejahteraan negara dan keseluruhannya. Apatah lagi dalam konteks Malaysia kemajmukan masyarakat yang membelakangkan beberapa kaum, agama, bahasa dan budaya boleh menerbitkan beberapa perkara-perkara sensitif

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Speaker boleh tak bagi

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang bila-bila masa boleh menyemarakkan kemarahan

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Bagi satu sahaja saya hendak mencelah. Terima kasih saya bersetujulah kita ada masyarakat majmuk dan sebagainya tapi kalau kita lihat pelaksanaannya kenapa pembangkang sahaja yang kena tangkap tapi kenapa orang UMNO kata orang Cina datang sini untuk pelacur, orang India datang untuk meminta sedekah tiada apa-apa tindakan sekadar meminta maaf, tetapi orang pembangkang tak buat salah kena ISA

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya akan jawab, terima kasih atas soalan itu. Saya teruskan Tuan Speaker pun begitu ISA sebelum ini terbukti saya akan jawab kemudian ada jawab dalam ini. Pun begitu terbukti hanya ISA untuk menganggang anasir-anasir ganas dan hal-hal keselamatan seperti gerakan komunis, gerakan militan, bersenjata anti kerajaan pemalsuan dokumen identiti yang tidak sah dan sebagainya. Benar orang-orang politik juga ditahan ini sedikit jawapannya. Benar orang-orang politik ditahan ISA tetapi fakta membuktikan bahawa mereka ditahan bukannya alasan penafian politik sama ada mereka dari parti pembangkang atau mengehendkan kebebasan dijamin dalam perlembagaan buktinya ada juga ditahan dalam parti kerajaan seperti UMNO sebagai mana Seri Setia sebutkan tadi dalam operasi ladang pada tahun 1987 soalan kenapa mereka ditahan itu yang menjadi persoalan kepada kita. Sama ada daripada pembangkang daripada parti kerajaan kerana mereka dianggap menggugat keamanan negara dan dilakukan dengan profesional berdasarkan kepada maklumat kritikan dan fakta oleh pasukan polis tanpa memilih bulu untuk keselamatan negara kita. Tetapi sekarang dalam ISA proses penambahbaikan yang ini kita kena ambil maklum tahanan politik pun tiada sekarang untuk maklum Tuan Speaker dalam politik ISA kosong YAB Dato' Seri Najib Tun Razak bila mengambil tampuk pemerintahan yang pertama bebaskan orang politik dari ISA termasuk juga Kota Alam Shah.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Speaker mohon mencelah

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sikit lagi saya sikit lagi nanti saya bagi. Dan memberikan terus penerbitan Harakah kerana beliau faham supaya isu ini tidak dipolemikkan. Serentak dengan itu beliau turut memproses penambahbaikan akta ISA dilakukan serta-merta dan kami ADUN-ADUN Barisan Nasional menyokong akta ISA ini dengan syarat ada penambahbaikan

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Sikit je...terima kasih

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Saya ucapkan syabas atas pembaharuan tersebut tetapi jika kita meneliti sejarah bila Tun Mahathir menjadi Perdana Menteri dibebaskan tahanan ISA . Bila Tun Abdullah Badawi menjadi Perdana Menteri dia buat beberapa pembaharuan tetapi semua pembaharuan UMNO pembaharuan sekerat jalan sekadar untuk menagih hati rakyat tetapi bukan pembaharuan prinsip kita minta ISA ini dimansuhkan sebab undang-undang ini pada mentalnya memberi kuasa penuh kepada pihak eksekutif untuk memenjarakan sesiapa sahaja tanpa kuasa Mahkamah dapat memainkan peranan itu pokok mungkin pada hari ini tiada tahanan politik kalau tengok tiba-tiba kita hendak menang kita tidak tahu separuh daripada wakil rakyat Pembangkang di tangkap itu dibenarkan ISA yang ada.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya ingat itu bukan satu pertanyaan, itu perbahasan saja. Ok lah saya tak payah respons kepada perkara itu. Yang ke2 Tuan Speaker mungkin antara sebab ISA ditentang melanggar hak asasi manusia bagaimana dakwa oleh Hulu Kelang yang membawa usul dan melanggar hak asasi dan kebebasan bersuara serta pertahanan tanpa di bicara mengancam keselamatan negara untuk satu tempoh yang sangat panjang. Pihak Pakatan Pembangkang sering berhujah bahawa akta ISA melanggar hak asasi

manusia dan kebebasan rakyat dengan berpandukan perlembagaan pada perkara 10, kebebasan bercakap, berhimpun dan persatuan iaitu (A) tiap-tiap warga negara berhak kepada kebebasan bercakap dan bersuara (B) semua warga negara berhak berhimpun secara aman dan tanpa senjata, tetapi jangan lupa Fasa tersebut terhenti di situ. Malah dinyatakan perkara (A) (B) tersebut tertakluk kepada fakta Fasa 2 (3)(4) pada Perkara 10 yang sama iaitu Fasa 2 menyebut Parlimen boleh Undang-undang mengenakan (A) ke atas hak yang diberikan kepada (A) Fasa 1 apa-apa sekatan yang didapati perlu atau sesuai manfaat demi kepentingan persekutuan atau mana-mana bahagiannya hubungan baik dengan negara-negara lain tenteram awam atau prinsip moral dan sekatan bertujuan untuk melindungi keistimewaan parlimen atau mana-mana dewan undangan untuk membuat peruntukan menentang penghinaan mahkamah, fitnah dan penafian apa-apa kesalahan. (B) ke atas hak yang diberikan (B) Fasa 1 apa-apa sekatan yang didapati perlu atau sesuai demi untuk manfaat kepentingan keselamatan. Ini bermakna ada had ada had untuk kita bebas untuk melakukan sesuatu perkara atas perlembagaan ini maka akta-akta ISA di bubar untuk membataskan kebebasan tersebut agar tidak melampau, membahayakan keselamatan lalu mengganggu hak ketenteraman orang lain

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Minta penjelasan

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya ada sikit lagi nanti saya bagi. Sekejap lagi nanti kita boleh masuk. Dalam agama Islam menetapkan sesuatu itu ada had ada kaedah dan kaedah-kaedah tertentu tiada satu pun kebebasan yang mutlak Hulu Kelang tiada tiada mutlak tiada sempadan dan bersifat integriti jika ia berlaku maka rosaklah batasan agama adat dan moral kita. Terima kasih

TUAN SPEAKER : Habis sikit

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tahukah Permatang walaupun teorinya yang melalui macam kami ceritanya lain, kali pertama 16 hari kedua 40 hari siang malam disiasat apa yang disoal siasatan adalah tentang politik huraikan siapa Tuan Guru Nik Aziz, Anwar Ibrahim, Wan Azizah, Lim Kit Seng hina pemimpin kami parti-parti politik PAS, Keadilan, Parti Rakyat itu yang berlaku sehingga Mahkamah membuktikan pada tahun 2002 bahawa dengan affidavit oleh peguam-peguam kami hasil daripada soal siasat yang telah dilakukan oleh pihak *Special Branch* kami membuktikan pertahanannya hanya berpolitik yang tidak sah. Ini teori, tapi yang kena macam kami yang didera siang pagi petang ceritanya lain politik tiada kaitan dengan ancaman keselamatan negara, apa ulasan?.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ok saya bersimpati dengan yang dilalui oleh Hulu Kelang. Saya akui barangkali ini kebenaran daripada apa yang dilalui. Sebab itu saya tidak lalui sebab saya tidak melalui saya tak hendak buat perkara-perkara yang boleh menyebabkan saya ditahan bawah ISA, itu sebabnya Hulu Kelang

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : menakutkan ia...budaya ugutlah

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ya bukan budaya ugut

TUAN SPEAKER : YB dah habis ke gulung dah masa dah sampai dah...

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : sikit lagi Hendak celah

TUAN SPEAKER : Dah pukul 12.00, dah 12.00 tengah hari, hendak sembahyang

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sambung sebelah petang Tuan Speaker

TUAN SPEAKER : Hendak sambung lagi

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Kalau boleh saya hendak sambung lagi kalau bolehlah...

TUAN SPEAKER : Bolehlah sebab dah 12.00 tengah hari

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya berhenti

TUAN SPEAKER : Tak kita berhenti sekarang

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Kita berhenti sekarang, kita sambung petang ya...

TUAN SPEAKER : Ya

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih

TUAN SPEAKER : Ahli Hormat sekalian memandangkan jam sudah menunjukkan pukul 12.00 tengah hari maka saya tangguhkan dewan sehingga pukul 2.30 petang pada hari ini. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Puan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Dewan disambung semula. Silakan Permatang.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Saya ingin meneruskan sedikit lagi penghujahan ataupun perbahasan mengenai ISA ini. Kita sedia maklum bahawa ISA ini telah mengundang berbagai kritikan dalam negeri kita sendiri sama ada kritikan dari segi individu juga dari segi NGO, parti-parti politik dan sebagainya. Sudah menjadi satu polemik yang agak panjang yang sudah lama diperbahaskan lebih-lebih lagi di kalangan parti-parti politik. Tak kurang juga ISA telah juga sudah mengundang berbagai kritikan di luar Negara. Negara-negara luar juga kerap mengundang dan mengkritik ISA di Malaysia tak termasuk Negara-negara barat. Amerika contohnya yang sering kerap menyalahkan Malaysia dengan Akta ISA akhirnya terpaksa mengadakan undang-undang seumpama ISA apabila Negara mereka terancam. Ini terbukti apabila Amerika sendiri memperkenalkan *Patriotic Act* selepas insiden 11 September 2011 untuk mengekang aktiviti pengganas sehingga perbualan telefon dan hak peribadi boleh di pintas oleh pihak Kerajaan bagi memperoleh maklumat aktiviti keganasan. Inilah hak sebuah Negara yang berdaulat. Walau bagaimanapun kita melihat kepada perjalanan ISA Negara kita, mereka-mereka yang di dalam tahanan tetap menikmati keperluan asas sebagai manusia, sebagai tahanan untuk mendapat makanan, pakaian juga perlindungan cuma mereka disekat untuk bersama dalam masyarakat kerana dianggap boleh merosakkan masyarakat kita. Adalah menjadi hak rakyat untuk hidup tenteram dan mereka juga boleh merosak dan melanggar hak-hak ketenteraman yang dinikmati oleh majoriti rakyat dalam negeri kita.

YB TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Kampung Tunku silakan.

YB TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Permatang. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Permatang kerana Yang Berhormat Permatang menyebutkan tentang *Patriotic Act* di Amerika Syarikat. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa Amerika Syarikat walaupun adanya akta ini tapi rakyat Amerika Syarikat mempunyai hak untuk membangkitkan sebarang bentuk ketidakadilan ke mahkamah mereka dan mendapat hak yang mengehendkan kuasa Amerika Syarikat dalam mengekang kebebasan hak asasi rakyat Amerika sendiri walaupun ada akta ini tetapi dalam konteks Malaysia kita tidak ada perlindungan-perindungan seperti ini. Adakah Yang Berhormat tahu tentang perkara ini?

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Kampung Tunku. Tadi pun sebelum Kampung Tunku tanya soalan ini sudah dibangkitkan dan sudah dihujah. Pada saya kita memang ada hak dalam negara kita yang terakhir kita lihat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri kita boleh membuat perintah mahkamah untuk membatalkan hak penahanan dan ada yang berjaya, termasuk daripada kalangan Ahli Dewan Undangan Negeri kita, boleh bawa ke mahkamah dan mendapati memang akta ini penahanan ini tidak sah dan mereka dibebaskan. Ya, tapi..

YB TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Permatang. Saya ingin nak celah sedikit. Setuju tak dengan saya waktu tahun 1999 apabila berlakunya reformasi dan dekat Bandar Kuala Lumpur buat masa tu memang kereta dibakar, kedai dipecah, kedai runcit dirampasnya barang-

barang dan kebanyakan orang Kampung saya yang duduk di Bandar Kuala Lumpur takut-takut dan belilah bekalan makanan buat masa tu beratur, beratur di emporium sebab banyak sangat orang untuk nak beli barang untuk nak letak di rumah sebab takutnya rusuhan, huru-hara sebab itu beratur beli barang, dah takut buat masa reformasi tu. So itu tahun 1999, jadi buat masa tu ada kawasan yang cerita sama saya, saya nak tanya pendapat daripada Permatang, setuju tak, dia tanya saya “Yap, kamu setuju tak kalau ada ISA sekarang orang-orang ini semua boleh ditahan?” Saya tanya dia kenapa, senang saja. Sekarang satu orang punya hal, seluruh Kuala Lumpur punya orang susah. So, dia cakap dengan saya, jadi apa pendapat dia saya rasa saya setuju lah buat masa tahun 1999. Apa pendapat Permatang?

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Sungai Pelek. Saya ingat itu satu peristiwa yang jelas lah. Ya, satu orang punya hal semua orang jadi susah. Sebab itu dalam akta ini...boleh saya terus belum siap lagi, sikit lagi, nanti saya bagi ruang. Sebab itu dalam Akta ISA ini dia bersifat mencegah lebih baik daripada mengubati. Sebenarnya ini satu lagi pendekatan yang dibawa supaya satu perkara yang bersifat pencegahan bersifat preventif ini mesti kena ada dalam negara kita kerana kalau tidak ancaman dan juga keselamatan negara dan kedaulatan negara kita akan terancam. Sebab itu lah saya merasakan bahawa banyak sekarang ini individu-individu pertubuhan dan sebagainya yang bersifat perkauman dan sebagainya perlu diatasi. Sebab itu kita perlukan Akta ini untuk diteruskan sebab...

YB TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan,

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : ...kita perlukan pengawalan sebelum berlaku tragedi yang lebih buruk. Tahun 1998 sebagaimana yang disebut oleh Sungai Pelek tadi kalau tidak disekat dengan keganasan apa jadi dengan sistem demokrasi dalam negara kita. Bolehkah Kerajaan kita dijatuhkan dengan cara-cara demonstrasi jalanan sebagaimana berlaku di negara-negara yang lain. Itu yang sebabnya kita terpaksa mengehendkan perkara-perkara ini dipergunakan.

YB TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan,

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya bagi ruang.

YB TUAN LAU WENG SAN : Saya ingin bertanya apa, masalah yang kita ada dengan ISA ialah ianya membenarkan penahanan tanpa perbicaraan. Mana-mana individu yang disyaki menggugat keselamatan dalam negeri akan dibawa akan ditahan di bawah ISA untuk 60 hari yang pertama diikuti dengan 2 tahun dan boleh dilanjutkan dengan suka hati Menteri Dalam Negeri, Hal Ehwal Dalam Negeri. Ini adalah kelemahan yang paling besar terhadap ISA. Yang Berhormat Sungai Pelek tadi kata kalau satu orang punya pasal menyebabkan menyusahkan seluruh penduduk Kuala Lumpur, saya ingin bertanya satu perkara, kalau hak ini tidak, kalau hak kebebasan asasi seorang individu yang bermaruah tidak dilindungi, setiap orang akan menjadi mangsa di bawah ISA ini. Kezalimannya adalah terbuka kepada semua. Saya ingin tahu dan bertanya kepada Yang Berhormat adakah kita nak anak kita ditahan tanpa sebarang sebab oleh Kerajaan dan kita tak tahu di mana mereka ditahan ataupun kita ada satu sebab, kalau Yang Berhormat kata, kalau Yang Berhormat kata kalau satu orang punya pasal menyebabkan seluruh rakyat Kuala Lumpur merasa susah, kita boleh menahan mereka di bawah Akta-akta yang lain. Tidak semestinya pakai ISA, kalau Kerajaan pakai ISA itu menunjukkan kelemahan Kerajaan dalam mengawal dan mentadbir negara ini.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Kampung Tunku. Tadi pun kita telah perelaskan mengenai akta ini, akta ini boleh dicabar di mahkamah tak ada masalah. Kalau siapa yang didapati ditahan boleh dicabar di mahkamah.

YB TUAN LAU WENG SAN : Tapi hal ini tidak boleh dicabar di mahkamah, hal ini telah termaktub di dalam ISA sendiri bahawa saya sebagai Kerajaan, saya boleh menahan Yang Berhormat sebabnya saya akan menjadi mentakrif, saya akan mentakrif sebab-sebab itu. Yang Berhormat tidak boleh berkata apa-apa pun.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang baru-baru ini berapa ramai tahanan ISA yang dilepaskan oleh perintah mahkamah? Yang Berhormat tak perasan saya ingat ataupun tak ambil peduli, ada ramai.

YB TUAN LAU WENG SAN : Ianya dilepaskan kerana Kerajaan mendapati penahanannya tidak mengikut prosedur Akta Keselamatan Dalam Negeri tapi Akta Keselamatan Dalam Negeri ini telah menutup dengan jelas kuasa dan hak Kerajaan Malaysia untuk menahan mana-mana individu yang dianggap oleh Kerajaan sebagai mengancam keselamatan dalam negara dan takrifan mengancam keselamatan dalam negara ini dibuat oleh orang politik, tak lain tak bukan Menteri Keselamatan Dalam Negeri itu sendiri.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat, akta ini dibuat di Parlimen bukan Menteri, kena diperbetulkan.

YB TUAN LAU WENG SAN : Ya dibuat di Parlimen tetapi di dalam akta itu termaktub tertulis seperti itu, hanya takrifnya dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri, Menteri Dalam Negeri.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Kampung Tunku, Kampung Tunku tadi saya jelaskan dari awal, mungkin Kampung Tunku tidak ada dalam dewan ataupun mungkin tak ambil perhatian. Saya dah sebut, hak dan kebebasan rakyat bercakap dan bersuara memang ada dalam perlembagaan tetapi kita kena ingat hak yang ini bukan hak yang mutlak. Kerajaan juga ada hak.

YB TUAN LAU WENG SAN : Saya setuju ia bukan hak yang mutlak tetapi..

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Bukan hak yang mutlak, so kalau bukan hak yang mutlak...ok saya bagi ruang

YB TUAN LAU WENG SAN : Dalam kes ini..

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ok, saya bagi ruang kepada Hulu Kelang.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Saya ada 3 perkara, yang pertama tahukah Permatang bahawa ISA adalah undang-undang pertama yang diluluskan oleh Dewan Rakyat yang mengatasi dan mengambil alih beberapa peruntukan Perlembagaan pertama. Kedua, tahukah Permatang bahawa sejak reformasi 1998 gambar-gambar yang ditayangkan di TV3 dan sebagainya menunjukkan ada kebakaran dan sebagainya sehingga hari ini Polis Di Raja Malaysia yang cekap tu tak pernah ada buat pendakwaan. Tahukah Permatang bahawa yang ketiganya mereka yang ditahan sejak era reformasi seperti saya ni yang ditekan dalam soal siasat bukan isu keselamatan tapi isu untuk kami percaya apa yang Mahathir percaya bahawa Buku 50 Dalil Kenapa Anwar Ibrahim Tidak Boleh Menjadi Perdana Menteri hendaklah saya akui, kalau saya akui boleh bebas. Apakah itu berkaitan dengan keselamatan dalam negara? Tiga soalan, sila jawab.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat, saya mengenai apa yang berlaku di dalam siasatan ISA saya tidak mengetahuinya sebab saya tak pernah hadir. Saya bagi tahu tadi, saya pun bersimpati dengan apa yang berlaku kepada Hulu Kelang tetapi Kerajaan ada akta dan hak bagi melindungi hak dan kepentingan negara kita, perlembagaan, demokrasi dalam negara kita, itu satu keperluan. Sebab itu dibawa oleh Parlimen bukan Menteri Dalam Negeri, diluluskan di Parlimen, dibahas di Parlimen. Saya mintak kalau boleh kita di kalangan ADUN ini ada juga Ahli Parlimen, tolong bawak isu ini di Parlimen. Puan Timbalan Pengerusi saya ada sikit lagi nak habiskan. Saya nak ulas mengenai usul yang dibawa oleh Hulu Kelang berkenaan mengujudkan sekretariat khas untuk program penerangan dan juga penggunaan papan-papan tanda untuk membina *billboard* di setiap DUN. Kenapa kami ADUN-ADUN Barisan Nasional tidak boleh terima ataupun tidak boleh menyokong usul ini kerana kita kena sedia maklum, Akta Keselamatan Dalam Negeri merupakan apa ni satu akta yang diwujudkan di Parlimen yang bukan di bawah bidang kuasa kita. Ini satu perkara yang menjadi kenyataan, ini ialah *federal matter* dengan izin dan ini juga kalau kita bincangkan mungkin dua bulan tak akan habis dan kita tak mampu membuat keputusan, perubahan, pengubahsuaian ataupun pemansuhan kepada akta ini. Jadi kita menjelaskan di sini bahawa perbahasan ini tidak begitu menepati sasaran apa yang dibawa oleh Hulu Kelang. Saya senang aja bawa analogi kalau kita nak bayar bil elektrik jangan pergi Telekom, pergi lah kat TNB, itu yang saya nak maksudkan. Yang juga kita bercakap hari ini apa yang dibawa ini ialah asalnya, asasnya ialah kerana janji 100 hari Pakatan Rakyat. Suatu janji yang masih belum terlaksana, berapa banyak lagi...

YB TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sebentar-sebentar, saya habiskan dulu Kampung Tunku, nanti saya bagi ruang.

YB TUAN LAU WENG SAN : Sebelum masuk ke janji, sebelum masuk ke janji saya nak tanya satu perkara..

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Speaker, saya ingat saya teruskan lah, saya pun ramai lagi yang nak berucap.

YB TUAN LAU WENG SAN : Jangan lari, jangan lari sebelum masuk..

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Permatang, Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN : Sebelum kamu melalui saya nak tanya.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya akan bagi kemudian, saya nak teruskan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Baik, Permatang kata dia akan bagi selepas ini, Kampung Tunku duduk dulu.

YB TUAN LAU WENG SAN : Saya mintak Permatang bagi laluan sikit, sebelum kamu merayau ke seluruh dunia janji itu janji ini.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya dah nak habis pun tak apa saya dah nak *landing* dah.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN : Berani, berani? Tak berani? Mintak laluan daripada Permatang.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN : Permatang tak bagi sebab dia takut..

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Satu-satu bila bercakap. Permatang, silakan, kalau nak beri mana-mana Ahli Dewan bercakap nyatakan dengan jelas.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ok, terima kasih. Puan Timbalan Speaker, ini berhubung dengan janji 100 hari dalam Buku Jingga seperti mana yang dimaklumkan oleh Pakatan Rakyat tadi. Nak buat promosi nak terangkan perkara-perkara yang belum pasti, perkara –perkara yang belum jelas. Berapa banyak janji yang telah ada yang sebelum ini pun tak dapat dilaksanakan apa lagi nak buat janji-janji perkara yang belum pasti, kalau dah berkuasa nanti buat la ini belum apa-apa lagi kita dah ajak rakyat untuk menggunakan forum yang tidak betul. Kemudian saya nak sebut juga bagaimana kita tak nak supaya perkara ini, kita tak menyokong ini kerana kita ingat apa yang Duli Yang Maha Mulia Tuanku selalu sebut dalam ucapan titah baginda utamakan kebajikan rakyat, janganlah kita terlalu banyak berpolitik, pada saya usul yang dibawa ini lebih kepada mendapat simpati politik, tiada keikhlasan pun.

Yang keduanya, saya nak melihat dari segi pembaziran. Yang Berhormat Hulu Klang sebut nak menggunakan kewangan kerajaan. Kenapa kita mesti ajak nak gunakan wang rakyat untuk tujuan nak naikkan *billboard*, berapa banyak kos yang akan dibelanjakan, ratusan ribu, jutaan ringgit dan sebagainya. Ini semuanya mengundang kritikan daripada rakyat, berapa banyak, sekarang kita tengok, berapa banyak *billboard-billboard* yang dinaikkan di seluruh negeri Selangor. Berapa kos yang banyak, siapa akan dapat kos-kos untuk mengiklankan menggunakan *flies*, menggunakan bahan-bahan makalah dan sebagainya, terpaksa buat ceramah, gunakan wang rakyat, semua pembaziran ini hanya untuk memenuhi impian-impian kosong yang belum pun jadi kenyataan kepada negara kita, kepada negeri Selangor itu sendiri. Jadi saya merasakan bahawa, jadi Hulu Klang pun tidak memperincikan apa kos, apa bentuk tindakan yang hendak dibuat dan untuk minta kewangan negeri digunakan dan kenapa kita nak seret wang rakyat, berapa banyak pembaziran-pembaziran yang dah dibuat, jadi kita rasa ini satu perkara yang tidak boleh diteruskan dan kita tidak boleh bagi sokongan.

YB TUAN HAJI SAARI B. SUNGIB : Tahukah Permatang perbezaan Pakatan Rakyat dengan Barisan Nasional. Barisan Nasional sentiasa mengikut untung rugi, sedangkan kita memperjuangkan Pakatan Rakyat satu dasar yang menegakkan keadilan dan hak rakyat hari ini telah dihalangi dengan tidak diterangkan sebenar dan sepenuhnya tentang kezaliman ISA, itu motif. Walaupun kita berbelanja ratusan ribu ringgit untuk tujuan mendidik, meningkatkan kesedaran rakyat, kita tidak rasa rugi kerana inilah demokrasi tulen yang diperjuangkan oleh Pakatan Rakyat. Apa pandangan Permatang.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang. Soal memperjuangkan ini saya rasa hampir setiap malam Pakatan Rakyat gunakan isu ISA, setiap malam berceramah, mana-mana DUN, seluruh negara, ini dekat nak pilihan raya Sarawak akan ceramah juga, ISA jadi agenda, dalam *blog* tiap-tiap malam keluar, cerita isu ISA dalam *facebook*, *tweeter*, dalam *blog* dalam semua perkara, media-media baru digunakan, tidak ada halangan pun, tidak ada kos, kos kalau ada pun biarlah siapa yang buat dia tanggung tapi kenapa kita mesti gunakan kewangan rakyat sebab bukan semua rakyat tidak benci dengan ISA, kita kena ingat sebahagian besar rakyat juga, yang juga pembayar cukai tak bersetuju dengan ISA, so kenapa kita mesti gunakan kewangan ini untuk membina prasarana dan sebagainya untuk aktiviti kempen ini, itu persoalan kita. Jadi Puan Timbalan Speaker saya pun nak beri peluang kepada rakan-rakan yang lain, saya ucapkan terima kasih. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih, Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, Puan Timbalan Speaker. Sekinchan juga ingin turut serta berbahas dalam usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Hulu Klang tentang perkara ISA ini. Terlebih dahulu sebelum saya masuk dalam perkara yang ingin saya bangkit, saya ingin respons beberapa perkara menyatakan pendirian kita terhadap apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Permatang. Sebentar tadi Yang Berhormat dari Permatang telah memberi tahu Dewan ini bahawa kita tiada gunanya membicarakan, memperkatakan, perbincangan ISA ini, mansuhkan ISA ini dalam Dewan yang mulia ini, sebab Dewan yang mulia ini tiada kena mengena, itu alasan daripada Yang Berhormat Permatang, tapi saya nak bagi tahu Yang Berhormat Permatang bahawa Dewan Negeri Selangor adalah satu Dewan Perundangan yang terulung di Malaysia yang diiktiraf dan Dewan ini punya pendirian, punya maruah, punya wibawa untuk membicarakan isu-isu pokok termasuk isu-isu demokrasi seperti Akta-akta yang zalim ini, kita punya hak untuk menyuarakan pandangan dan pendirian kita, itu saya nak bagi tahu kepada Permatang, ini bukan soal pembaziran, ini nak menyedarkan kepada rakyat tentang peri pentingnya Akta-akta Gerak Koneng yang zalim itu, ha..itu satu.

Yang kedua, sebentar tadi saya juga terdengar juga isu kawan saya Permatang yang membicarakan soal ISA, tahanan ISA ini tak zalim, wajar sebab dah ditahan masuk ISA dibagi makan minum *dikai mangan dan ngombey* dengan izin. Itu yang dibicarakan oleh Yang Berhormat dari Permatang. Saya nak bagi tahu kita tak ditahan pun, bagi kucing, anjing, lembu pun ada makan minum juga dibagi, ini hak asasi semua tapi soalnya manusia ini lebih tinggi dari segala haiwan di dunia. Ini manusia punya martabat, punya maruah, jadi diseksa dari segi mentaliti, dari segi pemikiran, jasadnya itu Akta yang zalim tanpa perbicaraan. Itu saya nak bagi tahu kepada Yang Berhormat Permatang supaya faham dan tahu apa perkara ini.

Yang ketiganya, saya nak sangkal tentang kita kempenkan *billboard-billboard* yang besar mansuhkan ISA ini, kononnya membazirkan wang rakyat. Saya nak bagi tahu, kita nak bagi kesan siri penerangan kepada rakyat Akta ini, Akta yang perlu ditukar, tidak serasi, tidak mengikut perkembangan zaman, ini zaman edan, maksudnya zaman edan zaman gila. Akta tahun 40, 50 Akta untuk komunis, komunis, sekarang saya tanya mana komunis, Yang Berhormat mana komunis, komunis pun dah selender dah....

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sekinchan, boleh cakap sikit.

YB TUAN NG SUEE LIM : Boleh.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Komunis, parti komunis dah di haram dah, tapi yang berfikiran komunis ramai.

YB TUAN NG SUEE LIM : Itu soal pemikiran komunis lain cerita sebab, komunis tak salah, pemikiran komunis sekarang ini diiktiraf dunia. Saya nak bagi tahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Perdana Menteri kita Datuk Sri Najib kawan baik dengan komunis, Cina itu bukan komunis kah. Apa salah pemikiran komunis, ini otak selut, ini perkara yang penting. Jadi pemikiran kita itu, kawan komunis apa salahnya, tapi dululah ancaman di Malaysia waktu itu kita haramkan parti komunis. Ia kita dah haramkan, kita tidak boleh berkompromi dengan mereka, tapi sekarang mereka dah tak de.....dah.... Chin Peng pun tak tahu ke mana dah...Jadi Akta ini sewajarnya, wajib dihapuskan, dimansuhkan dan ubahlah Akta-akta yang lain, nak tangkap boleh, ada Akta lain, ada Akta lain lebih sesuai maka dengan itu kenapa Pakatan Rakyat menggunakan Buku Jingga. Buku Jingga ini untuk buat tawaran kepada rakyat. Sekiranya rakyat memberi mandat kepada kita insya-Allah dalam tawaran 100 hari, 100 hari tu.

Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Speaker, kita antaranya kita akan mansuhkan ISA. Ini janji bukan sebarang janji. Rakyat cukup yakin sekarang ini mimpi ngeri, Buku Jingga ini sudah menjadi mimpi ngeri kepada Barisan Nasional. Mereka tahu buku yang kecil ini walaupun kecil, walaupun dia jingga, tapi dia bisa meranapkan kerajaan Barisan Nasional, kerajaan Barisan Nasional, dia boleh meruntuhkan, boleh meruntuhkan, menamatkan empayar pemerintahan Barisan Nasional, Buku Jingga ini.ini, tak boleh tidur siang malam sehingga sifatkan orang-orang daripada Semenanjung pergi ke Sarawak berkempen jembalang dan hantu.... jembalang dan hantu, kerana Buku Jingga inilah.....ha.ha...

YB TUAN WONG KOON MUN : Puan Speaker...

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Siapa, Kuala Kubu ingin mencelah.

YB TUAN NG SUEE LIM : Kuala Kubu, o.k. lah bagi.

YB TUAN WONG KOON MUN : Saya nak tanya soalan *simple* sahaja. Saya nak tanya Pakatan Rakyat sudah perintah Selangor selama 1,000 hari bukan 100, 1,000 hari baru 31 manifesto tidak dapat ditunaikan. Apalagi 100 hari nak tunaikan Buku Jingga. Sekian, terima kasih.

YB TUAN NG SUEE LIM : Kuala Kubu, Pakatan Rakyat ini orang sesat tak tahu. Saya nak bagi tahu Pakatan Rakyat 2008 sebelum pilihan raya tak ada Pakatan Rakyat. Dia bertanding sendiri, PAS bertanding sendiri, PKR bertanding sendiri, selepas kita menang, kita baru wujudkan Pakatan Rakyat. Itu budak-budak sekolah darjah tiga (3) pun faham, tapi Yang Berhormat Kuala Kubu, sampai hari ini, sampai hari ini pun tak faham, sebab timbulkan manifesto, benda tak wujud.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sg. Burong.

YB TUAN NG SUEE LIM : Sg. Burong.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan.

YB DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS : Terima kasih, Timbalan Speaker. Sekinchan saya nak tanya, Sekinchan sedar tak semasa kempen pilihan raya ada pamflet Barisan Alternatif yang kat situ merupakan kempen yang menyenaraikan janji-janji pilihan raya daripada parti-parti Pakatan Rakyat yang diedarkan semasa kempen dengan begitu banyak sekali dan dalam *brochure-brochure* tersebut dalam tu terkandunglah janji-janji pilihan raya yang telah saya fikir juga mempengaruhi sikap pengundi pada masa itu.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, kalau mempengaruhi sikap pengundi dengan apa cara pun, ada juga dengan caranya. Terima kasihlah kerana mengiktiraf perkara itu boleh dipengaruhi maknanya Buku Jingga ini pastinya sudah mempengaruhi pengundi sehingga pengundi percaya dan yakin terhadap Pakatan Rakyat, sekarang Muhyiddin tak boleh tidur, tak boleh tidur.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Penjelasan.

YB TUAN NG SUEE LIM : O.k., O.k.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Sekinchan sedar tak semalam EXCO menjawab bahawa dalam Manifesto Barisan Alternatif 2008 daripada 25 tawaran, hari ini Pakatan Rakyat

telah melaksanakan 17 tawaran. Jadi maknanya dalam tempoh dua (2) tahun lebih kita sudah melaksanakan 70 peratus daripada manifesto yang dijanjikan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, Hulu Kelang ingatkan. Walaupun waktu itu tiada Pakatan Rakyat tapi kita ambil pendekatan ada tawaran yang baik yang boleh kita lakukan, Pakatan Rakyat yang baru kita lakukan dua (2) tahun lebih, dua (2) tahun lebih 70 peratus janji kita, janji yang dulu yang dijanjikan itu, walaupun dulu tiada Pakatan tapi tak apa, kita ambil inisiatif yang baik, kita boleh laksanakan yang baik daripada Barisan Nasional pun boleh kita laksanakan, ini satu pencapaian yang cukup bangga, boleh dibanggakan oleh rakyat. Seterusnya Puan Timbalan Speaker, saya nak nyatakan dalam tawaran 100 hari ini, ini bukan janji kosong, rakyat percaya dan Akta ISA ini, saya nampak sekian lama dia wujud, saya ingat balik kembali, imbas kembali bagaimana tahun 1999, 1998 yang Sg. Pelek mungkin waktu itu, tiada lagi dalam barisan politik, belumlah, mungkin belumlah, saya tak tahulah Sg. Pelek waktu itu tapi tadi dah bicara 1999, 1998 kalau tak ada nak bicara itu jauh sikit, jauh pandangan tu, jauh pandangan. Saya berada di depan, reformasi saya berada di jalanan, saya ada di situ waktu itu saya nak bagi tahu, yang bakar tong sampah, yang bakar pecahkan kereta, yang bakar, bakar ini, kerja siapa, kerja SB, SB yang menyamar, saya nak bagi tahu di Dewan yang mulia ini. SB, SB yang menyamar kemudian keluarkan gambar ini perosak, ini dia pengganas Kuala Lumpur untuk takut-takutkan rakyat, inilah kerja-kerja mereka, satu.

Yang keduanya, mereka tangkap rakan-rakan kita Yang Berhormat Hulu Klang, mereka tangkap dari dulu siapa Gopala, lagi siapa dulu lagi ha... sekarang Senator daripada Barisan Nasional mereka iktiraf tinggi, tinggi.. siapa dia..Ezam, Ezam dulu mereka ini didakwa atas kesalahan apa, Badrul Amin lagi didakwa, mereka punya senjata sulit, senjata sulit, apa senjata mereka monotokokel, monotokokel, masyaAllah ada monotokokel, jadi mereka ditangkap sebab keselamatan, masuk ISA ikut suka aku, kemudian sampai hari ini Ezam pun dah masuk Barisan dah, tapi tidak ada pendakwaan di Mahkamah satu pun yang mereka ini punya monotokokel, bukan sahaja tidak guna monotokokel, kueh pun tak ada kulit.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Monotof koktel.

YB TUAN NG SUEE LIM: Monotof koktel, tak apa jauh sangatlah. Tak ada pun kulitnya, kulit, kulit pun tiada, ini semua kerana politik, kepentingan politik, jadi Akta ini terlalu mudah disalahgunakan. Oleh sebab itu kalau Akta yang boleh disalahgunakan demi untuk mempertahankan kuasa, mempertahankan kuasa bukan keselamatan maka Akta ini zalim dalam Islam pun saya terbaca dalam Al-Quran maka janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim, yang menyebabkan kamu akan disambar oleh api neraka dan sekali-kali kamu kerana tiada mempunyai seorang penolong pun selain daripada Allah kemudian kamu tidak akan diberi pertolongan. Kalau cenderung pun tidak boleh, tak boleh, apa lagi bagi menjadi ahli dan bersekongkol dengan mereka. Jangan kamu tak jawab, walaupun tak jawab sekarang di dunia, di akhirat di depan Allah kena jawab ha.. tuan-tuan dan puan-puan, Yang Berhormat, jadi benda yang zalim ini cukup tahan 60 hari tanpa perbicaraan, panggil mana satu-satu Mufti pun nak suruh jawab, suruh bagi fatwa, 60 hari tanpa perbicaraan, adakah itu undang-undang yang betul dalam Islam, ada dalam Islam, tolong Sg. Pelek kalau you ustaz tolong jawab.

YB TUAN YAP EE WAH : Jawab apa, saya nak tanya bukan nak jawab. Saya nak tanya Sekinchan sebut orang yang zalim tadi, orang yang zalim, Operasi Lalang siapakah orang yang zalim itu. Itu sahaja yang saya hendak. Tanya.

YB TUAN NG SUEE LIM : Operasi Lalang, kita kena tanya Mantan Perdana Menteri. Tun Dr. Mahathir lah. Walaupun dia cepat lupa, Melayu cepat lupa yang macam dia kena tanya dia.

Sg. Pelek balik kena tanya dia. Yang pentingnya soal Akta Kezaliman ini, soal akta ini, jangan kita bermati-matian, bermati-matian mempertahankan. Janganlah. Benda zalimi kita. Dosa jangan kita undang. Ini yang penting. Keduanya dalam Dewan ini saya minta Dewan ini, Setiausaha Dewan tolong catit dalam *hansard* mana-mana ADUN, Ahli Dewan Negeri, yang sokong kekalkan ISA tolong catit. Kami yang sokong mansuhkan ISA tolong catit. Supaya *hansard* dapat dicatit. Hansard ini akan dibaca direnung oleh anak-anak cucu-cucu kita pada masa-masa akan datang. Biar mereka tahu siapakah yang menyokong akta-akta zalim yang tidak relevan pada masa ini supaya mereka kena jawab pada masa akan datang. Ini saya minta Dewan tulis. Dan akhir sekali saya menyokong penuh kempen teruskan kempen kesinambungan kempen istiqamah untuk mansuhkan ISA. Sekian terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih. Ada lagi. Tiada. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan dewan ini, adalah suatu usul berbunyi : Bahawa Dewan ini menarik perhatian bahawa Pakatan Rakyat akan melaksanakan reformasi menyeluruh dalam semua aspek pengurusan Negara. Program kedua dari 10 program 100 hari Pakatan Rakyat, mendapat mandat rakyat adalah memansuhkan Akta Keselamatan dalam Negara ISA. Bahawa dengan ini Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, agar mengerakkan segera program ini dengan:

1. mewujudkan satu sekretariat khas untuk merangka dan menjalankan program penerangan dan kempen memansuhkan program ISA di seluruh Negeri Selangor.
2. Memberikan peruntukan bagi memasang papan tanda *billboard*, di setiap DUN dengan tema Selamatkan Malaysia dan mansuhkan ISA.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila katakan tidak. Usul ini telah dipersetujui.

TUAN SPEAKER: Usul seterusnya usul no. 2 Tahun 2011 Usul di bawah peraturan Tetap 26 (1) oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

YB TUAN HAJI SAARI B. SUNGIB : Puan Timbalan Speaker, terima kasih. *Bismillahi rahmani rahim*. Bahawa Dewan ini menarik perhatian, bahawa UKRC Hulu Kelang Recreation Club telah pun diberi kelulusan tanah lot 3026 Mukim Hulu Kelang Daerah Gombak mengikut Seksyen 24 (1), Kanun Tanah Bab 13 138 tahun 1928, bagi tujuan Kelab dan Dewan Komuniti, dan Padang Permainan oleh Kerajaan Negeri Selangor, melalui surat Pejabat Tanah Kuala Lumpur bertarikh 12hb. Julai 1957 rujukan no. 14 (in D.O K.L) 7882. Tapak UKRC merupakan tapak rekreasi bagi maksud kelab, dewan komuniti dan padang, dan bukan tanah kawasan lapang. Namun 2004, cara luar biasa Pentadbiran Kerajaan lalu telah menawarkan mewartakan tapak rekreasi UKRC sebagai kawasan lapang. Bahawa dengan ini, di atas prinsip-prinsip kebenaran dan keadilan, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan Y.A.B Dato' Menteri Besar, mengambil hak asalnya UKRC seperti asal diperolehi daripada Pejabat Tanah Kuala Lumpur pada 12hb. Julai 1957, 1958 dengan:

- 1) Meminda warta Kerajaan no. 2214/2004 bertarikh 2hb. Disember 2004 pada baris ke tujuh (7) dengan bagi maksud Kelab Dewan Komuniti dan Padang yang akan dikawal oleh UKRC selaras dengan kelulusan awal yang telah diberi kepada UKRC oleh Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 1958, atau
- 2) Meluluskan permohonan UKRC untuk mendapatkan milikan kekal tanah Kerajaan Lot 3026 Mukim Hulu Kelang Daerah Gombak, dengan syarat tidak boleh dijual atau ditukar

milik bagi tujuan kelab Dewan Komuniti dan Padang selaras dengan kelulusan yang diperolehi oleh UKRC daripada Kerajaan Negeri Selangor melalui surat Pejabat Tanah Kuala Lumpur bertarikh 12hb Julai 1958, dan

- 3) Membatalkan Warta Kerajaan Negeri Selangor no. 2214/ 2004 bertarikh 2hb. Disember 2004 dibuat sebaik sahaja kelulusan diberi kepada UKRC untuk mendapatkan milikan kelab Tanah Kerajaan bagi mengelakkan sebarang kontroversi pada masa hadapan antara di bawah Kerajaan Negeri dan UKRC.

Puan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul ini telah pertama kali saya bawa dalam Dewan pada bulan Mac dan April, tahun 2010. di atas petua yang telah diberikan oleh Tuan Speaker pada masa itu, saya menarik balik sementara Usul yang saya bawa untuk dibuat pindaan dan dibawa untuk persidangan yang berikutnya. Pada hari ini Dewan yang mulia ini menyaksikan, bahawa saya sekali lagi membawa usul ini, dengan sedikit pindaan iaitu sekiranya meluluskan permohonan UKRC untuk mendapatkan milikan kekal diluluskan oleh Kerajaan maka ditambah dengan syarat tidak boleh dijual dan ditukar milik.

Sejarah padang UKRC bermula 53 tahun dahulu pada hari saya lahir. 3hb. Ogos 1957. apabila Presiden Kelab UKRC sebuah Badan NGO yang berdaftar pada masa itu di Malaya sebelum Merdeka lagi telah memohon sebidang tanah daripada Pejabat Tanah Kuala Lumpur, untuk dijadikan Tapak sebagai Dewan Komuniti dan padang bagi Kelab mereka. Surat itu ditulis pada 3 hb. Ogos 1957 dan pada 16 September 1957 mereka mendapat jawapan bahawa tanah itu, sudah digazetkan untuk padang sekolah tetapi bukan berhenti begitu sahaja, Pegawai Daerah pada masa itu seorang Warga Inggeris, dengan begitu berhemah dan berkhidmat pada rakyat walaupun pada zaman penjajah lagi telah mengesyorkan Kelab UKRC agar memohon satu kawasan lapang lain yang berdekatan yang lebih luas seluas 5.2 ekar untuk dibuat permohonan. Maka mereka telah membuat permohonan dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ketika itu Jamil Rais telah meluluskan kawasan itu digunakan sebagai tapak, Dewan dan kelab komuniti dan kawasan padang. Dan beberapa minggu selepas itu, mereka membuat permohonan kepada Pejabat Tanah untuk dibuat ukuran dan mereka membayar yuran-yuran yang dikenakan pada masa itu kepada Pejabat Tanah. Dokumen–dokumennya sudah lengkap, sudah ada.

Apa yang hendak kita timbulkan adalah sebaik sahaja mereka mendapat persetujuan penggunaan tanah. Tanah itu kawasan lombong. Lombong yang besar dan dalam pada masa itu tetapi dari hasil permuafakatan berbagai kaum sebahagian besarnya adalah pendatang dari India, Cina dan rakyat tempatan dan bergabung, masyarakat Melayu dan Punjabi, Cina, India, Pakistan bergabung memberikan sumbangan sikit demi sikit mereka menimbus lombong itu, menanam rumput meratakan tanah dan akhirnya mengumpul sedikit dana untuk membuat kelab. Itulah pengorbanan mereka. Itulah komitmen mereka kepada Kelab yang sehingga bergantinya dari satu Presiden hingga kepada satu Presiden yang menerajui kelab UKRC semuanya terbukti bahawa mereka berkhidmat bukan untuk kepentingan peribadi, bukan untuk kepentingan perniagaan tetapi untuk kepentingan komuniti. Trek rekodnya sudah ada. Jadi inilah saya hendak bawa suatu keadaan di mana pengiktirafan yang perlu kita berikan dan komitmen mereka kepada tanah lapang itu sebagai padang cukup terserlah. Bukan hanya padang itu dijadikan tempat permainan tetapi tempat melahirkan legenda-legenda bola sepak Selangor dan Negara. Bahkan di situlah tokoh-tokoh bola sepak besar Negara membuat latihan dan melahirkan generasi pemain-pemain bola handalan seperti M. Chandran, Wong Choon Wah, Mokhtar Dahari, Ong Yu Tiong, Khalid Ali, Zulkefli Norbit, Santokh Singh, Bakri Ibni, Redhuan Abdullah, Zainal Abidin, Dollah Salleh dan Ahmad Yusof.

Ini nama-nama besar nama-nama yang hari ini masih dianggap idola oleh pemain-pemain bola sepak yang cintakan bola sepak di Negara ini dan itulah sumbangan sedikit sebanyak yang telah diberikan sehingga hari ini UKRC dengan dana yang mereka peroleh sendiri dengan pengurusan sukarelawan berkemungkinan UKRC adalah satu-satunya kelab yang mengendalikan padang secara sukarelawan. Presidennya, Setiausahanya dan Bendaharinya AJKnya tidak bergaji. Merekalah meratakan rumput dan memotong rumput buat sendiri membuat garis pandang, memasang net bola sepak, memasang lampu dan membuat penjagaan di waktu malam. Dan ini sehingga kini komitmen mereka kepada bola sepak Negara yang alhamdulillah semakin meningkat.

Terima kasih kepada Taman Templer dan ini menunjukkan mereka komited dan membuat satu program melatih anak-anak lelaki 12 tahun ke bawah untuk mengadakan klinik-klinik bola sepak dan setanding dengan Kerajaan persekutuan ataupun Persatuan Bola Sepak, memilih pelajar-pelajar untuk menjadi anak angkat bola sepak Akademik UKRC seramai tujuh (7) orang. Kos tanggungan mereka sendiri. Jadi saya ingin menarik perhatian apabila cara luar biasa pada tahun 2004 di bawah Pentadbiran BN yang diterajui oleh Sg. Panjang. Cara luar biasa meminda gazet daripada tanah itu dari kawasan padang untuk kelab dan Dewan Komuniti menjadi kawasan lapang dan dikendalikan dan diawasi oleh Setiausaha Kerajaan.

Yang penting proses itu seolah-olah tidak wujud UKRC tidak wujud tidak dirunding, tidak *not being consulted*, tidak ditanya, tidak ada pendengaran awam dilakukan. *Bulldoze* sahaja. Dan ada kecenderungan menganggap mereka sebagai pembangkang kerana MCA ketika itu amat berminat dengan padang ini, kawasan ini. Mereka bersekongkol dengan UMNO bagi memastikan bahawa tempat ini dikuasai oleh pembangkang. Mereka bukan menyokong PAS, mereka bukan menyokong DAP, tetapi mereka tidak bersetuju dengan pentadbiran UMNO dan Barisan Nasional yang merampas hak mereka. Itu sahaja. Jadi apabila ...

YB TUAN WONG KOON MUN: Tuan Speaker, boleh saya mencelah sedikit. O.k Tuan Speaker. Kenyataan berikut daripada rakan kita bahawa seperti penyata seperti ini, pada tahun 2004 semasa tempat itu digazetkan sebagai *green lunk* oleh Yang Berhormat Sg. Panjang bahawa Presiden sendiri buat kenyataan saya bacakan bahawa UKRC presiden Andrew Gopal say *he was happy that area as a green lunk* so kalau kenyataan di katakan bahawa tempat itu digazet sebagai *green lunk* tanpa bersetuju daripada ahli UKRC itu tidak betul. Saya ingin membuat penjelasan. Sekian.

YB TUAN HAJI SAARI B. SUNGIB: Itu bertentangan dengan media-media yang keluar ketika itu dan apa yang dijelaskan oleh saudara Andrew Gopal presiden UKRC. Mereka tidak bersetuju dan menentang pindaan kerana apa yang berlaku mereka menganggap ada motif politik. Ini kerana sebaik sahaja tanah itu ditukar gazet berbagai-bagai permohonan telah masuk memohon permohonan tempat itu sebagai kondok mewah sebagai banglo mewah dan berbagai-bagai ancaman dan ugutan kepada UKRC untuk meninggalkan tempat itu. Jadi ini yang mereka tidak berpuas hati di atas motif apa mereka tidak dirujuk atau motif apakah tanah itu ditukar gazet dari tanah padang kepada tanah lapang dan motif apa secara tiba-tiba kawasan yang sepatutnya dibiarkan kawasan hijau kawasan padang untuk membolehkan anak-anak muda remaja bersukan beriadah bukan sahaja Hulu Kelang dan di Gombak dan di Ampang tetapi di seluruh Selangor bahkan UKRC telah menganjurkan pertandingan bola sepak menjemput pasukan bola sepak dari Johor, *Singapore*, Sabah, Thailand, Indonesia, Filipina dan Australia termasuk Pulau Pinang, Kedah dan seumpamanya.

Jadi UKRC ini harum namanya sebagai satu Institusi yang digerakkan oleh sukarelawan yang menggalakkan sukan dan membina pemuda-pemuda supaya aktif bersukan tidak mahu belia terus lepak dan membuang masa. Jadi ini beri pertimbangan yang harus kita ambil kira. Tidak

ada komitmen yang sebegini yang ditunjukkan oleh satu komuniti oleh masyarakat yang disokong oleh satu kampung yang telah dibuktikan bahawa mereka komited bukan hanya untuk sukan tetapi untuk membangunkan belia dan remaja. Jangan salahkan belia dan remaja jika mereka melepak. Kalau kita perlu membenarkan padang, tanah hijau, kawasan hijau dijadikan kawasan lapang yang berkemungkinan akan dibangunkan, dimajukan yang *no protection* dengan izin untuk melindungi hak sebagai kawasan padang, jangan salahkan kalau pada masa depan generasi muda tidak ada kawasan untuk berekreasi, bersukan, beriadah dan hingga mereka menimbulkan berbagai-bagai masalah, gejala sosial yang telah kita timbulkan pada hari ini. Puan Timbalan Speaker.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Hulu Kelang, boleh saya mohon penjelasan sikit. Berkenaan tanah apa UKRC ini, saya mungkin kurang jelas mengenai kedudukannya. Kelulusan yang diberi melalui, yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi pada tahun 1958 merupakan ini hak milik kekal atau pun berupa apa. Ini saya tak jelas sebenarnya mengenai usul ini. Jadi, kalau boleh Yang Berhormat jelaskan mengenai yang tahun 1958 ini bentuk yang macam mana. Sama ada kawasan hak milik sebab kalau hak milik kekal kepada UKRC saya rasa itu tidak mungkin ada apa-apa perubahan yang boleh dibuat.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Puan Timbalan Speaker. Izinkan saya menjelaskan soalan tersebut dengan memberi jawapan bertulis daripada satu surat Pejabat Tanah Kuala Lumpur 12 haribulan Julai 1958. Pada Presiden UKRC pada masa itu. “*Sir, site for recreation club cum community hall. I have the honour to refer dengan izin, I have the honour to refer to your application for alienation of approximately 5.27 acres of state land in Hulu Kelang New Village and to inform you that the honourable the Menteri Besar Selangor has approved reservation of the area applied for as shown out line on that on the attached signed print for the purpose of club cum community hall and playing field. The reserve is to be maintained by the managing community of the Ulu Klang Creation Club.*” Jadi, maknanya isu yang berkaitan itu adalah isu kelulusan sebagai kawasan padang dan bangunan kelab dan diurus selenggara diuruselia oleh kelab itu sendiri. Dan prosesnya patut dilakukan. Proses penggazetan itu sepatutnya dilakukan tetapi atas beberapa kecuaiian Pejabat Daerah yang bertukar zaman kemerdekaan dan sebagainya tidak berlaku. Tapi yang penting bagi kita gazet yang berlaku pada 2004 meminda kawasan padang kepada kawasan lapang itu tidak merujuk kepada keputusan-keputusan dan *status co* yang ada. Seolah-olah UKRC aktiviti mereka selama ini tahun 50 an, 60 an, 70 an, 80 an, 90 an tidak diiktiraf. Itu isu yang kita timbulkan di dalam Dewan ini.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Okey, Yang Berhormat saya bertanya lagi. Kalau, saya sebenarnya masih tidak jelas lagi mengenai status ini sama ada ini adalah hak milik atau pun hanya diberi dalam bentuk macam tanah lesen ke dan sebagainya yang perlu kedudukan sementara dan sebagainya. Sebab itu akan menentukan kedudukan itu sebab tahun 2004 apabila pindaan itu dibuat ialah kerana berandaian *law* itu ialah hak milik Kerajaan Negeri Selangor, bukan hak milik kepada UKRC. Itu yang menjadi persoalannya. Kalau hak milik UKRC ada *title* dan sebagainya saya fikir Kerajaan Negeri tidak ada hak untuk membuat pindaan itu. Itu yang saya hendak tanya Yang Berhormat tadi.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Ya. Ya. Terima kasih. Saya hendak jawab dengan menyambung kerana sambungan penghujahan saya ada kaitan dengan isu itu. Saya hendak menarik perhatian. Sebelum Pakatan Rakyat mentadbir Negeri Selangor kita memperjuangkan isu peneroka bandar. Barisan Alternatif, DAP dan hari ini Pakatan Rakyat bersetuju bahawa sebarang tanah kerajaan yang diterokai oleh rakyat dan tanpa notis pindah dan sebagainya usir oleh Kerajaan dia dianggap sebagai peneroka bandar. Dan maknanya mereka terlibat dalam membersihkan kawasan, meratakan tempat dan sebagainya hingga mereka sepatutnya

diberikan ekuiti. Itu sebab Pakatan Rakyat tidak bersetuju dengan dasar pengusiran yang dilakukan oleh BN ketika hendak membangunkan kawasan-kawasan yang kononnya kawasan setinggan. Kerana setinggan ini dia hendak majukan kawasan itu. Kalau di Hulu Kelang, penduduk Batu 8, mereka majukan mereka mohon. Zaman tahun 50 an ada yang dapat. Sebaik sahaja zaman merdeka mereka mohon tak dapat. Tahun 58, 64 tidak pernah dapat. Tetapi sebaik sahaja syarikat-syarikat pemaju buat permohonan hendak bangunkan tempat, dapat. Dan penduduk yang duduk sejak tahun 60 an, 70 an diusir begitu sahaja. Ini kes ini, kita tak payah nak perdebatkan ini jelas. Seluruh Selangor pengusiran besar-besaran menggunakan FRU, *water cannon*, rakyat didera diseksa, dipindahkan cara paksa. Ini kita bela. Jadi, tanah UKRC ada status yang sama. Sejarah yang sama. Sejarah di mana rakyat telah berganding bahu mengeluarkan duit, bekerjasama menimbus lombong, meratakan tanah, menanam rumput, menjaga kebun, menjaga padang dan sebagainya. Di mana ekuiti mereka? Memang BN boleh buat. BN sama juga dengan tanah setinggan, dia boleh usir dengan *mood* yang sama mungkin mereka usir UKRC sedemikian rupa. Adakah Pakatan Rakyat hendak buat yang sama? Ini mesej saya kepada Datuk Menteri Besar dan Kerajaan. Sudah pasti kita tidak sama. Kita tidak boleh ikut apa yang telah dilakukan, keterlanjuran yang telah dilakukan oleh Barisan Nasional. Rakyat dan penduduk Hulu Kelang New Village dan UKRC ada ekuiti, perlu diiktiraf, perlu diperakui sumbangan mereka. Perlu diambil kira pandangan mereka. Keputusan tidak boleh hanya dibuat di bilik-bilik Mesyuarat EXCO. Tapi, Menteri Besar kena turun padang, jumpa sekurang-kurangnya ambil hati. Tanya mereka. Apa masalah mereka, apa isu yang hendak dikemukakan. Mereka mengadu kepada saya beberapa pucuk surat yang dihantar kepada Menteri Besar tidak ada jawapan. Jadi, ini tidak menggambarkan mesra rakyat yang mesti kita tunjukkan.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Boleh saya beri penjelasan sedikit. Boleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Sila.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya ingat isu ini tak perlulah dipolitikkan. Mengambil contoh-contoh yang lain. Sebab kita pun boleh bagi contoh. Kerajaan DAP Pulau Pinang pun halau penduduk-penduduk Buah Pala.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Tanya soalan ya! Permatang.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Itu yang saya katakan tadi, jangan politikkan. Pada saya isu pada tahun 2004 ini kalau statusnya tak jelas, masih di bawah hak Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri berhak untuk buat apa-apa juga perubahan. Mereka pun tak halau keluar UKRC ini Cuma status sahaja yang diubah. Tetapi mereka masih boleh gunakan tempat ini sebagai rekreasi. Dan saya hendak tanya Yang Berhormat Hulu Kelang juga daripada 2004 hingga 2008 sebelum pertukaran Kerajaan Negeri, ada ke kawasan ini dibangunkan. Atau pun diambil, sebagainya. Tak ada. Dia masih kekal juga dalam keadaan yang ada. Jadi, isu kita ialah isu status. Kalau itu ialah hak Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri ada hak pada waktu itu. Saya tidak mempertahankan apa-apa. Tapi, saya rasa ini jangan dipolitikkanlah isu ini.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Bukan isu politik. Isu hendak dipolitikkan. Tapi politik merupakan satu perkara yang sangat penting yang menunjangi apa tindakan yang telah dilakukan oleh pentadbiran lama. Kerana mereka merasakan, oleh kerana mereka ini membantah dan membangkang Barisan Nasional tidak bersetuju dengan dasar itu walau pun mereka bukan penyokong DAP, walau pun mereka bukan penyokong PAS pada masa itu, walau pun bukan penyokong PKR. Tapi, mereka hanya menentang dasar tidak adil Barisan Nasional mereka telah diperlakukan sedemikian. Jadi, ini isu dia yang kita perlu bincangkan

dalam Dewan. Jadi, saya hendak jelaskan, ya! bahawa sejak daripada mereka bergabung tenaga mengumpulkan dana UKRC membangun, membangun, membangun hingga mempunyai empat antara padang yang terbaik di seluruh Selangor. Sehingga apabila tahun 2004 mereka tidak boleh buat sebarang pembangunan, *improvement* kerana statusnya tidak jelas. Keadaannya menjadikan pengurusan dan *management* dengan izin pihak UKRC menjadi masalah. Mereka boleh gerakkan. Mereka hendak tingkatkan taraf padang. Mereka sudah dapat komitmen, *pledge* dari badan-badan swasta, korporat dan sebagainya sebanyak setengah juta untuk RM400 ribu hingga RM500 ribu untuk memperbaiki taraf padang hingga padang itu kalau kelab-kelab dari Taiwan datang, Thailand datang, Filipina dan Singapura datang tak malulah. Maksudnya, nama naik Selangor walau pun Selangor ini beri saja kelulusan untuk diuruselia oleh UKRC, dana satu sen pun kita tak perlu keluar, MPAJ tak perlu jaga padang, kita kawal dengan peraturan-peraturan semata-mata. Jadi, ini yang ditimbulkan. Ya! itulah yang menjadikan UKRC *stagnant* dengan izin dari segi pembangunan dia, padang dia yang patut dikemaskan, dewan patut boleh dibesarkan dengan sumbangan orang ramai. Jadi, saya menyeru meminta Kerajaan mempertimbangkan usul ini dan meminta sokongan daripada Ahli-ahli Dewan agar kita memberilah kelapangan kepada *relief* dengan izin kepada *management* UKRC dan penduduk Hulu Kelang *New Village* Kuala Ampang dengan sekurang-kurangnya mengembalikan gazet asal dan sekurang-kurangnya mendengar mereka. Adakan pendengaran awam, mendengar pandangan mereka, mendengar rintihan mereka dan dengan ini saya pohon agar usul ini disokong. Puan Timbalan Pengerusi, terima kasih.

YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Puan Speaker. Subang Jaya menyokong usul Yang Berhormat Hulu Kelang untuk memberi milikan kekal tanah kerajaan bagi UKRC. Subang Jaya berpendapat penyelesaian melalui mahkamah atau arbitrase bukanlah pilihan yang baik. Ini kerana penduduk Selangor menaruh harapan yang tinggi kepada Kerajaan Pakatan Rakyat dan amat dikesali jika mereka dipaksa menyelesaikan atau pun menghabiskan *resources*, masa, wang dan tenaga peguam di mahkamah. Jika Kerajaan baru tidak boleh menyelesaikan masalah yang diwujudkan atau pun yang ditinggalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu apa gunanya kita mendorong pengundi berubah. Hulu Kelang telah menyatakan bahawa masalah status tanah UKRC bukan hanya merupakan masalah bagi penduduk DUN Hulu Kelang. Ini kerana aktiviti UKRC melibatkan pencinta sukan dan rekreasi dari seluruh Selangor. Untuk makluman Puan Speaker, semalam saya telah menerima berpuluh-puluh SMS dari penduduk Hulu Kelang yang meminta ADUN-ADUN di Negeri Selangor menyokong usul ini. Biarlah kita Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang mempunyai kuasa dan *locus standi* membetulkan gazet yang telah diselewengkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Dengan ini Subang Jaya menyokong sepenuh hari usul Hulu Kelang. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Usaha-usaha...

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Bahas.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Oh!

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Teratai, silakan.

YB PUAN LEE YING HA : Terima kasih, Puan Timbalan Speaker. Teratai ingin menyokong usul untuk membetul semula warta Kerajaan Negeri Selangor supaya kelab, dewan komuniti dan padang di kawasan UKRC atau mendapat milikan kekal tanah tersebut dengan syarat yang tidak boleh dijual atau ditukar milik yang dibawa oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

Sebenarnya *Ulu Kelang Recreation Club* UKRC yang mendapat kelulusan pada tahun 1958, tetapi bawah Barisan Nasional tapak ini digazet bawah kawasan seliaan setiausaha Kerajaan Negeri Selangor tanpa apa-apa pendengaran awam atau pun rundingan. Kalau motif ini adalah berdasarkan kebaikan penduduk, kita memang menyokong dengan syaratnya ada perundingan bersama dengan UKRC. Tetapi pewartaan tersebut merupakan ada undang di sebalik batu. UKRC mempunyai sijil kelulusan pada tahun 1958, itu bermakna UKRC telah mendapat pengiktirafan dari Kerajaan pada masa itu. Apabila tanah kelab ini telah diwartakan sebagai tanah lapang, tidak ada penyiasatan awam pernah berlaku. Oleh itu timbul satu soalan iaitu tindakan Kerajaan Barisan Nasional pada masa itu adalah sah atau tidak. Bawah pentadbiran Barisan Nasional tanah-tanah kegunaan penduduk telah pun dijual atau pun kepada pemaju demi untung bersama-sama. Saya bagi contoh. Satu, sebuah tapak pasar yang ditentukan di Bukit Teratai bawah DUN Teratai telah pun dijual kepada pemaju Dirgahayu untuk membina kedai dan apartmen. Oleh itu penjaja pasar pagi terpaksa berniaga di tepi jalan dan di lorong lot kedai. Ini juga menyebabkan kesesakan jalan lalu lintas setiap hari untuk jalan Taman Muda. Kes yang kedua, kes Subang Ria bawah DUN Subang Jaya merupakan tanah lombong dan telah dijual kepada pemaju Sime Darby pada tahun 90an. Tanah tersebut diberi adalah untuk kegunaan rekreasi tetapi memandangkan tanah tersebut boleh menjana keuntungan kepada pemaju. Oleh itu Sime Darby juga memohon untuk menukar syarat tanah dan ingin memulakan projek pembangunan di tapak rekreasi ini. Setelah Pakatan Rakyat mengambil alih Kerajaan bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang begitu prihatin kepada rintihan penduduk tapak ini akhirnya di kekal sebagai kawasan hijau. Kita difahamkan pernah berlaku isu-isu penyelewengan dan salah guna kuasa pada zaman Barisan Nasional, tetapi kalau kita boleh membetulkan kesilapan-kesilapan dahulu rakyat akan terus menyokong Pakatan Rakyat. Jika kelab rekreasi ini membawa manfaat kepada penduduk Kerajaan Selangor haruslah memberi sokongan penuh kepada mereka dan bukan melewatkan pembedaan isu ini tahun demi tahun. Dengan ini Teratai menyokong usul ini.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sijangkang.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Puan Speaker. Sijangkang melihat bahawa kesungguhan ahli-ahli daripada Kelab UKRC melalui Hulu Klang dengan kesungguhan mereka untuk mendapatkan semula tapak ini dan diwartakan secara yang sah seperti sebelumnya. Jadi saya juga melihat bagaimana ahli-ahli dengan kesungguhan mereka menghantar SMS kepada, saya kira kebanyakan daripada ahli-ahli dewan undangan untuk memohon supaya kita memberi sokongan penuh di dalam apa yang mereka harapkan ini. Sijangkang melihat bahawa saya kira tapak-tapak rekreasi yang ada pada hari ini perlu dikekalkan. Apatah lagi saya melihat pengorbanan daripada KURC, daripada peringkat awal lagi sehingga pada hari ini yang mana kita dimaklumkan tadi sehingga menghasilkan pemain-pemain bola sepak yang terkemuka sehingga menjadi idola pada hari ini. Saya kira permintaan mereka ini sudah seharusnya kita pertimbangkan dengan sebaik mungkin dan kita berikan hak semula kepada mereka. Sijangkang melihat bahawa beberapa kawasan rekreasi contohnya di litar lumba Shah Alam sebagai satu contoh yang satu ketika dahulu adalah satu tempat di mana sebilangan besar daripada anak-anak muda kita yang berminat di dalam sukan lumba motosikal ataupun kereta yang mana kita lihat inilah tempatnya yang terbaik untuk mereka lakukan rekreasi seperti itu tetapi apabila kawasan ini sudah ditiadakan di Shah Alam kita lihat mungkin akibat daripada itu kita lihat gejala-gejala lumba haram di jalan yang akhirnya mengorbankan jutaan ribuan anak-anak muda yang seharusnya tenaga mereka diperlukan untuk membangunkan negara dan akhirnya berlaku keadaan yang sebegini. Kita kembali kepada saranan DYMM Sultan Selangor yang mahukan supaya kerajaan yang ada pada hari ini untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku di negeri Selangor dan mengutamakan kepentingan rakyat itu harus difikirkan sebagai satu perkara yang paling penting. Sebab itu

saya melihat bagaimana kesungguhan-kesungguhan UKRC ini untuk kita berikan kepada mereka dan saya kira dengan usaha-usaha seperti ini sudah tentunyalah bukan soal politik yang kita mahu kedepankan dan saya juga melihat disebabkan oleh pembangunan kadang-kadang kita terlupa perkara-perkara yang mempunyai kepentingan rakyat yang lebih besar itu perlu kita ambil perhatian apatah lagi kalau disebabkan oleh isu politik contohnya sehingga kepentingan rakyat kita ke sampingkan. Saya melihat saudara-saudara, ahli-ahli yang mulia, supaya melihat walaupun di kawasan Sijangkang satu ketika dahulu ada seolah satu perkataan yang seluruh begitu yang mengatakan dengan adanya saya sebagai contoh Darul Mujahidin tempat di mana kita lahirkan anak-anak belajar dari segi kekuatan agamanya di situ melahirkan anak-anak kita yang hebat daripada segi kekuatan agamanya secara seluruh ada pemimpin-pemimpin yang dahulu mengatakan satu hari nanti kita akan lupuskan Darul Mujahidin ini sendiri kerana yang dianggap mempunyai kepentingan-kepentingan politik yang pada hari ini kalau kita lihat apabila diwartakan sebagai tanah perindustrian akhirnya Darul Mujahidin ini begitu tersepit atau pada tempoh hari semasa program penyerahan bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat kita menyebut Y.A.B. Menteri Besar untuk turun bersama-sama kita dapat merasakan bagaimana keadaan Darul Mujahidin ini yang di kanan kiranya, kilang di depan dan di belakangnya kilang memberi bau yang tidak mengenakan kepada masyarakat itu kerana adanya kilang susu di sebelah, dan kadang-kadang bau tu pentan disebabkan oleh kilang lagi yang di sebelah dan akhirnya menjadi ketidakselesaian. Jadi saya harap supaya perancangan-perancangan yang dilakukan dengan baik terutamanya yang mempunyai kepentingan rakyat ini harus difikirkan dalam setiap tindak tanduk-tindak tanduk yang akan kita lakukan. Jadi saya kira Sijangkang menyokong agar tapak rekreasi UKRC ini dikekalkan dikembalikan kepada mereka untuk menguruskan supaya menjadi satu kawasan rekreasi yang terbaik sekurang-kurangnya di kawasan itu dan tidak akan memberi mudarat disebabkan oleh pembangunan dan akhirnya anak-anak remaja kita akan hilang tapak-tapak rekreasi seperti ini. Sekian terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Kg. Tunku, silakan.

YB TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Kg. Tunku juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan dengan usul berkenaan dengan tanah Hulu Kelang Recreation ini. Apa yang saya ingin bawa kepada perhatian dewan ini ialah selain daripada apa yang di perbahaskan oleh rakan-rakan saya, tanah rekreasi ini ada sejarah dan nilai-nilai sentimentalnya yang tersendiri kerana ianya telah diberi kepada kelab ini sejak awal tahun 1958 dan seperti apa yang dinyatakan tadi ianya adalah berada di sini sejak tahun itu juga sehingga sekarang dan pembangunan-pembangunan yang telah berlaku pada tanah ini di mana kelab ini telah berjaya menjadikannya sebagai satu kawasan tumpuan. Saya telah meneliti surat daripada Hulu Kelang Recreation Club, Y.B. ADUN Hulu Klang tentang sejarah dan juga aktiviti yang ada di atas tanah ini dan saya percaya mereka telah selama ini selama lebih 50 tahun berada di atas tanah ini mereka telah memberi sumbangan yang begitu besar kepada komuniti-komuniti sekeliling. Apabila kita melihat tanah itu kita lihat bukan setakat nilai atau pun aset tanah itu kepada sebuah kerajaan tetapi kita kena lihat dan impaknya yang ada kepada penduduk yang hidup di situ kerana apa yang penting ialah *"at the end of the date"* pada akhirnya ialah penduduk di situ yang perlu menerima impak apa yang berlaku di atas tanah mereka sendiri, sama ada impak itu positif atau impak itu negatif. Mereka yang hidup di situ dan bukannya kita, bukan kami yang hidup di situ, oleh itu keputusannya yang kita buat pada hari ini perlu mengambil kira kepentingan mereka. Kalau kes ini kalaulah Kerajaan Negeri mempunyai hak untuk memulangkan gazet ini kepada UKRC maka saya bercadang kepada Kerajaan Negeri supaya ianya dilakukan seberapa cepat yang boleh. Bagi saya mungkin kerajaan memikir bahawa oleh kerana ini adalah tanah kerajaan maka adalah penting, adalah betul kalau mengikut aspek dari aspek sudut Pentadbir Tanah bahawa tanah ini sebagai aset

perlu diletakkan oleh kerajaan, tapi bagi saya dalam kes ini saya rasa tidak ada silap kalau kita memberi memulangkan kes ini kepada UKRC, mungkin kita boleh menambah satu syarat bahawa ia boleh dibangunkan untuk apa-apa tujuan komersial atau pun perumahan kondominium. Itu saya rasa boleh diperbincangkan dan aspek yang kedua ialah respons Kerajaan Negeri terhadap isu ini saya lihat terlalu lama. Kalau saya tidak silap ia hamper masa lebih dari 3 tahun untuk menyelesaikan masalah ini dan sekarang ianya masih belum lagi diselesaikan tapi saya lihat dan saya juga meneliti sejarahnya. Bermula pada tahun 2009, 2010 sehingga sekarang 2011, jadi apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri terhadap isu ini. Mengapa ianya seolah-olah dilihat sebagai berlengah-lengah dan tidak ada satu keputusan muktamad terhadap keputusan dan hala tuju dan masa depan tanah ini. Bagi saya apa yang penting ialah penduduk di situ memerlukan tanah ini dan perlu memastikan bahawa tanah ini diuruskan dengan baik dan bagi mereka, mereka mempunyai kepercayaan terhadap UKRC Hulu Klang Recreation Club yang telah diwujudkan sejak tahun 1958. Satu masa yang cukup-cukup panjang bagi kita. Ini mempunyai, lagi pun mereka mempunyai trak rekod yang tersendiri yang saya rasa tiada mana-mana satu kelab di Negeri Selangor malahan di Malaysia ini yang boleh setanding dengan mereka mungkin ada, saya tak tahu tapi saya rasa perlunya kita memberi pertimbangan yang sewajar untuk memulangkan gazet ini kepada UKRC, kalau kita memang mereka akan menggunakan kuasa yang ada pada mereka ini untuk tujuan-tujuan yang lain maka saya rasa kita boleh menetapkan syarat, kalau gazet ini kita pulangkan kepada UKRC ianya perlu kekal seperti sedia ada, dan ianya perlu memberi nilai rekreasi yang paling maksimum kepada penduduk-penduduk sekitar tanpa perumahan komersial tanpa perumahan. Saya rasa ini adalah sesuatu yang mana Kerajaan Negeri boleh lakukan malahan boleh lakukan dengan secepat mungkin dan inilah saranan saya setakat Ahli Dewan menunggu kepada Kerajaan Negeri supaya ianya dipulangkan gazet ini kepada penduduk-penduduk dan juga Kelab Rekreasi kepada Hulu Klang. Sekian, terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih. Ya pihak Menteri Besar.

YAB DATO' MENTERI BESAR : *Bismillahi Rahmani Rahim.* Kerajaan Negeri sentiasa memantau keadaan ini tapi yang penting ialah apabila kita mentadbir tanah kita juga mesti mengambil kira apabila benda yang sudah digazet kita tidak dengan senang lenang untuk digazet kerana kalau itu berlaku itu yang akan menyebabkan beberapa perkara mengenai yang kita bercakap masa dulu iaitu tanah-tanah yang sudah digazet untuk kawasan lapang kemudian oleh kerana desakan-desakan kita akan hapuskan gazetnya. Tapi buat masa ini kita membuat satu disiplin dari segi usaha kalau nak mengubah penggunaan tanah yang digazet. Pengubahan penggunaan tanah yang digazet ialah mengadakan apa yang dipanggil "*town hall meeting*" di mana perbincangan masyarakat sekitar itu akan dilakukan. Saya merasa dan tertarik dan prihatin tentang apa yang dikehendaki oleh UKRC tetapi kita mesti melalui dalam satu proses yang tetap dan adil itu sebab kita hari ini, dewan ini membincangkan beberapa perkara mengenai keadilan antaranya ISA, kedua, untuk menentukan bahawa maklumat terbuka "*built of right of information*". Semuanya telah ditunjukkan bukan sahaja undang-undang tapi prosesnya dibuat dengan baik. Jadi kita mesti terima cadangan dari Hulu Klang tetapi prosesnya dan beberapa perkara yang saya mula bisikan kepada EXCO untuk itu kita mesti adakan pendengaran awam mengenai ini dan oleh kerana kita akan dikatakan "*above politic*" berpolitik dalam perkara ini saya ingin cadangkan dan untuk kita bincangkan di EXCO supaya pendengaran awam ini dipengerusikan oleh Orang Besar Daerah Gombak. Jadi dengan itu dari pelihatan saya Orang Besar Daerah Gombak juga dihormati oleh masyarakat di sana selain...

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Minta penjelasan, boleh Hulu Kelang tahu apakah asas kepada cadangan menjadikan Orang Besar Daerah sebagai Pengerusi.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Iaitu dia pernah jadi Pegawai Daerah juga dan juga pernah menjadi Ketua Kementerian jadi oleh sebab itu dan umurnya agak lama sedikit iaitu boleh jadi masa kelab itu ada pun dia boleh pernah pergi ke kelab itu jadi ada dia punya "*emotional attachment*" maknanya dia umur dia sekarang adalah "*above average*" daripada kita. Saya ingat dah hampir ke 80 tahun jadi saya rasa orang yang begitu, maknanya kalau bercakap fasal sejarah pun dia boleh bersama-sama merasainya dan perkara ini kita telah cuba, saya nak terangkan kenapa kita pilih secara itu, kita ada lagi satu kes yang kita buat.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Minta penjelasan sikit, kalau saya, saya bantah kerana OBD Dato' Wan Mahmood arwah abangnya adalah bapa angkat saya, jadi apa-apa pun keputusan nanti saya tidak mahu saya terlibat secara emosi, kalau positif, negatif pun demikian. Jadi kalau saya mencadangkan EXCO mencadangkan nama lain.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Saya rasa tak ada "*conflic of interest*" saudara juga ini tidak ada "*conflict of interest*" itu sebab kita pilih berasaskan perkara yang tak ada "*conflict of interest*" sudah tentulah saya tidak akan memasukkan Hulu Kelang sebagai satu Jawatankuasa kerana Hulu Kelang is a promoter jadi tak ada *conflict of interest*. Itu yang bagus dalam kita ini. Saya nak bagi contoh, contohnya ialah Kg Perepat di Kapar, di Klang kita telah dapat menghadapi banyak masalah dari segi menyelesaikannya. Oleh sebab itu saya rasa kita membuat keputusan, EXCO buat keputusan untuk memberikan tugas ini kepada Orang Besar Daerah Klang dan Alhamdulillah sekarang kes itu sudah dapat mula penyelesaiannya dan diterima oleh kedua-dua pihak. Jadi ini sebagai beberapa contoh yang saya telah kita telah lakukan.

YB PUAN LEE YING HA : Puan Speaker, minta laluan, terima kasih. Kita faham YAB ada cadangan Orang Besar tetapi Teratai berpendapat Ahli EXCO adalah dipilih oleh rakyat. Jadi dipilih oleh rakyat mereka mendapat dari Masyarakat. Jadi berbanding dengan Orang Besar, Orang Besar adalah dilantik oleh Sultan jadi ini dua bahagian yang berlainan. Isu politik atau pun pentadbiran Negeri Selangor telah terpulang kepada wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat. Jadi saya rasa kenapa Orang Besar pun terlibat dalam isu ini, saya rasa mungkin ada sedikit perbezaan kedudukan Orang Besar dan juga Ahli-ahli EXCO. Sekian.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Yang pentingnya ialah supaya kita melihat dari segi cara mereka melihat bagaimana cara penyelesaian itu dapat dilihat. Satu daripada perkara yang jelas dalam kes ini iaitu Kerajaan telah menggazetkan tanah ini sebagai tanah lapang dan dibawa jajaan Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Jadi oleh sebab itu dari *conflict of interest* Kerajaan Negeri tak semesti mempertahankan kes ini sebab dia sudah Hak Kerajaan. Jadi kalau EXCO yang mempengerusikan kes ini tentu EXCO akan disoal bagaimana keadaan saudara dalam mempertahankan Hak Kerajaan. Jawapannya saya bebas. Itu tak boleh diperkatakan sebab akhirnya kelulusan ini mesti dibuat oleh Negeri. Jadi oleh sebab itu bila ditanya oleh Permatang tentang kes ini, kes ini dimiliki sebenarnya oleh UKRC apabila tanah tersebut di gazet dan bererti digazet untuk kegunaan awam, hak mereka yang mempunyai tanah tersebut mesti dibayar pampasan, pampasan kena dibayar tapi untuk kes ini oleh kerana keadaan undang-undang itu atau pun perjanjian dan juga tidak berapa jelas. Itu sebab Kerajaan Negeri pada masa itu menggunakan satu sikap yang saya rasa tidak saya terima tentang perkara ini tidak prihatin dan tidak mengadakan pendengaran yang sepatutnya. Itu sebab perkara ini berlaku kalau pergi ke Mahkamah pun kes ini itu sebab tidak memberi apa yang dipanggil pampasan yang sesuai kepada UKRC. Jadi oleh sebab itu walau pun kita panggil orang yang lebih *independent* atau pun lebih bebas daripada perkara ini dan akhirnya dia akan diterima atau tidak diterima atau pun diputuskan di EXCO jadi tak hendak EXCO yang akan menjaganya terpaksa sama-sama pula bersama-sama satu keputusan yang dia sendiri dia bersetuju atau tidak. Jadi oleh sebab itulah kita terima dan saya percaya kalau ada

penerangan itu mereka-mereka Ahli-ahli Dewan yang ingin bersama-sama menyertainya sebagai seperti yang kita lakukan sekarang yang dalam kes *Royal Commission* yang terlalu besar untuk ini dan masyarakat boleh menyertainya dan membawa pandangan dan pendapat mereka. Itu cadangan kita.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Apa yang saya timbulkan adalah jika Usul ini dan apabila Usul ini diluluskan maka pihak Kerajaan bertanggungjawab untuk menjalankannya mengoperasikannya dan menjalankan modus operandi. Apa yang saya bantah tadi ialah usaha pihak untuk mengumumkan dan seolah-olah mengikat Dewan ini dengan satu nama untuk mempengerusikan. Itu adalah bidang eksekutif kita tidak wajar forum ini dijadikan sebagai tempat mengumumkan nama. Tapi kita boleh serahkan kepada Kerajaan Menteri Besar untuk perbincangan dengan EXCO untuk menetapkan sesiapa tapi bukan di Dewan ini.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:-

- (1) Meminda Warta Kerajaan Negeri Selangor No. 2214/2004 bertarikh 2hb Disember 2004 pada baris ketujuh dengan "bagi maksud Kelab atau Dewan Komuniti dan Padang yang akan dikawal oleh UKRC selaras dengan kelulusan awal yang telah diberi kepada UKRC oleh Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 1958; atau
- (2) Meluluskan permohonan UKRC untuk mendapatkan milikan kekal Tanah Kerajaan Lot 3026, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak dengan syarat tidak boleh dijual atau ditukar milik bagi tujuan Kelab/Dewan Komuniti dan Padang selaras dengan kelulusan yang diperolehi oleh UKRC daripada Kerajaan Negeri Selangor melalui surat Pejabat Tanah Kuala Lumpur bertarikh 12hb Julai 1958; dan
- (3) Membatalkan Warta Kerajaan Negeri Selangor No. 2214/2004 bertarikh 2hb Disember 2004 dibuat sebaik sahaja kelulusan diberi kepada UKRC untuk mendapatkan milikan kekal Tanah Kerajaan bagi mengelakkan sebarang kontroversi pada masa hadapan di antara Kerajaan Negeri dan UKRC"

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul Ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul ini seterusnya Usul No. 3 Tahun 2011. Usul di bawah Peraturan Tetap 27 oleh Yang Berhormat Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, Ahli-ahli Dewan Sekalian. "Bahawasanya Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Dalam Negeri dan Polis Di Raja Malaysia supaya segera menyiasat dan seterusnya mengambil tindakan terhadap siapakah dalang sebenar yang bertanggungjawab menerbitkan akhbar ciplak "Selangor Terkini".

Puan Timbalan Speaker, pada bulan Mac yang lalu genaplah tiga tahun pentadbiran baru Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor sebelum ini catatan sejarah Negeri Selangor tidak pernah berlaku pertukaran Kerajaan melainkan Kerajaan Barisan Nasional sahaja yang dipilih oleh rakyat untuk memerintah Negeri Selangor sepanjang tempoh 50 tahun. Mungkin kerana sudah biasa dan serasi dengan peranan watak sebagai Kerajaan Negeri sebagai pemerintah sejak 50 tahun yang lalu maka amat sukar bagi mereka untuk membuat anjakan paradigma dalam jangka waktu yang singkat untuk berperanan sebagai pembangkang. Justeru itu

berbagai karenah yang kadang-kadang tidak terfikir telah dilakukan oleh mereka yang saya sifatkan itu UMNO Barisan Nasional di Negeri Selangor ini.

Puan Speaker, dalam masa tiga tahun ini serangan demi serangan fitnah demi fitnah, ugutan demi ugutan serta tekan demi tekanan telah dilakukan oleh UMNO dan Barisan Nasional dengan mempertahankan memperalatkan semua, semua *instrument* Persekutuan yang dikuasai oleh mereka seperti Suruhanjaya Pilihanraya, SPR, Polis Di Raja Malaysia, PDRM, Jabatan Peguam Negara dan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia, SPRM. Tujuan mereka adalah untuk merampas Negeri Selangor dari terus dikuasai oleh Pakatan Rakyat pimpinan YAB Dato' Seri Khalid Ibrahim. Kita setia maklum mereka ini sanggup melakukan apa sahaja demi kembali berkuasa di Negeri Selangor. Rancangan sebelum ini adalah untuk rampas kuasa tanpa perlu berharapan dengan proses Pilihanraya iaitu seperti yang berlaku tempoh hari di Negeri Perak menggunakan kaedah rampasan kuasa arah lanun Satu Malaysia atau pun Satu Monggolia. Alhamdulillah berkat doa dan solat hajat semua pihak perancangan-perancangan awal mereka tidak berjaya kerana Kerajaan di bawah pimpinan Pakatan Rakyat telah berjaya melakukan berbagai pembaharuan dan *reform* serta program kebajikan rakyat melalui program agenda merakyatkan ekonomi Negeri Selangor setakat ini sambutan dan dokongan sokongan rakyat jelata kepada Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat semakin hari semakin meningkat. Kebangkitan dan kesedaran inilah menyebabkan UMNO Barisan Nasional semakin khuatir semakin bagai cacing kepanasan.

Puan Timbalan Speaker, walau bagaimana pun kesemuanya rancangan Barisan UMNO telah menghadapi kegagalan kerana kesedaran rakyat yang tinggi dan luar biasa namun begitu mereka tidak berputus asa dan menyambung kesinambungan dengan kaedah yang baru. Baru-baru ini saya telah dimaklumkan sejak kebelakangan ini bancuh sebuah surat khabar. Satu surat khabar yang hampir 100% mirip sama atau ciplak dengan surat khabar yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor kini. Surat khabar Negeri Selangor yang kini yang sah adalah Selangor Kini. Setelah disiasat diperhalusi surat khabar bukan dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Surat khabar haram dan ciplak yang bernama surat khabar ini yang sah yang dikeluarkan secara rasmi lapan mandat rakyat menerusi proses undang-undang kerana rakyat telah memilih Kerajaan Pakatan Rakyat yang dianggotai oleh PKR, PAS dan DAP pada Pilihan Raya 8 Mac 2008 yang lalu Selangor telah bertukar Kerajaan. Dan inilah Selangor kini akhbar rasmi yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor, Selangor Kini nama dia Penggerak Kemajuan Saksama ah.. ini akhbar Selangor Kini. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan tetapi sekarang anehnya terdapat satu surat khabar yang dihantar ke Taman-taman, Masjid-masjid, Surau-surau, tertusuk negeri dengan nama yang hampir sama 98%. Ini surat khabar yang saya dapat. Selangor Terkini Penggerak Kemajuan bersama kita Penggerak Kemajuan Saksama, dia bersama dan percuma, dia pun percuma. Saya sendiri pun hampir *confuse*, tertiru kalau tak baca betul-betul eh... apa pula Selangor keluar Terkini dan yang pentingnya, logo Selangor, logo Selangor, Selangor Kini memang logo Selangor salah. Kita Kerajaan salah kita pakai logo dari sisi Undang-undang tanpa sebarang persoal sah tapi yang aneh, pelak dan ajak Selangor Terkini pun ada logo, bukan logo dacing, kalau logo dacing yang mendacingkan semua instrumen tak apalah. Saya setujulah kalau logo dacing, agar logo MCA, MCA sekarang pun tak pakai bintanglah sebab apa Puan Timbalan Speaker, MCA sekarang malu nak tunjuk bintang.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sekinchan boleh minta penjelasan

YB TUAN NG SUEE LIM : mereka pakai satu, satu Monggolia.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Boleh minta penjelasan

YB TUAN NG SUEE LIM : Ha.. boleh

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Okey, terima kasih Sekinchan. Yang kata tak boleh guna

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekarang ini

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ya... dah bagi tadi

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekarang ini belum habis lagi bukan pembahasan lagi.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Dah bagi tadi, ini

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Dia baru nak mencadangkan

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ya, saya nak minta penjelasan Timbalan Puan Speaker tadi. Sekinchan, tadi kata penggunaan logo Negeri Selangor tak boleh oleh mana-mana pihak kecuali Kerajaan Negeri. Saya nak tanya yang gunakan logo-logo di lambang Selangor di kereta, di motosikal, di baju, di seluar, di berbagai-bagai tempat tu macam mana kedudukan, itu pun salah juga ke?

YB TUAN NG SUEE LIM : Kalau JKKK, ya Ahli JKKK yang disahkan oleh kerajaan, yang dilantik oleh kerajaan, itu semua sah di sisi undang-undang, kalau rakyat dia suka diletak logo tu boleh, tetapi sebagai surat khabar ini, ini perkara penting tidak boleh main-main. Jadi surat khabar mana-mana, ini *knowledge, general knowledge*, pengetahuan *knowledge*, pengetahuan am untuk semua, kalau budak sekolah dia pun tahu. Yang Berhormat Politik, Ahli Politik punya kenalan yang baik dia tentu lebih tahu. Kalau Permatang tak tahu itu bermakna dia tak matang. Ha.. ini penting, ini penting. Jadi yang Selangor Terkini ni, tengok dia pakai lambang, jadi rakyat di kampung, ada orang Kampung Parit 9 dia tanya saya; "Yang Berhormat, fasal apa dia orang pakai ni" saya kata tak boleh 'haram' hukumnya haram, sebab dia bukan kerajaan, tetapi dia pakai. Ha... saya nak tanya siapa yang buat kerja ini, kita kena *check* dulu, siapa yang buat, nanti kena *check* dululah, ya.

Jadi Puan Timbalan Speaker, saya hairan kenapa perkara ini berlaku ye dan apa yang memeranjatkan saya, dia dalam dia menggunakan lambang satu, yang keduanya surat khabar haram Yang Terkini juga didapati, saya *check* balik dah, surat khabar ini tiada alamat pencetak. Surat khabar diedarkan seluruh negeri Selangor tiada alamat pencetak, satu, yang kedua, dua. Dan seterusnya tiada sidang editornya, redaksinya, sidang redaksinya tiada, dan juga tidak dinyatakan siapa penerbitnya, tak ada, penerbit pun tak ada, kalau cakap ini surat khabar ayah pin kerajaan langit tak boleh juga, sebab ini dihantar kepada manusia, kalau langit kena langit sahaja. Ini sampai ke rumah-rumah, dia punya dana yang besar, punya duit yang besar, Kerajaan Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk nak sebar maklumat kepada rakyat, ini kerajaan punya tanggungjawab, tetapi yang ini tak tahu siapa, nanti saya akan bagi tahun siapa ni, siapa ini, siapa punya kerja

YB TUAN LAU WENG SAN : Nak minta penjelasan

YB TUAN NG SUEE LIM : minta penjelasan, okey, okey

YB TUAN LAU WENG SAN : Adakah mungkin ia jatuh dari langit ya, jatuh dari langit ya

YB TUAN NG SUEE LIM : Ha... itu satu kemungkinan berlaku, nanti saya akan tanya ahli-ahli nujum yang arif, ahli-ahli sihir boleh jawab, boleh jawab ye. Sebelum saya teruskan Puan Speaker

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Puan Speaker mohon penjelasan

YB TUAN NG SUEE LIM : Oh Sijangkang *nang buri, wong jowo* ke

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya daripada belakang nampak muka surat belakang itu ada lambang 1 Malaysia, apa kaitannya ni

YB TUAN NG SUEE LIM : Oh itu, kemudian saya jawab ye, sabar, sabar, jauh sangat, pelan-pelan sikit, ada masa sikit, saya nak berikan penjelasan terperinci. Sebentar tadi saya dengan Sementa, dia garang sikit, tadi pagi dia garang sikit, dia garang dengan Yang Berhormat Gombak Setia, ada dendam kesumat sikit. Dia tanya ada sekolah kita jemput, Sekolah Rendah Agama jemput, tetapi kita batalkan dua tiga hari dan Yang Berhormat Gombak minta bagi surat. Saya nak tanya Yang Berhormat Gombak ada bagi surat tak, surat

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Surat jemputan

YB TUAN NG SUEE LIM : Surat jemputan

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Tapi surat yang melarang dia datang tak ada..

YB TUAN NG SUEE LIM : Oh tak ada ye. Ha... itu lain cakap lain pula, tak apalah biarlah, cuma saya nak slot sedikit tentang nak tahu perkembangan terkini, apa Sementa ni garang sangat, okey. Puan Timbalan Speaker, kenapa satu surat khabar boleh tak ada pencetak, alamat pencetak pun tak ada, sidang editor pun tak ada, ini siapa yang buat ini. Kalau saya tuduh UMNO, Barisan Nasional tentu YB Kuang melenting, melenting, dia marah, 'hoi... jangan kita mahu saman kerajaan kalau tuduh-tuduh ini'. Tetapi saya diberitahu, maklumat saya yang sah YB Kuang dia masukkan risalah-risalah. Risalah-risalah Kuang, ADUN Kuang ke dalam Selangor Terkini, Selangor Terkini di Kuang tersebar seluruh Kuang, ada kaitan maksudnya ye, ada kaitanlah ya atau itu satu kebetulan tak ada orang yang tahu, malaikat yang tahu, malaikatlah dengan izin okey, tak apa. Seterusnya, seterusnya saya nak teruskan dan orang kampung keliru dengan perkara ini dan tetapi ramai orang kampung beritahu saya mereka tahu siapa mereka yang buat, siapa orang kampung dah tahu dah, jangan tak jadi, jangan tak mengaku, orang kampung tahu siapa dalang yang sebenar yang melakukan kerja ini. Tapi saya tahulah ada puak-puak tertentu dan suka buat kerja apa tau, sorok-sorok, *wong jowo ngomong nyorok-nyorok* dengan izin, baling batu sembunyi tangan, tak tahu siapa pula, ha.. dia tak nak mengaku. Ini yang kita selalu di dalam Dewan ini kita kena cari kebenaran, cari kebenaran siapa yang melakukan kerja ini, jangan kita cuba nak beralih, berbelit macam lidah biawak, jangan ye.

Dalam Dewan yang mulia saya ingin tunjukkan surat khabar ini, ini edisi yang saya tengok edisi, edisi yang ketiga Puan Speaker, Puan Timbalan Speaker, edisi yang ketiga tulisnya apa, tulis apa, hai.. yo.. tulisnya tengok, sakit hati tengok, MB derhaka, Menteri Besar kita derhaka, sejak bila, itu satu. Yang kedua, muka yang dipaparkan gambar MB ini tak *handsome* pun, muka yang paling tak senonoh dia taruk, muka tak *handsome* dia taruk, sedangkan Menteri Besar kita *handsome*, dah naik gaji takkan tak *handsome*, terus *handsome* lah, memang dia *handsome*, ganteng, tetapi dibagi gambar yang tak *handsome* lah, Masya-Allah, nak bagi bagilah yang elok sikit, ini satu Sungai Pelek, Sungai Pelek pun tahu apa, tak guna betul, ini satu. Yang keduanya, saya nampak dalam surat khabar ini Ketua Pembangkang *handsome* pula, Yang

Berhormat, Yang Berhormat Seri Serdang *handsome* muka dia, itu nombor satu. Yang kedua, Sungai Burong dengan burungnya pun ada, Sungai Burong dengan burung, burung, Sungai Burong, Masya-Allah ada Sungai Burong dengan Ismail Kijo kawasan saya dulu, kawasan Lembah Jaya, dulu-dulu *bien* ada juga cari lagi, cari lagi, surat khabar ini, nak kena bagi tahu rakyat ini penting, ha... siapa lagi Menteri samseng Noh Omar pun ada dan dia di *interview*, *interview*, 3 minit bersama Noh Omar, laa.... siapa Noh Omar ini kalau tak silap saya dia Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Selangor, *interview* 3 minit, 3 minit. Ha.... tunggu, tunggu, banyak lagi, sampai belakang, ha... Yang Berhormat Sijangkang nak tahu, *burino sopo nang buri, nang buri kie dhelok raine, ha... ngomong jowo sidtiklah*, tengok muka ini, ini.....ini... mimpi ngeri takut muka jingga, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin. Ha.... ini satu, bawah lagi Noh Omar, tiga, empat Noh Omar dan yang paling Selangor Terkini ni, ada lambang, Satu Malaysia, satu monggolia ada, ha.. lambang ini yang Sungai Pelek cukup suka, cinta, serasi, dulu, kini dan selamanya, ha... ini Sungai Pelek ini okey. Jadi saya pun tak tahu kenapa ini

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Minta penjelasan, minta penjelasan daripada Sekinchan, bukankah Kerajaan Pakatan Rakyat mendukung kebebasan bersuara dan menulis. Jadi apa salahnya kalau dia nak buat macam itu.

YB TUAN NG SUEE LIM : Itu tak salah tetapi format yang dia gunakan bercanggah. Satu; tak ada penerbit, tak ada sidang editor, tak ada alamat. Kalau kita sebagai satu parti yang bertanggungjawab, pernah jadi kerajaan 50 tahun, Selangor 50 tahun, sekarang Pusat masih jadi kerajaan, tapi tak lama dah, bertanggungjawab macam itu, buat kerja jangan sorok-sorok, apa nak malu, buatlah, boleh buat taruk dacing satu, sebar kita tak ada masalah, tetapi dengan cara yang betul bukan dengan cara *colong-colong, nyolong-nyolong wong jowo ngomong* curi-curi buat, *opolah kerjoni kue*. Malulah, saya malulah, kalau orang kampung tanya pun saya malu, kenapalah sampai ke tahap ini standardnya, bertaubatlah, bertaubat

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Penjelasan, penjelasan

YB TUAN NG SUEE LIM : Istighfar, istighfar kepada tuhan jangan buat kerja macam ini

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Sekinchan, adakah bermakna BN ini *maling*

YB TUAN NG SUEE LIM : Itu dengan erti kata lainlah, kalau Yang Berhormat Hulu Kelang setuju dia *maling*, dia *malinglah*. Ha... *maling* kalau dalam, dalam bahasa yang kita boleh faham pencuri, *nyolong, nyolong wahei ngopo, embohlah kerjone*. Ha.... itu yang masalah, saya tak ada masalah, kita nak bertaruh pada Pakatan Rakyat dengan Barisan Nasional tak ada masalah, pertandingan secara ilmiah, intelektual, *yok* adakan forum seperti Yang Berhormat daripada Seri Setia, kita adakan forum adakan satu Pengerusi secara bebas, wakil pembangkang, wakil kerajaan. Kita bahas secara ilmiah, itu okey tak ada masalah, kalau surat khabar nak rebut secara ilmiah, tetapi ini gunakan

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sekinchan,

YB TUAN NG SUEE LIM : *low standard, very-very low standard* dengan izin.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Boleh mencelah Puan Pengerusi, boleh saya mahu mencelah. Terima kasih Sekinchan, fasal kita tak ramai ni tak apalah bolehlah bagi kita peluang lebih. Terima kasih Sekinchan. Saya nak bertanya Sekinchanlah, saya pun ada baca jugalah Selangor Kini ni pun baca, banyak perkara-perkara yang tak betul, tohmahan dibuat daripada Kerajaan Persekutuan, akhbar ini diguna untuk menyerang individu, peribadi menteri-menteri dan sebagainya. Saya percaya surat khabar ini juga surat khabar propaganda. Hari itu

ada satu tajuk bertajuk 'Menteri Tipu Rakyat', tajuknya memang *very catchy* lah dengan izin dan memang itu serangan-serangan tetapi saya nak tanya kenapa. Soalan saya kepada Sekinchan kenapa di tempat saya, di kampung saya di masjid di kampung saya sendiri surat khabar ini diletak di dalam masjid. Saya nak tanya arahan daripada Majlis Agama Islam Negeri Selangor ada sebut dah, apa juga risalah berupa fitnah serangan peribadi, tohmahan dan sebagainya kenapa diletakkan masjid sebagai tempat. Jadi saya nak minta pendapat Sekinchan, jadi ini bukan tempat yang betul diletakkan, edarlah di tempat-tempat lain.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, rakan saya, kawan saya daripada Permatang ye, walaupun dia tak matang saya pun kena jawablah ni, kawan lama ni, yang penting saya nak bagi tahu soal mengeluarkan berita fitnah ke, tak betul ke tidak mengikut fakta tetapi kita ni dikeluarkan, Selangor Kini ni dikeluarkan ada sidang editor, tahu siapa yang keluaran. Kalau betul dalam fakta itu tak betul pihak daripada pembangkang boleh mengemukakan tindakan mahkamah, saman surat khabar ini, saman siapa yang cakap itu sebab ada sidang penerbitnya dan editornya. Berlainan pula dengan Selangor Yang Terkini yang ada lambang ni satu, satu ha... dia tak ada penerbitnya, kita nak saman siapa

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sekinchan, isunya bukan bahan, bahan satu, yang kedua diedarkan dalam masjid itu isunya

YB TUAN NG SUEE LIM : Itu saya akan jawab satu persatu. Dua isu, okey-okey Permatang

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Itu Tanjung Karang

YB TUAN NG SUEE LIM : Dua isu yang ditimbulkan, saya akan jawab tak ada masalah, saya tak akan lari dari fakta ini, saya akan jawab. Maksudnya kita ada tempat tahu siapa, kalau kita tahu anak *sopo seng gawe kerjone nyolong, nyolong barang-barange wong, anak sopo anake wak*

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan saya minta menggunakan bahasa Malaysia

YB TUAN NG SUEE LIM : oh ye.. ye.. minta maaf dengan izin *anake Wak Jono* daripada Hulu Klang yang curi barang, kita tahu anak Wak Jono yang curi tu anak Wak Jono, boleh buat laporan polis. Ini tidak, alamat tak ada, penerbit tak ada, pencetak tak ada, kalau dimaki kita nak cari siapa, *golei sopo*, nak cari siapa, nak cari siapa, tak ada itu yang menjadi masalah. Yang keduanya soal Selangor Kini diletakkan di masjid dia tak ada masalah, sebab apa masjid ini adalah satu daripada Kerajaan Negeri Selangor, ini bahan yang sah yang diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor, kita letak orang nak baca, bacalah ini benda bukan nak maki hamun, tidak ada benda. Jadi ini yang saya kena jawab.

Okey yang seterusnya, saya kena sambung. Persoalannya kenapa pihak polis membiarkan surat khabar haram ini terus bermaharajalela dan diedarkan ke seluruh Negeri Selangor tanpa ada sembarangan halangan, sedangkan pihak pejabat Menteri Besar yang telah saya maklum, membuat laporan polis pada 17 hari bulan Satu 2001, hari Isnin jam 12.08 minit tengah hari di Balai Polis Seksyen 11, Shah Alam, ha... 2011, Seksyen 11, Shah Alam. Kalau nak kiralah daripada tarikh buat laporan polis ini sampai hari 2 bulan 12 hari, sampai hari ini 2 bulan 12 hari tetapi polis tunggu apa lagi tak ada tindakan, nak tunggu arahan mana dari atas, atas tu ayah pin, ha... ini satu masalah. Jadi Kementerian Dalam Negeri kena arahkan kena siasat, kena adil untuk semua, jangan kalau Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat buat aduan lambat macam kura-kura. Kalau pihak Barisan Nasional buat aduan polis bertindak malam tu juga, malam itu, malam itu, ha... ini yang saya marah. Saya tak kisah, nak buat laporan polis ke, macam-

macam, SPRM ke tak ada masalah, macam kes saya pukul di Sawah Sempadan laporan polis dibuat, 4 bulan dah, 4 bulan lebih dah, percakapan 20 orang sudah buat tak ada pun tindakan, gambar dah bagi. Ha.... ini yang jadi masalah dan seterusnya. Sehubungan itu kenapa rakyat jelata sehingga kini masih tidak yakin dan hilang kepercayaan terhadap Polis Diraja Malaysia jawapannya ialah sikap *double standard* yang diamalkan, sebagai contoh yang tadi tu saya dah bagi tahu. Dan seterusnya saya nak bagi tahu juga dan nak cabar kawan-kawan daripada Barisan Nasional, UMNO siapa punya kerjalah, sampai sekarang saya cakap, sampai tahap ini saya minta yang sebar kan fitnah-fitnah ini, bagaikan, bak kata orang penyebar, kerja-kerja penyebar fitnah ini budaya fitnah dia bagaikan macam *dariaksi*, fitnah ini bagaikan bahaya dari ledakan nuklear. Fitnah tak di tempat kita nak saman, ini yang masalahnya, jadi saya mintalah minta pihak polis siasat, ambil tindakan, siasat ambil tindakan KDN pun begitu. Sebab UMNO dah ada surat khabar. Kalau UMNO dah buat keluar surat khabar sendiri, Utusan Malaysia ke, Berita Harian ke tak ada masalah. Tapi kenapa tak siasat siapa yang buat? Dan sekarang satu dunia dah tahu siapa yang terlibat di belakang. Terlibat di belakang. Siapa? Sungai Pelek boleh nafikan ini siapa? Tak ada kaitan dengan UMNO, Barisan Nasional? Jawapannya Y.B. Sijangkang, tahu siapa yang buat? Tahu? Tentu sudah tahu. Saya nak bagi tahu UMNO tolong janganlah buat kerja macam itu. Kalau nak buat, buat secara sah. Ada alamat dan sebagainya. Jangan tiru format pun sama, logo pun sama. Semua lebih kurang 98 *percent* sama. Ini yang jadi masalah.

Oleh yang demikian, saya mintalah dewan yang mulia ini kita luluskan usul ini untuk desak supaya polis siasat kerja-kerja yang tidak bertamadun, yang tidak beretika, yang ketinggalan zaman ini. Di harus kerja-kerja keji ini, berhenti politik kotor ini. Kita amalkan politik sihat di negeri Selangor dan sekian saja saya mohon usul ini disokong, mencadangkan usul ini. Sekian.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, silakan Meru.

YB TUAN DR. ABD RANI BIN : OSMAN Terima kasih Timbalan Speaker. Meru ingin menyokong usul yang dibawa oleh Sekinchan. Meru tidak berasa hairan sekiranya masih lagi terdapat pengkhianat-pengkhianat menggunakan logo kerajaan Selangor dan menerbitkan akhbar 'Selangor Terkini' untuk mengaburi mata rakyat dan mengelirukan fakta-fakta. Kerana akhbar ataupun media-media perdana milik mereka sendiri sebenarnya dewasa ini tidak lagi mendapat di hati rakyat. Apa yang Meru katakan bukanlah tuduhan melulu ataupun *hearsay* tanpa bukti yang sahih, tetapi berlandaskan *facts* dan *figures* (dengan izin).

Kita tengok laporan A, B, C. Satu laporan audit Biro of *Circulation* daripada tahun 2005 sehingga 2009, akhbar The Star yang asalnya 310,000 edarannya telah turun kepada 287,000 (maksudnya turun 7.4 peratus). Akhbar New Straits Times 139,000 turun ke 111,000 (penurunan sebanyak 20 peratus). Utusan Malaysia 213,000 turun ke 199,000 (penurunan sebanyak 21 peratus) dan Berita Harian 204,000 turun ke 155,000 (*minus* iaitu turun 24 peratus). Perbezaan 'Selangor Kini' dan 'Selangor Terkini' saya ingin betulkan sedikitlah apa yang disebut oleh Sekinchan tadi. Sebenarnya dua-dua ('Selangor Kini' dan 'Selangor Terkini') pertamanya tidak dinyatakan siapa pencetaknya. Yang kedua, tidak mempunyai tanda kelulusan KDN. Dua-dua tak ada. Ni tengok balik. Tetapi 'Selangor Kini' dinyatakan yang ianya diterbitkan oleh kerajaan negeri Selangor dan yang keduanya seperti mana yang dikata Sekinchan tadi mempunyai senarai nama sidang redaksi pengarangnya. Tetapi 'Selangor Terkini' tidak dinyatakan siapa penerbitnya. Langsung tidak dinyatakan senarai nama sidang redaksi pengarangnya. Ini bermakna 'Selangor Terkini' sebenarnya dicetak, di terbit dan disebar oleh golongan yang langsung tidak bertanggungjawab. Pepatah Melayu (saya ulang balik apa yang disebut oleh Y.B. Sekinchan tadi) melabelkan orang ini sebagai orang yang baling batu sembunyi tangan. Sebenarnya penerbitan dan sebaran 'Selangor Terkini' adalah sebahagian daripada serangan -

serangan kotor dan agresif pelbagai penjuru yang dibuat oleh pihak tertentu bagi merampas balik negeri Selangor dari Pakatan Rakyat. Perbuatan jijik dan kotor ini adalah didorong oleh hawa nafsu mereka yang rakus dan jahat yang sebenarnya telah dikuasai oleh syaitan. Mereka akan menggunakan apa saja kekuatan, apa saja senjata dan apa saja cara melalui berbagai-bagai arah dan sudut (dengan izin) *directions* untuk memfitnah, melemparkan tuduhan palsu, melakonkan aksi tak bermaruah, membiayai demonstrasi jalanan, bersumpah macam sumpah-sumpah dan melondehkan pakaian dalam video bagi menyerang kumpulan yang memperjuangkan kebenaran dan keadilan sejagat. Allah S.W.T. mengingatkan kita tentang sifat syaitan laknatullah di dalam Surah Al-A'raf (surah ke-7, ayat 16 hingga 17). Firman Allah S.W.T. (dengan izin) "*gola fa bi ma ahwai tani la ha ujan lahum sirotokal mustakim. Summa la atian lahum mim baini aidihim wa min hol fi him via man an aimanihim wa an shams ilhim wela tajidul aksarahum syakirin*" - "berkatalah si iblis" (untuk pengetahuan Sijangkang, iblis inilah ketua syaitan). Dia berkata "kerana engkau Ya Allah telah menghukum aku sesat, aku benar-benar akan menghalang manusia dari jalan mu yang lurus. Kemudian, pasti aku akan mendatangi mereka, menyerang mereka dad pelbagai sudut dan arah (dad arah hadapan, clan arah belakang, dari arah kanan dan dari arah kiri). Dan engkau Ya Allah, tidak akan mendapati kebanyakan mereka itu bersyukur kepada kamu". Dari ayat ini jelas bahawa modus operandi syaitan inilah yang menjadi pegangan mereka-mereka yang menentang keadilan, kebenaran dan jalan yang lurus dari dulu, kini dan selama-lamanya. Dari membiayai up co dengan cara yang lebih profesional kemudian berpindah kepada bekas anggota PKR dengan serangan mereka. Kemudian berpindah pula dengan pelbagai NGO tajaan mereka dengan demonstrasi jalanan mereka, kemudian berpindah pula kepada penggunaan video lucah yang tidak bermoral dan penggunaan logo kerajaan negeri tanpa perasaan tanggungjawab.

Begitulah serangan demi serangan dan tuduhan demi tuduhan yang dirancang oleh pihak-pihak yang tidak bermoral dan berakhlak ini terhadap pembawa kebenaran dan keadilan. Cuma mereka lupa bahawa bukan mereka sahaja yang merancang tetapi Allah juga merancang. Dan yakinlah perancangan Allah itu mampu mengatasi dan membalas seluruh rancangan-rancangan mereka yang berdosa ini. Ini disebut di dalam Al-Quranul Karim dalam surah Al-Imran. Allah mengatakan (dengan izin) "*wa ma ka ru wa ma karallah. Wallahu khainin makirin.*" - "mereka membuat rancangan tipu daya dan Allah juga merancang membalas tipu daya mereka itu. Dan Allah sebaik-baik pembalas tipu daya." Meru hanya mengingatkan semua ahli-ahli yang berhormat yang beragama Islam tak kira dari parti mana, terpulanglah kepada *antum* atau ahli-ahli yang berhormat untuk menerima teguran dan peringatan ini atau menolaknya. Allah juga tidak memaksa hamba-hambanya. Allah berfirman dalam surah Al-Kahfi (surah ke-18, ayat 29) "*wa kul hakku ni rabbikum fa man syaa afal yukmin wa man syaa afal yakfur ila akhir aayah*" - "Dan katakanlah kebenaran itu datangnya dad Tuhan kamu. Maka siapa yang ingin beriman, hendaklah is beriman. Dan barang siapa ingin menolaknya, silalah menolaknya (kata Allah). Sesungguhnya kami telah menyediakan bagi orang-orang zalim itu neraka jahanam yang gejolaknya mengepung mereka. Dan jika mereka meminta minuman, nescaya mereka akan diberi minum dengan air seperti besi panas yang mendidih, yang menghanguskan muka-muka mereka. Itulah minuman yang paling buruk dan tempat yang paling jelik." Saya nak sentuh sikit apa yang disebut oleh Permatang tentang masjid. Inilah satu penyakit yang disebut oleh Dr. Yusof Qardawi dalam '*di la mu'tamul muassasah al-kutch*'. Orang-orang Islam ini dia mengingatkan bahawa dia punya ibadat itu hanya khusus itu Baja. Inilah kesilapan besar orang Islam. Dia ingatkan masa dia sembahyang saja. Lepas sembahyang to seolah-olah sembahyang tidak ada peranan dalam kehidupannya. Dia berpuasa. Masa berpuasa dia baik, tak menipu tak apa, tapi lepas bulan Ramadan dia mula ulang balik apa yang dilarang oleh Allah SWT. Saya cukup sokong apa yang Permatang sebut bahawa saya pun tidak bersetuju dengan politik di dalam masjid. Kalau-kalau ada dari Pakatan Rakyat menyebut PAS, UMNO dalam masjid, sayalah orang yang pertama. Dr. Hasan Ali pun tidak setuju dengan perkara ini.

Tapi kita kena ingat bahawa fiqh siasah itu ada . Saya pergi ke Sudan , Jordan , Syria jumpa ramai anak-anak Selangor ini daripada Sabak Bemam, apa semua belajar di sana. Kalau kita bawa mereka untuk berceramah dalam masjid, betul. Dia akan buka buku tentang *fiqh muamalat*. *Fiqh muamalat* ini fiqh menceritakan tentang jual beli. Yes, *after that* (dengan izin) dia akan buka fiqh *dakwah*. Dia akan cerita fiqh tentang dakwah. Akhirnya, dia akan jumpa *fiqh siasah*. *Fiqh siasah* inilah fiqh yang menceritakan tentang politik.

Sebab itu saya nak bagi tahu kalau ada masih lagi daripada orang Islam ini yang masih mengatakan politik itu tidak ada dalam Islam ataupun mengatakan soal politik ni Islam tak ada kena mengena, saya nak bagi tahu ini bercanggah dengan ayat Al-Quranul Karim dalam surah Al-Maidah (ayat yang ke-3), Allah mengatakan bahawa "*al yauma akmal tum la kum di na kum we at man alaika nikmati wa rodi to lakumul Islam madinah*" - "pada hal ini (kata Allah) *telah ku sempurnakan untuk kamu agama mu dan telah aku cukupkan kepada mu nikmat ku, dan aku telah reda Islam itu jadi agama bagi mu. Maka barang siapa terpaksa kerana kealpaan meninggalkan dengan sengaja berbuat dosa, sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.*" Orang yang mengatakan ilmu perubatan tak ada dalam Quran , kena bertaubat balik. Orang yang mengatakan ilmu matematik tak ada dalam Quran, kena bertaubat balik. Sama juga orang mengatakan *ilmu siasah* ataupun politik tidak ada dalam al-Quran , kena tengok balik. Sebagai penutup, saya ingin mengatakan betul mereka yang membuat kerja ini

walaupun tak tulis siapa penerbit, apa semua, sidang, mereka ingat mereka boleh melarikan dia daripada benda ini? Betul manusia tak tahu. Sekinchan pun dengan bukti-bukti yang ada pun kita tak tahu siapa yang sebenar walaupun semua itu menuju ke arah UMNO dan Barisan Nasional . Tapi saya nak ingatkan balik salah satu nasihat Luqman Hakim kepada anaknya. Ape katanya? Tuan-tuan boleh buka surah Luqman (surah ke-31, ayat 16). Kate Luqman "*Ya bunaiie innaha in taqu mis ko la habbatin min hoddalin fa to kum ifs sohrotin au fis same' au fl aryl ya'ti bi hallah innallah he latifun hobir*" - "*wahai anakku , sesungguhnya jika ada sesuatu perbuatan seberat biji sawi dan berada kamu campak ke dalam batu atau di langit, atau di dalam bumi, hari akhirat esok insya-Allahlah Allah akan mendatangkannya semula untuk membalasnya. Sesungguhnya Allah Maha Halus lagi Maha Mengetahui.*" Dengan ini saga menyokong usul yang di bawa oleh Sekinchan.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Timbalan Speaker, Bangi.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Bangi

.YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Bangi berdiri untuk menyokong Sekinchan supaya kita menyiasat, mendesak pihak polis menyiasat tentang pengeluaran 'Selangor Terkini' yang menduplikasikan secara haram tentang akhbar 'Selangor Kini'. Sebenarnya Bangi berpendapat ini adalah merupakan antara cara-cara pihak musuh kita menentang kita dengan berbagai-bagai kaedah. Antaranya mengeluarkan akhbar hantu sepertinya. Akhbar hantu seperti ini sebenarnya bukan ini kali pertama. Kita masih ingat semasa kita memenangi sebahagian daripada kerusi dewan negeri Selangor ini pada tahun 1999 hingga 2004. Usaha seperti ini pernah dilakukan umpamanya pada peringkat awal mereka telah menggunakan nama 'harakah' betul dikeluarkan penerbitan 'harakah' tetapi bukan dari 'harakah'. Jadi ertinya mereka mengelirukan mengeluarkan 'harakah' dengan versi isi kandungan yang lain. Tokoh yang paling utama masa itu yang dikeluarkan Selangor ialah Y.B. Sungai Burong masa itulah (Gombak Setia sekarang). Kemudian mereka menukarkan kepada judul 'marahkah'. Dia tukar jadi 'marahkah'. Dan juga ni banyak juga keluaran. Saya terbayang-bayanglah unsur-unsur fitnah terhadap Sungai Burong pada masa itu. Antaranya dia kata kahwin dua (dia kata), dia tunjuk gambar dan sebagainya. Tak tahulah betul atau tidak tapi tak betul hingga sekarang agaknya. Tak tahulah. Jadi itu satu cara yang mereka lakukan

penyerangan terhadap kita selain daripada mereka mengawal akhbar-akhbar dan berita berpihak ke satu pihak saja. Manakala kita selalu ertinya dianggap sebagai musuh dan tidak diberi ruang ataupun laporan yang sepatutnya tentang kegiatan-kegiatan kita.

Jadi, ini sebenarnya bukan saja politik kotor, fitnah tetapi bercanggah dengan etika media dan juga dari segi etika kewartawanan, integriti kewartawanan dan laporan tentang berita-berita . Kalau kita lihat usaha mereka menyerang kita sebenarnya sedar atau tidak memang berterusan. Kita beli akhbar harian, akhbar-akhbar perdana yang paling utama (empat lima akhbar itu), umpamanya daripada Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu, STAR, NST bahkan akhbar-akhbar yang kecil-kecil pun. Mereka menguasai dari segi kandungan dan juga arah dari segi menyerang kita baik secara langsung atau tidak langsung. Kalau kita lihat juga ertinya bukan setakat akhbar-akhbar sahaja yang mereka kuasai dari segi pemberitaan yang meletakkan kita ertinya sebagai musuh yang terus menerus diserang tetapi mereka menguasai juga media elektronik memang sepenuhnya di bawah mereka dan ini juga digunakan untuk menyerang kita bukan setakat akhbar cetakan sahaja. Kalau kita tengok TV1, memang teruklah selalu beritanya menyerang kita bersifat satu pihak. TV2, TV3 dan sebagainya. Cuma kita apabila kalau kita tak nak baca tak boleh juga akhbar-akhbar ni kita tak tahu apa yang dia kata tentang kita. Berita kadang-kadang pun kita kena tengok juga TV dan sebagainya untuk menilai apa mereka kata kepada kita. Tapi kita jangan terpengaruh dengan apa yang diberitakan terutama berhubung dengan kitalah. Berita-berita umpamanya fitnah-fitnah dan sebagainya. Bahkan kalau kita lihat laporan Parlimen, kadang-kadang kita muak tetapi kita nak dengar laporan Parlimen, berita-berita tentang laporan tu di beritakan tetapi lawan kita, kita sebagai pembangkang di Parlimen tidak difokuskan, jadi diberi berita sebelah pihak. Jadi macam mana kita nak tahu tentang keseimbangan dari segi maklumat yang apa ni betul-betul berlaku di Parlimen itu kerana yang dipaparkan kepada kita satu pihak sahaja. Jadi itu adalah merupakan usaha walaupun sepatutnya Parlimen tempat yang bebas dibuka secara bebas bahkan sepatutnya disiarkan secara langsung baru kita dapat menilai betul-betul apa ni berita itu benar sebagaimana yang kita siar sekarang ini kita kan sedang disiarkan secara langsung. Sepatutnya sedemikian. Tetapi pihak Kerajaan Pusat tidak berani untuk menyiarkan secara langsung perjalanan Parlimen yang bersidang berterusan. Jadi ni menunjukkan mereka sebenarnya tidak terbuka, tidak kita kata demokratik dari segi menyampaikan maklumat kepada rakyat. So ertinya kita berharap sepatutnya benda ini diberi maklumat kepada rakyat secara langsung dan secara betul. So ini adalah merupakan eksploitasi media-media secara tak sihat bukan sahaja setakat sekak bahkan fitnah. Macam kalau kita tengok maklumat mutakhir fitnah yang berlaku yang berhubung dengan pemimpin-pemimpin Pakatan kita. Saya telah sebut dulu kita merasa malu, malu ke dirilah kata orang mengapa negara kita ini sampai 20 tahun soal fitnah berterusan. Kita dimabukkan dengan persoalan fitnah tak ada kerja lain ke, banyak kerja yang patut kita lakukan bukan kita dimabukkan dengan persoalan fitnah. Jadi ini memalukan kita kepada dunia luar berterusan dengan soal fitnah satu demi satu, satu demi satu. Saya telah sebutkan soal fitnah dua tiga kali yang besar-besar ni macam budak gembala kambing. Yang apa ni kali pertama dia duduk-duduk, dia puas ertinya jemu dia war-warkan dia kata kambingnya ditangkap harimau untuk tarik orang pergi kat dia. Jadi bila dia panggil kambing dia ditangkap harimau, orang percayalah pada peringkat permulaan, pergi ramai-ramai nak tolong, dia pun ketawa ertinya tak ada sebenarnya dia tak tangkap kambing. Kali kedua dia buat juga, kali kedua ada setengah pergi dengan marah. Kali ketiga orang tak layan dan marah dia. Keadaan fitnah yang berlaku di negara kita ni seolah-olah macam tulah. Sekarang dah sampai dua, tiga kali kita dah muak lebih daripada muak nak muntah. Dah hilang kepercayaan kerana seolah-olah kita ni dianggap orang bodoh, beberapa kali diberi "trend" maklumat yang sama sedemikian. So kalau kita lihat sikap media atau penguasaan kerajaan terhadap media di negeri kita dengan berpihak dengan mengawal dan menyekat sebenarnya ini merosakkan imej negara kita dari segi kebebasan media, sebagaimana kita luluskan tadi untuk

kebebasan media sebenarnya apa yang berlaku di negara kita bercanggah dengan usaha kita supaya dibebaskan media kita. Sebab itu kita lihat dalam apa ni susunan kebebasan media di dunia ni ada 10 buah negara yang dianggap benar-benar anti media sekat dan sebagainya dan ada 15 negara dalam perhatian penilaian apa ni kebebasan media termasuklah Malaysia antara 15 buah negara. Jadi ertinya dalam 25 buah negara, Malaysia adalah dianggap sebuah negara yang tidak bebas yang dicurigai sebagaimana kita curiga juga dalam media-media yang di negara kita juga. Sebab itu kita berharaplah kita mahu melihat perkembangan media secara sihat, kita mahu ertinya nama negara kita terkenal dengan kebebasan media dengan potensitinya orang boleh percaya kalau kita bercakap jangan kita dianggap sebagai budak gembala kambing yang tidak boleh lagi dipercayai. Jadi untuk memulihkan kedudukan kita setelah kita tidak dipercayai, ini satu yang sukar dan ini sebenarnya benda ni tentang kebebasan media di negara kita juga dari segi tidak bebasnya kerana dia menggunakan untuk apa ni kita kata kempen satu pihak bahkan kadang-kadang mengandungi maklumat-maklumat yang tidak betul. Dari segi kedudukan benda ni tak bebasnya "*freedom house of media Malaysia*" telah menyusun tentang negara-negara bebas kebebasan dari segi media dan yang tak bebas. Kalau kita lihat negara kita berada pada kedudukan yang corak daripada lebih kurang 200 buah Negara ya.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Bangi saya minta ringkaskan kerana kita

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Ya. Sikit lagi. Dari 22 buah negara itu kita tengok yang teratas dari segi kebebasan ialah Finland yang pertama, yang kedua Aceland, tiga Norway, empat Sweden, lima Denmark, enam Belgium, tujuh Lazernburg, langkah US 25, UK 29, langkah lagi Malaysia 142 daripada 200 buah negara. Jadi Sekinchan, itulah kedudukan benda ni Malaysia apa ni dari segi kedudukan media. Tak hairanlah dia keluar apa ni benda ni terkini, Marakah dan ingat macam-macam lagilah dia akan keluar. Makin dekat pilihanraya makin banyaklah fitnah akhbar hantu, jembalang ke dia akan dikeluarkan. Kita perlu ambil perhatian dan ingat-ingat kita jangan terpengaruh dengan unsur-unsur media sedemikian sebab itu saya sokonglah kita kutuk pengeluaran Selangor Terkini dan tidak bertanggungjawab dan tidak menurut etika kewartawanan. Sekian. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian oleh kerana urusan Dewan ini masih panjang, maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan YAB Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

"Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan sehingga selesai semua urusan mesyuarat pada hari ini"

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Puan Speaker, saya menyokong.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong, saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ia. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Usul ini dipersetujui. Perbahasan disambung jika ada. Silakan Permatang.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Puan Timbalan Speaker

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya mohon hadkan perbahasan, jangan meleret.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Pendek saja pengerusi, Insya-Allah. Terima kasih Puan Timbalan Speaker, saya sebelum membuat ucapan ini ingin saya nak respons ada 2, 3. Pertama daripada Meru, terima kasihlah beri tazkirah kepada kita dan saya hargailah memang banyak perkara-perkara yang betul yang benar Insya-Allah bersama kita ambil iktibar. Yang saya bangkitkan tadi ialah mengenai tohmahan itu yang dilempar dalam masjid. Bukan semua Surat Khabar Selangor Kini itu beritanya betul. Banyak perkara-perkara yang memfitnah yang berat sebelah yang menuduh dan sebagainya diletak di masjid itu, letak buku agama, letak Quran, letak apa juga bahan-bahan agama tak ada halangan kita sama-sama baca, tak apa. Ini isunya itu isunya kan, saya tidak ada sebut. Yang kedua mengenai video yang Meru sebut. Video ini pun saya pun hairan. Sekarang ini menjadi satu isu yang besar. Video ini yang orang perkatakan dan kenapa orang sibuk

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Permatang perlu diingatkan ini perbincangan untuk usul isu yang dibawakan tentang akhbar ciplak Selangor Terkini. Bukan untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Ya ...

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya respons, ok, terima kasih. Jadi yang ditimbulkan ialah orang yang mengedarkan bukan orang yang melakukan. Dan yang ketiga saya setuju dengan Sekinchan, yang ini saya setuju, ada juga beberapa kes-kes yang laporan begitu lewat ada yang lewat termasuk barangkali yang saya ingat Selangor Kini di bawah laporan mungkin di dalam siasatan pihak Polis dan kita nak kata Polis tak adil tak buat siasatan sebagainya kita tunggulah apa siasatannya termasuk juga kes yang melibatkan Sekinchan sendiri, saya pun tak tahu juga. Dulu ada langgar orang dah hampir setahun lebih, tapi tak tahu ceritanya Polis siasat ke tidak. Orang yang kena langgar tu apa jadinya dah keluar hospital ke belum. Itu pun satu hal juga. Jadi Puan Speaker, berhubung usul yang dibawa oleh Sekinchan ini saya ingin mengambil perbincangan ini bukan bermaksud kita Barisan Nasional ini berada di pihak yang salah seperti dakwaan pihak Sekinchan. Saya nak nyatakan di sini bahawa sebenarnya kita pun tak tahu, kita tak pasti siapa sebenarnya pihak yang bertanggungjawab dalam menerbitkan Selangor Terkini. Jadi soalan ini kita bawa usul ini kita tak ada asas yang kuat dari segi undang-undang. Saya nak sebut pasal Sekinchan tadi mengenai usul ciplak itu awal disebut. Perkataan menciplak yang saya faham bermaksud ciplak ini meniru atau mengutip hak kepunyaan orang lain. Itulah istilah yang tepat yang boleh saya bagi. Jika Selangor Terkini dikatakan menciplak daripada penerbitan Kerajaan Negeri Selangor Kini maka pada saya ia tidak tepat. Ia ada satu perbezaan yang jelas di antara Selangor Kini dan Selangor Terkini. Nyata sekali bahawa Selangor Terkini bunyinya lebih mutakhir Sekinchan. Lebih mutakhir lebih pantas, *update* daripada Selangor Kini. Jadi Selangor Kini ni macam dah ketinggalanlah. Nampaknya ia jadi satu perkara yang dicemburui dengan nama yang lebih canggih dan hebat. Jika berita yang dipaparkan dalam edisi Selangor Terkini dikatakan fitnah saya nak tanya juga kepada Sekinchan...

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Permatang ni nak mempertahankan Selangor Terkini ke nak bahas isu..

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya nak bahaslah ni Puan Pengerusi.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Mengikut apa yang dikemukakan ya.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Tadi Sekinchan bagi saya tanya saya balaslah. Jadi apa bezanya dengan akhbar-akhbar lain Harakah, Siasah, Detik dan sebagainya. Yang memihak kepada Pakatan pembangkang. Padahal kita semua berpegang pada prinsip hak asasi manusia, kebebasan bersuara dan ini digariskan Perlembagaan dan menjadi bahan kepada pembangkang. Saya sikit lagi Sekinchan. Sikit lagi tak apa. Ini perkara 10 dalam

Perlembagaan kita menyebut ada kebebasan bercakap, berhimpun, berpersatuan yang dijamin yang mana tiap-tiap warganegara berhak untuk kebebasan bercakap dan bersuara. Maka inilah bentuk-bentuk kebebasan bersuara yang selama ini didukung yang menjadi senjata kepada Pakatan Rakyat yang menyerang kerajaan apabila permit mereka ditarik balik dan sebagainya. Saya bagilah tak apa..

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Puan Timbalan Speaker, YB Permatang, ya kalau soal kebebasan bersuara saya setuju dalam Perlembagaan ada kebebasan bersuara tetapi dalam konteks akhbar haram ini pernah YB sekarang Ketua Menteri, Ketua Menteri Pulau Pinang sekarang, beliau mengedarkan pernah satu ketika mencetak, mencetak pun tentang kes berlaku di Melaka. Semua orang tahu ya, kononnya tanpa penerbit, tanpa penerbit salah akta cetak dan sebagainya. Beliau dihukum dua tahun dalam penjara. Masalahnya tadi dibandingkan YB bandingkan Harakah, ia Harakah memang dia akhbar daripada PAS. Memang kita tahu akhbar PAS dan ada dia PAS mengaku akhbar dari PAS. Raket dari DAP dan ada siding pengarang siapa dia, nama dia ada masalah saya mempertikaikan Y.B. Permatang kena faham kena faham ini langsung tiada...siapa pun tiada ini kena tolong jelaskan.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Sekinchan. Saya menghujah dari segi apa bahan yang Sekinchan tadi sebut, dari segi ini permit dan sebagainya sudah dibuat laporan kita tunggu siasatan polis biar siasatan ada dakwaan maka terbuktilah salah siapa yang menerbitkan tiada timbul isu yang saya hujahkan bahan kandungan yang Sekinchan timbulkan tadi ini seolah-olah fitnah yang dibuat oleh Barisan Nasional saya kata apa bezanya surat akhbar-akhbar yang dapat permit yang juga menyebabkan fitnah dakyah dan sebagainya pada sesuatu parti kepentingan parti tertentu saya tiada masalah pun. Saya teruskan mengenai lambang tadi Sekinchan tanya lambang Negeri Selangor yang menjadi alasan. Jadi itu satu ciplakkan. Bagi saya ini juga satu hak kita berpegang kepada hak kebebasan bahawa mana-mana pihak yang menaung di bawah Negeri Selangor berhak lambang ini. Macam saya sebut tadi dekat kereta hendak bubuh lambang, hendak bubuh dekat rumah bubuhlah lambang Negeri Selangor bubuhlah tiada masalah ini hak rakyat Negeri Selangor. Misalnya seperti rakyat Negeri Selangor kita salah ke kita gunakan lambang Negeri Selangor yang menunjukkan kecintaan dan kesetiaan kita pada Raja dan Negeri kita, tak salah begitu juga dengan penerbitan. Saya rasa Selangor Terkini yang saya lihat cuba menerbitkan untuk menunjukkan rasa kasih, cinta dan kesetiaan negeri itu sahaja pada saya. Dan Puan Timbalan Pengerusi Speaker kewujudan-kewujudan Selangor Terkini ini menunjukkan ada pihak itu yang saya hendak lihat. Saya pun dalam ucapan pun tidak tahu siapa yang menerbitkan dengan jelas. Jadi kita apa yang hendak saya ambil di sini bahawa ini menunjukkan dengan penerbitan Selangor Terkini ada pihak-pihak yang tak bersetuju dengan corak pemerintahan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat ini dalam rakyat di Negeri Selangor sendiri. Mereka ini bersedia untuk mendedahkan berbagai maklumat, salah takbir urus, isu-isu pentadbiran negeri kepada umum dan sebagainya. Mereka ini hadir ada di mana-mana mungkin mereka penjawat awam, mungkin mereka ahli politik, mungkin juga kakitangan awam, anak-anak syarikat, ahli-ahli korporat atau rakyat yang ada di dalam Negeri Selangor. Dan mungkin mereka ini diistilahkan sebagai masyarakat sivil atau kuasa ke 3 yang ada untuk memberi pandangan balas kepada pada juga dasar pemerintahan kerajaan Negeri Selangor. Jadi saya rasa patutlah ni kerajaan negeri memikirkan balik beberapa perkara yang dan baru ini kita edarkan elemen dasar maklumat Negeri Selangor elemen yang telah diluluskan oleh Dewan bacaan kali yang ke 3. Berilah kebebasan untuk bersuara di Negeri Selangor. Dulu Pakatan Rakyat selalu katakan ada halangan. Bangi pun sebut kita negara yang ketinggalan dari segi apa ini kebebasan bersuara mana tak ada Bangi dalam Malaysia ini hak bebas Bangi boleh tulis apa pun tanpa apa-apa halangan tiada masalah, budak sekolah pun tulis dalam blog dalam apa pun, tiada halangan, tiada sekatan kalau di negeri-negeri lain ada sekatan. Tapi di negeri kita bebas bersuara,

bercakap dan sebagainya hendak buat ceramah pun boleh tapi kena dapat permit kalau tak permit tak boleh. Itu sahaja. Saya ingat apa ini Puan Timbalan Pengerusi kita dari pihak Barisan Nasional tidak menyokong apa usul ini kerana pada saya biarlah siasatan dibuat. Dan kalau terbukti mana-mana pihak bertanggungjawab parti yang bersalah biarlah pihak berkuasa mengambil tindakan kepada mereka-mereka ni yang melakukan perkara ini, itu sahaja Puan Timbalan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih. Baik Ahli-ahli Yang Berhormat saya beri hanya setiap ahli 5 minit untuk berbahas. Jika ada kiranya lagi ahli untuk berbahas, isu ataupun usul berkaitan dengan akhbar ciplak Selangor Terkini saya persilakan. Ada tiada. Dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada pun masalah yang ada di hadapan Dewan ini adalah satu usul yang berbunyi bahawasanya dalam Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan dan mendesak Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) supaya segera menyiasat dan terus mengambil tindakan terhadap siapakah dalang yang sebenarnya bertanggungjawab menerbitkan akhbar ciplak Selangor Terkini. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya usul nombor 4 Tahun 2011 usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Y.B. Hulu Kelang.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Puan Timbalan Speaker, terima kasih. *Bismillahi rahmani rahim*. Sukacita saya ingin mengemukakan usul di bawah Peraturan 76(5) Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor supaya penyata jawatankuasa pilihan seperti bawah diterima iaitu Kertas Mesyuarat bil.(5) 2011 Penyata Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Tujuan saya membahaskan usul ini agar diterima penyata ialah agar Ahli-ahli Berhormat di Dewan yang mulia ini peka dan prihatin tentang satu usaha yang sangat mulia untuk memartabatkan dan mengukuhkan lagi amalan demokrasi tulen di Negeri Selangor di bawah anjuran Pakatan Rakyat. Di mana demokrasi yang tulen menuntut pelaksanaan sebenar kepada amalan *Depuration of power* (dengan izin) pemisahan kuasa. Di mana kuasa tertinggi dalam bidang pelaksanaan adalah di bawah kuasa kerajaan yang diketuai oleh YAB Dato' Menteri Besar dibantu oleh EXCO dan dalam bidang penggubalan undang-undang peraturan dan keputusan-keputusan dasar diluluskan oleh Dewan yang merupakan medan yang tertinggi dalam menggubal undang-undang. Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor telah mengemukakan laporan iaitu kertas bilangan 6/2011 yang berhasrat untuk meminda peraturan tetap bagi tujuan meningkatkan taraf 3 jawatankuasa pilihan khas untuk menjadi jawatankuasa tetap menurut peraturan Dewan. Dengan itu pindaan yang akan terlibat ialah peruntukan Peraturan Tetap 68 akan menjadi di samping kekal Peraturan Tetap 68 di tambah Peraturan 68 (A) 68 (B) 68 (C). Amalan ini bersesuaian dengan amalan demokrasi tulen di mana amalan Dewan diperkasakan. Mengambil contoh beberapa amalan demokrasi yang sudah maju seperti Kanada di mana Dewan Undangan Negerinya, seperti Yukon yang hanya mempunyai 18 Ahli Yang Berhormat mempunyai 5 jawatankuasa pilihan. Manitoba bilangan ahli serupa dengan bilangan ahli di Negeri Selangor 57 orang. Mempunyai bilangan jawatankuasa tetap sebanyak 8. British Columbia yang mempunyai bilangan ahli 72 mempunyai bilangan jawatankuasa tetap sebanyak 9. Ini menunjukkan bahawa masalah-masalah yang berkaitan dengan rakyat di negeri-negeri berkenaan akan diperhalusi, diteliti oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang diwujudkan oleh Dewan bagi kebaikan rakyat. Jadi dalam bidang-bidang tentu seperti pendidikan, kebajikan hak asasi, wanita, diperhalusi dan rakyat dapat memberi input dan pendengaran-pendengaran yang terbuka, pendengaran-pendengaran tertutup agar dapat ahli-ahli menggubal undang-undang mengesyorkan undang-undang yang lebih mesra rakyat mengambil pertimbangan rakyat ,

pandangan rakyat sebelum di bawah ke Dewan Undangan mereka masing-masing. Jadi ini menunjukkan apa yang kita laku adalah setanding apa yang diamalkan di Kanada, Australia bahkan di India. Contohnya di India sebuah negeri Dewan Undangan Negeri Assam yang mempunyai 122 orang Ahli Yang Berhormat mempunyai 23 jawatankuasa pilihan tetap. Dan sebuah negeri Nizoram yang hanya mempunyai 40 orang Ahli Dewan Undangan Negeri mempunyai 20 jawatankuasa. Ini bererti bahawa penglibatan rakyat dapat diperhalusi dan Dewan sebelum mengusulkan sesuatu rang undang-undang ataupun usul atau dasar-dasar tertentu telah meneliti dengan baik cadangan-cadangan kuasa yang sebenarnya turun ke padang mendapat maklumat daripada rakyat jelata. Jadi sesuai dengan apa yang telah kita laksanakan dalam tempoh 2 / 3 tahun kebelakangan ini iaitu mengukuhkan lagi amalan demokrasi Dewan sebelum ini dalam Peruntukan 68 ada Jawatankuasa Kira-Kira Awam, Peraturan 69 Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan, Peraturan Tetap 70 memperuntukkan jawatankuasa hak dan kebebasan maka apabila Pakatan Rakyat mengambil alih pentadbiran kerajaan Negeri Selangor kerajaan telah menubuhkan di bawah Peraturan Tetap 71 SELCAT sebagai jawatankuasa pilihan khas yang membolehkan pendengaran awam diadakan. Bagi membantu kerja-kerja meneliti dan menyemak laporan Ketua Audit Negara yang selama ini yang hanya terbeban pada jawatankuasa Kira-Kira Awam (PAC) maka kerajaan telah mengusulkan dalam Dewan ini 3 jawatankuasa yang memberi fokus untuk meningkatkan pentadbiran kerajaan negeri pertamanya Pengurusan Pentadbiran Tanah dengan pertubuhan jawatankuasa PADAT, pengurusan dan pentadbiran jawatankuasa yang berkaitan dengan PBT iaitu JJTK PPT dan menubuhkan jawatankuasa khas yang berkaitan dengan pentadbiran dan memantau pelaksanaan urus tadbir anak-anak syarikat kerajaan dan perbadanan kerajaan negeri. Jadi apa yang kita lakukan ini adalah bertujuan pertamanya untuk menaiktaraf PADAT, PBT dan ABAS JPK PADAT JPK PBT, JPK ABAS jawatankuasa pilihan khas ketiga-tiga ini daripada jawatankuasa-jawatankuasa pilihan khas untuk dijadikan sebagai jawatankuasa tetap di bawah Peraturan Tetap 68. Saya hendak menarik perhatian Dewan bahawa tujuan utama kepada pindaan yang dilakukan ini untuk memuatkan 3 jawatankuasa ini bukan untuk membebaskan tapi sebaliknya bertujuan untuk meningkatkan kecekapan, pemantauan dan pengurusan, penelitian pentadbiran kerajaan negeri. Kalau sebelum ini hanya PAC yang diberikan tugas untuk meneliti laporan Ketua Audit Negara mengadakan pendengaran tertutup, mengadakan lawatan kepada semua agensi-agensi, jabatan-jabatan kerajaan termasuk GLC (dengan izin) maka hari ini tugas ini telah diagih-agihkan. Jawatankuasa telah mengadakan beberapa pertemuan dan telah bersetuju bahawa teras utama daripada kerja-kerja jawatankuasa yang 4 ini jawatankuasa Kira-Kira, PADAT, JPK PBT dan ABAS adalah berteraskan kepada laporan Ketua Audit Negara setiap tahun. Berdasarkan kepada laporan Ketua Audit Negara setiap tahun itu maka kita pastikan kalau yang berkaitan dengan jabatan-jabatan kerajaan maka tugas itu diagih-agihkan kepada PAC. Mana yang berkaitan dengan Pejabat Tanah dan Daerah kepada PADAT, mana yang berkaitan dengan PBT kepada JPK PBT dan mana yang berkaitan dengan anak-anak syarikat dan perbadanan kerajaan Negeri Selangor diserahkan kepada ABAS. Jadi dengan itu ada pengkhususan, ada penelitian yang lebih teliti, ada usaha yang membolehkan jawatankuasa-jawatankuasa ini fokus dan dengan itu bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dalam penguasaan agar dia membantu kerajaan negeri dan agensi-agensi, badan-badan kerajaan, anak-anak syarikat kerajaan berfungsi dengan lebih baik. Dan di antara motif ataupun hasrat motif kepada penyata ini dibahaskan adalah agar kita dapat meningkatkan lagi amalan demokrasi, meneliti kecekapan pengurusan pentadbiran kerajaan di bawah agensi-agensi yang telah saya nyatakan. Jadi dengan ini kita dapat kurangkan beban kakitangan, ya bukan tujuan untuk meningkatkan menambahkan beban maknanya yang berkaitan dengan GLC hanya akan dipanggil untuk mengadakan pendengaran tertutup bersama-sama dengan ABAS. Hanya berkaitan dengan Pejabat Tanah akan dipanggil untuk pendengaran tertutup dengan PADAT dan seumpamanya. Jadi bukanlah kali ini semuanya di bawah PAC, jadi dengan ini kita akan ada pengkhususan yang lebih teliti dan

pengawasan yang lebih rapi dengan bertujuan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan cara lebih awal (dengan izin). Jadi kita memastikan bahawa kerjasama di antara jawatankuasa-jawatankuasa ini untuk membantu kerajaan melalui pemantauan pihak-pihak yang tertentu yang terlibat itu akan dilakukan dengan baik. Mungkin saya hendak menarik perhatian kakitangan awam khususnya majoriti beragama Islam kerana kita sedar kita bekerja di samping mencari rezeki, kerjaya meningkatkan taraf profesionalisme kita adalah juga kerja sebagai ibadah. Tujuan kita hadir bekerja setiap hari dengan ucapan bismillah di tempat kerja dengan hasrat untuk mendapat keredaan dari Allah SWT. Jadi oleh kerana itu, saya menyeru dan mengingatkan saya dan Ahli-ahli Dewan serta kakitangan awam bahawa hasrat di sebalik usaha ini adalah untuk melaksanakan satu prinsip yang sangat penting dalam Islam iaitu pesanan daripada Kalifah Umar Bin Al-Khattab, seorang Khalifah yang mentadbir dengan telus terbuka dengan bertanggungjawab iaitu pesannya - hisablah diri kamu sebelum diri kamu dihisab. Jadi ini prinsip ini kita kena hayati. Prinsip ini kepada Ahli-ahli Jawatankuasa adalah untuk membantu diri kami yang diberikan amanah untuk membantu pentadbiran Kerajaan Negeri dengan lebih baik. Memantau agar kesilapan-kesilapan akan segera diatasi, diperbaiki agar tidak ada masalah-masalah yang kemudian tertutup hingga membawa kepada penyelewengan dan salah guna kuasa dan rasuah. Ini hasrat di sebaliknya. Jadi lebih baik kita menghisab diri kita sebelum kita dihisab di akhirat nanti ataupun dihisab oleh satu badan yang lebih besar atau pun lebih menyulitkan kita. Jadi saya harap pindaan ini akan disokong dan dengan hasrat bahawa dia bertujuan untuk meringankan bebanan kakitangan kerajaan, meningkatkan kecekapan dan ketelusan pentadbiran kerajaan di samping Insya-Allah, kita sebagai umat Islam meyakini bahawa lebih baik kita telus di dunia, lebih kita telus dalam mentadbirkan kerja-kerja kita kerana kerja-kerja kita hanya semata-mata untuk mendapat keredaan *Allah Subhanahuwataala*. Dan anggaplah jawatankuasa-jawatankuasa yang empat ini bertujuan untuk membantu kita menghisab kerja-kerja kita cara terbuka sebelum kita dihisab oleh *Allah Subhanahuwataala*. Dengan itu saya mohon agar usul ini disokong.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sijangkang.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Sijangkang melihat bahawa sudah tiba masanya saya kira sekiranya berlaku pindaan ini ke atas peraturan-peraturan tetap dimasukkan jawatankuasa-jawatankuasa pilihan khas yang selama ini sudah pun ada kemudian kalau kita boleh jadikan sebagai satu jawatankuasa pilihan tetap ia sudah tentunya akan memberi manfaat kepada Kerajaan Negeri terutamanya untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan daripada segi kualiti dan saya kira pada asasnya pada hari ini kalau selama ini tanggungjawab ini dibebankan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam ataupun PAC sudah tentunya bebanannya begitu berat sehinggakan kadang-kadang ulasan-ulasan daripada Audit yang kita bincangkan itu adalah suatu ulasan yang agak tertinggal. Saya kira apabila kita letakkan di bawah Peraturan Tetap menjadi jawatankuasa yang tetap sudah tentulah dapat kita berikan sepertimana yang dimaklumkan oleh Hulu Klang tadi bahawa perkara ini dapat diselesaikan dengan agak segera dan ulasan-ulasan ataupun cadangan-cadangan yang akan dibawa itu akan dapat diberikan dengan keadaan yang mengikut kadar masa yang sepatutnya berlaku. Jadi saya kira cadangan ini adalah baik untuk sama-sama kita luluskan dan akhirnya bebanan-bebanan yang mana kalau dimaklumkan tadi juga daripada Hulu Klang bukan kita untuk menghukum jabatan-jabatan tertentu apabila ada salah laku - salah laku ataupun ulasan-ulasan daripada Audit tetapi semata-mata untuk kita memperbaiki dan mempertingkatkan urusan tadbir Kerajaan Negeri Selangor pada hari ini. Dengan ini Sijangkang menyokong usul tersebut.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Usul ini telah pun disokong. Saya buka untuk dibahaskan sekiranya ada. Baik.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi:

“ Sukacita bahawa di bawah Peraturan 76 Perenggan 5 Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor supaya Penyata Jawatankuasa Pilihan seperti di bawah diterima. Kertas Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2011, Penyata Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor.”

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya Usul No.5 Tahun 2011. Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Hulu Klang.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker. *Bismillahi rahmani rahim*. Sukacita saya ingin mengemukakan usul di bawah Peraturan 76 (5) Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor supaya penyata jawatankuasa pilihan seperti di bawah diterima. Iaitu Kertas Mesyuarat Bilangan 8 Tahun 2011 Penyata Jawatankuasa Khas mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan iaitu *Special Select Commeeetee on Competence Accountability Transaperancy (SELCAT)*.

Puan Timbalan Speaker,

SELCAT telah mengadakan pendengaran awam pada 1 September tahun lalu bagi menyiasat pembangunan tapak perkuburan bukan Islam tanpa kebenaran di Seksyen U14 Bukit Raja, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan. Siasatan ini dibuat berikutan adanya dakwaan adanya perniagaan pengebumian secara komersial di lokasi di atas tanpa permohonan tukar syarat penggunaan tanah dan pelan merancang. Ahli Jawatankuasa bersetuju untuk meneliti kes ini secara mendalam di samping menjalankan pendengaran awam. Sebelum pendengaran awam diadakan, *SELCAT* telah menjalankan siasatan melalui keterangan bertulis dan kajian ke atas dokumen-dokumen yang telah diterima daripada jabatan-jabatan berkenaan. Dalam isu ini walaupun dia berbunyi pembangunan tapak kubur bukan Islam tapi dia tidak ada kaitan dengan masalah agama, orang bukan Islam khususnya penganut agama di kalangan kaum Cina. Dia tidak melibatkan isu perkauman. Dia dipersetujui tidak melibatkan isu yang melibatkan agama dan tradisi orang Cina beragama Tao ataupun Buddha tapi lebih berkaitan dengan pengurusan pentadbiran Pejabat Tanah, kelulusan perniagaan lesen, MBSA yang terlibat dan isu-isu yang berkaitan dengan hak dan keadilan untuk semua rakyat Negeri Selangor. Untuk tujuan itu, seramai 5 orang saksi telah dikenal pasti dan dipanggil oleh *SELCAT* untuk menghadiri pendengaran awam.

1. Yang Berbahagia Dato' Mazalan bin Mohd. Nor, Datuk Bandar Shah Alam
2. Puan Aniza binti Haji Osman, Pengarah Perancangan Bandar MBSA Majlis Bandaraya Shah Alam
3. Dato' Bakhtiar bin Hussin, Pegawai Daerah Klang
4. Encik Koh Kien Seng, Wakil daripada Syarikat Primevest Sdn.Bhd.
5. Encik Goh Choo Seng, Wakil daripada Syarikat Primevest Sdn. Bhd.

Dari segi fakta siasatan, fakta siasatan melibatkan tanah-tanah lot di sekitar Seksyen U14, Bukit Raja, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling dengan keluasan keseluruhan 49 ekar. 5 lot tanah yang tersebut, 5 lot tanah tersebut telah dimajukan sebagai tanah perkuburan bukan Islam oleh sebuah syarikat swasta yang nama pendaftarannya ialah Primevest Sdn. Bhd. di panggil Primevest. Di kawasan yang sama terdapat beberapa kubur bukan Islam yang terletak dikawasan U14 yang dimajukan antara lain oleh Ferrypark Sdn. Bhd. Fairypark sebuah syarikat bersekutu dengan Primevest. Kemudian juga dikendalikan oleh Persatuan Hokkien, Persatuan Kwang Tong, Perkuburan Hindu dan juga ada perkuburan Kristian. Bagi perkuburan Persatuan Hokkien, Persatuan Kwang Tong, perkuburan Hindu dan perkuburan Kristian hanya bayaran nominal yang dikenakan. Jadi isu yang dibangkitkan adalah tentang pendekatan komersial yang dijalankan oleh syarikat swasta, Primevest bagi membangunkan kawasan kubur. Hasil daripada pendengaran sehari yang telah diadakan oleh SELCAT dengan memanggil 5 orang saksi memberi keterangan, berikut adalah rumusan Jawatankuasa SELCAT:

“Setelah meneliti dokumen-dokumen yang dibentangkan dan setelah mendengar penjelasan daripada pihak MBSA , Pejabat Daerah dan Tanah Klang, Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, Syarikat Primevest, Jawatankuasa berpendapat bahawa adalah jelas :

1. Terdapat permintaan tanah bukan Islam di kawasan MBSA dan Klang yang mengakibatkan pengusaha mempunyai peluang perniagaan untuk memajukan tanah perkuburan swasta.
2. Sebagaimana yang diakui oleh Datuk Bandar Shah Alam, MBSA, Pihak Berkuasa Tempatan tidak mempunyai pengalaman dalam menguruskan permohonan perusahaan tanah perkuburan swasta. Tanggungjawab sosial Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan tidak kelihatan menonjol dalam isu tanah perkuburan khususnya tanah perkuburan bukan Islam di mana tidak ada badan Kerajaan yang dipertanggungjawabkan khusus untuk mengendali dan menyelaras urusan berkenaan.
3. Malah tiada peraturan yang khusus untuk mengendalikan segala urusan yang berhubung kait dengan tanah perkuburan swasta.
4. Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan kurang proaktif dan kurang cekap dalam perancangan dan pengurusan tanah perkuburan.
5. Oleh kerana wujudnya kelemahan dari segi undang-undang pihak pengusaha tanah perkuburan swasta telah menggunakan kesempatan ini untuk mengaut keuntungan yang terlalu besar sehingga dalam kajian laporan SELCAT terdapat saiz kubur 48' x 80' dengan harga RM316,000.00 iaitu pada kadar RM82.29 satu kaki persegi. Jadi ini merupakan satu perniagaan yang boleh dianggap tidak bermoral kerana ia melibatkan orang yang sudah mati.
6. Terdapat kelemahan dan kelembapan yang jelas dalam penguatkuasaan MBSA dalam perkara di mana undang-undang yang sedia ada tidak diguna pakai dengan berkesan untuk melarang pemaju yang tidak mematuhi peraturan dan arahan.
7. Koordinasi di antara Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah dan Tanah dalam menguruskan permohonan pemaju jelas kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan.

Dengan itu saranan Jawatankuasa *SELCAT* dalam permasalahan permohonan menukar syarat penggunaan tanah bagi 5 lot tanah tersebut terdapat beberapa pilihan yang munasabah yang boleh dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan.

1. Melarang Primevest dan Fairypark daripada meneruskan perusahaan tanah perkuburan di atas lot-lot tanah yang berkenaan dan hanya membenarkan tanah kubur yang telah digunakan untuk dikekalkan. Jika pilihan ini diterima pakai Primevest dan Fairypark masih perlu membuat permohonan menukar syarat penggunaan tanah kepada perniagaan dan permohonan-permohonan yang berkaitan bagi bahagian tanah yang telah digunakan sebagai tanah kubur.
2. Membenarkan Primevest dan Fairypark meneruskan perusahaan tanah perkuburan swasta di atas lot-lot berkenaan dengan syarat semua permohonan yang berkaitan hendaklah terlebih dahulu diperolehi.
3. Pintu gerbang, krematorium, tempat bakar mayat dan kolamarium, tempat menyimpan abu hendaklah dirobuhkan melainkan isu syarat penggunaan tanah dan pelan-pelan berkenaan diselesaikan dan dipatuhi dengan ketat mengikut mana-mana pilihan tersebut di atas.
4. Tidak kira mana pilihan yang diambil oleh pihak Kerajaan, penalti yang berat hendaklah dikenakan ke atas Primevest dan Fairypark supaya kes ini dijadikan amaran kepada pemaju-pemaju yang akan datang.
5. Memandangkan kawasan U14 telah dipenuhi dengan tanah perkuburan, adalah disarankan agar tindakan tegas diambil oleh MBSA supaya tidak ada tanah baru dalam kawasan tersebut dibenarkan untuk digunakan sebagai tanah perkuburan dan tindakan yang cekap serta tegas hendaklah diambil.
6. Primevest, Fairypark dan pemegang saham kedua-dua syarikat hendaklah di senarai hitamkan daripada menjalankan perusahaan perkuburan tanah swasta dalam Negeri Selangor.
7. Satu Jawatankuasa Khas harus ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri untuk meneliti status tanah dan kemudahan tanah untuk tanah perkuburan swasta bagi memastikan semua pengusaha swasta mematuhi peraturan yang sedia ada dan mengambil tindakan tegas terhadap masalah berkenaan.
8. Akhirnya Tuan Speaker, Kerajaan Negeri harus menggubal satu undang-undang baru bagi mentadbir segala urusan berkaitan dengan perusahaan tanah perkuburan yang merangkumi aspek
 - a. Perlesenan pengusaha tanah perkuburan swasta
 - b. Menetapkan nisbah tanah perkuburan awam dan swasta
 - c. Menyelaraskan semua permohonan yang berkenaan permohonan perusahaan tanah perkuburan swasta
 - d. Menetapkan harga siling setiap tanah kubur, had harga kepada tanah kubur

- e. Menetapkan saiz tanah kubur yang piawai
- f. Melarang tempahan tanah kubur sebelum seseorang meninggal dunia.

Sekiranya tidak ada peruntukan ini maka tidak ada kawalan seseorang boleh membeli sebelum meninggal, 7, 8 lot dan menunggu harga naik dan boleh menjualnya dengan harga yang tinggi. Dan ini adalah satu perniagaan yang sekali lagi saya tegaskan dan ingin jawatankuasa tegaskan sebagai tidak bermoral. Kerajaan Negeri hendaklah menyiasat pegawai-pegawai yang gagal menguatkuasakan undang-undang terhadap Primevest dan Fairypark dan mengenakan tindakan yang tegas.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia,

Baru-baru ini selepas laporan penyata *SELCAT* ini dibentangkan sebagai kertas mesyuarat, satu sidang akhbar telah diadakan. Lebih daripada 15, 20 wakil akhbar telah hadir dan liputan yang diberikan oleh akhbar berbahasa Mandarin, berbahasa Cina amat menggalakkan. Mereka amat menyokong usaha ini kerana usaha ini akan menyelaraskan apa yang tidak selaras selama ini dalam konteks memperniagakan tanah kubur dan dikhuatiri pada masa depan sekiranya tanah-tanah tidak dikawal proses, syarikat-syarikat yang ingin mendapat, mengaut keuntungan terlalu banyak dan besar daripada menguruskan jenazah kaum bukan Islam khususnya masyarakat Cina, maka dikhuatiri pada masa depan tidak ada tanah kubur lagi di Negeri Selangor untuk anak-anak dan generasi akan datang. Dengan itu saya mohon agar penyata ini disokong dan diluluskan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ia, Sekinchan sila.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker. Sekinchan bangun untuk turut menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Hulu Klang untuk penyata *SELCAT* ini diterima. Dalam konteks pendengaran awam yang dilakukan oleh *SELCAT*, Jawatankuasa Pilihan Khas yang dilantik oleh Dewan mengenai keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan, saya mendapati penyata ini, pendengaran ruang ini cukup memberi manfaat kepada Kerajaan Negeri kerana menerusi pendengaran awam ini dan penyiasatan ini kita pihak Kerajaan Negeri dapat mengenal pasti dan mengetahui apakah permasalahan sebenar tentang perkuburan-perkuburan swasta Cina ini yang digembar-gembur suatu ketika di surat khabar, media-media mengenai harga yang cukup mahal dan sebagainya. Dan dalam konteks ini syarikat yang terlibat, Syarikat Fairypark dan Primevest ini yang di mana melakukan kerja-kerja perkuburan di 5 lot di tanah di Shah Alam ini telah didapati melanggar, melanggar secara terang-terangan. Syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Shah Alam di mana kelulusan merancang dan sebagainya masih belum diluluskan. Kegunaan tanah tersebut pun belum diluluskan tetapi sudah berlaku kerja-kerja menjual kubur dan penanaman, orang mati pun sudah ditanam di situ. Ini yang menyebabkan orang keliru. Orang ramai terpedaya. Dan sehingga saya nampak dalam laporan ini di mana melalui penyiasatan, pendengaran awam ini di mana harga-harga yang ditawarkan ini 16' x 20', 16' x 20' lebih besar daripada bilik yang kita, rumah, bilik lebih besar sedikit RM21,000.00 hingga RM28,000.00. Ini merupakan satu harga yang cukup saya rasa mahal dan membebankan dan saya juga mendapati bahawa orang-orang yang hidup, orang-orang yang masih hidup membeli. Menjadikan dia sebagai satu pelaburan dan ada kalanya ia boleh ditukar milik, ditukar milik dan jual kepada orang lain pula. Akhirnya kawasan-kawasan seperti ini kuburnya telah dijadikan satu perniagaan yang cukup beruntung untuk Syarikat Fairypark dan Primevest ini. Jadi saya nampak syor-syor yang dibuat oleh Jawatankuasa *SELCAT* ini, wajar Kerajaan ambil, ambil perhatian serius dan siasat apakah sebenar yang berlaku tentang tindakan-tindakan seperti

syor yang dibuat oleh SELCAT tentang menyenaraihitamkan, senarai hitamkan Lembaga Syarikat Primevest dengan Fairypark, pemegang saham kedua-dua syarikat ini di senarai hitamkan. Supaya ini satu pengajaran kepada syarikat-syarikat akan datang. Ini satu.

Yang keduanya, wajar kita tubuhkan satu jawatankuasa atau kita menyiasat, meneliti, memperhalusi supaya satu undang-undang, menggubal satu undang-undang. Saya cukup setuju dengan cadangan tersebut. Satu undang-undang tentang perkuburan swasta ini di laksana oleh Kerajaan supaya dapat memastikan orang-orang yang meninggal dunia akan datang ada tempat perkuburannya. Memandangkan Kerajaan Negeri Selangor semakin maju ke hadapan dan tanah-tanah semakin terhad. Ini cukup penting. Saya setuju kalau perkuburan moden ini dilakukan secara ditadbir urus dengan sistematik. Ini saya setuju, saya tidak ada masalah. Tetapi yang masalahnya harga dan pemantauannya. Mana pemantauan Kerajaan Negeri di mana Pihak Berkuasa PBT? Dalam siasatan ini diberitahu mereka tidak ada kepakaran. Tak ada kepakaran dalam memantau selia perkara ini. Oleh yang demikian, wajar satu undang-undang digubal untuk mengawal, memantau selia semua perkuburan swasta ini supaya orang-orang rakyat Negeri Selangor terjamin apabila mereka mati, sebelum mati pun terjamin, sebelum mati pun terjamin. Dan yang saya nampak di sini kita tidak mahu orang yang hidup di dunia pun susah. Sebab apa? Mereka terpaksa berebut-berebut dengan kawan-kawan. Kawan sini kata, ada kawan-kawan di Sekinchan beritahu saya, mereka terpaksa beli RM28,000.00 anak mereka kerana ada cerita-cerita dari kawan anak dia pun suruh beli RM28,000.00 satu, 16' x 20' dan mereka pun berebut-rebut untuk beli. Tanggungan ini menjadi bebanan kepada anak. Orang yang hidup pun beban, orang yang mati pun tak lena. (Bahasa Cina). Dengan izin. Jadi masalah ini Kerajaan kena ambil tindakan dan kita ada inisiatif sendiri supaya pentadbiran Kerajaan Negeri lebih terurus dalam konteks mengawal selia perkuburan Cina ini. Maka syor-syor dalam jawatankuasa penyata ini wajar diteliti secara halus, diperhalusi oleh Kerajaan Negeri. Dan seterusnya ingin saya tekankan juga mana-mana pegawai, mana-mana kakitangan yang terlibat dahulu yang didapati telah terlepas pandang, salah ini perlu juga diambil tindakan disiplin dan sebagainya. Supaya apabila lain kali apa-apa siasatan yang dilakukan oleh SELCAT dia ada kesannya. Kita bukan hendak menghukum sesiapa tetapi kita tidak boleh biarkan siasatan dilakukan, pendengaran awam dilakukan, tetapi akhirnya kita biarkan begitu. Maksudnya orang yang disiasat yang dipanggil saksi dan kemudian yang melakukan kesalahan mereka menganggapkan ini perkara enteng sahaja, enteng. Sebab *no further action*. Tak ada, tak ada dengan izin, tak ada apa-apa tindakan. Jadi kita kena buat sedikit tindakan yang sepatutnya, yang sewajarnya supaya bagi memastikan akan datang apa-apa siasatan dan pendengaran awam yang dilakukan oleh SELCAT, Jawatankuasa yang diluluskan oleh Dewan ini akan dihormati dan syor-syor dan saranannya akan diteliti dan dilaksanakan secara berperingkat oleh Kerajaan Negeri demi untuk memperkasakan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Oleh yang demikian, saya menyokong usul ini. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Usul ini telah pun disokong. Saya buka untuk perbahasan sekiranya ada.

YB PUAN GAN PEI NEI : Tuan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ia, sila Rawang.

YB PUAN GAN PEI NEI : Terima kasih kepada Tuan Speaker. Rawang amat menyokong dengan usul ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di Rawang juga sebenarnya menghadapi masalah kekurangan tanah perkuburan untuk mereka yang telah meninggal dunia khususnya untuk golongan yang bukan Islam ini. Di Rawang juga sebenarnya sekarang sedia ada satu tanah perkuburan yang dikelolakan oleh Persatuan Kwang Hock tetapi

telah sesak dan nampaknya akan penuh tidak lama lagi. Jadi kita dalam usaha untuk, sorry telah penuh dengan mereka. Jadi sekarang dalam usaha untuk mencari satu tempat yang baru untuk mereka khususnya untuk golongan yang kurang mampu. Dan saya nampak adalah perlu untuk Kerajaan Negeri membentuk satu jawatankuasa khas yang membuat satu perancangan jangka panjang. Sebab kita tahu di Negeri Selangor ini bukan sahaja kita menghadapi kekurangan tanah untuk orang yang hidup tetapi untuk orang yang meninggal dunia yang untuk daripada pelbagai kaum juga menghadapi kekurangan tanah. Dan kalau kita tengok harga-harga yang dinyatakan tadi bukan sahaja orang hidup kita ada rumah, flat kos rendah, kita ada kos sederhana, semi-D, banglo tapi untuk orang yang meninggal pula kita perlu menghadapi keadaan seperti ini sekiranya tidak dikawal. Kalau Yang Berhormat – Yang Berhormat tengok sekalian, harga-harga itu memang dahsyat. Kalau untuk kita orang yang hidup sekarang pun kena beli rumah dengan harga-harga seperti ini, bila meninggal pun kena beli rumah dengan harga sebegini. Jadi saya haraplah polisi Kerajaan bukan sahaja bila hidup ada *affordable homes* tetapi lepas meninggal pun kena ada *affordable homes* lah dengan izin. Jadi saya berharap Kerajaan Negeri boleh memandang serius dengan keadaan ini kena kita buat satu garis panduan yang khususnya sebab polisi adalah amat perlu supaya tanah yang diberikan oleh Kerajaan Negeri tidak disalah gunakan untuk mengaut keuntungan tetapi pada masa yang sama mereka yang amat memerlukan telah ditinggalkan ataupun dipinggirkan dalam mendapatkan hak mereka untuk satu tempat untuk dikebumikan. Sekian sahaja.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi :

“ Bahawasanya menurut Peraturan 76 Perenggan 5 Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor Penyata Jawatankuasa Pilihan seperti di bawah diterima. Kertas Mesyuarat Bilangan 8 Tahun 2011 Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan, *Special Select Committee on Competence Accountability and Transparency (SELCAT)* diterima. “

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya Usul No. 6 Tahun 2011. Usul Di Bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Dato' Speaker. Kampung Tunku ingin berdiri dan membina suatu usul yang berbunyi seperti berikut :

“ Bahawasanya mengikut Perenggan 5 Dalam Peraturan 76 bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya syor-syor yang terdapat dalam penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pejabat Daerah dan Tanah, JPK PADAT yang dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 7 Tahun 2011 diterima. “

Tuan Speaker, saya telah meneliti penyata jawatankuasa pilihan khas mengenai Pejabat Daerah dan Tanah dan saya memberi 2 perasaan yang berbeza. Perasaan pertama ialah perasaan gembira dan besar hati. Perasaan yang kedua ialah perasaan risau. Saya berasa gembira dan besar hati kerana Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pejabat Tanah dan Daerah telah melakukan tugas mereka untuk menyiasat dan membentangkan laporan yang merangkumi semua masalah yang berlaku di setiap Pejabat Tanah dan Daerah dengan begitu ringkas dan menyeluruh. Saya berasa risau kerana masalah bertimbun-timbun yang masih ada di Pejabat Tanah dan Daerah dan saya risau ianya akan menjejaskan imej Kerajaan Negeri Selangor dan seterusnya menjejaskan iklim pelaburan di Negeri Selangor juga. Masalah-

masalah khususnya masalah yang berkaitan dengan sistem pengurusan tanah secara elektronik perlu di selesai dengan cepat. Dan di dalam penyata ini telah dinyatakan dengan jelas. Antara masalahnya ialah kesukaran mengesan pemilik tanah terutamanya yang melibatkan geran-geran lama. Alamat yang tidak lengkap ataupun yang telah berpindah menyebabkan bil-bil tidak sampai dan dipulangkan ke Pejabat Daerah. Lokasi tanah yang sukar dikesan kerana lot dalam cukai tanah berbeza dengan lot di dalam bahagian pelan. Hak milik wujud di dalam Sistem Pungutan Hasil Tanah, SPHT tetapi tidak wujud di dalam Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer, SPTB. SPHT ini juga sering menghadapi masalah tunggakan hasil tanah oleh anak-anak syarikat Kerajaan Negeri juga merupakan satu masalah yang dihadapi oleh Pejabat Tanah.

Tuan Speaker,

Kerajaan Negeri perlulah memberi tumpuan khas untuk menyelesaikan segala masalah yang berkaitan dengan sistem-sistem pengurusan tanah berkomputer yang saya nyatakan tadi iaitu Sistem SPHT dan Sistem SPTB. Saya juga meminta supaya Kerajaan menetapkan tempoh masa yang khusus untuk melaksanakan syor-syor daripada jawatankuasa ini kerana jikalau ini dilakukan maka penyelesaiannya akan menjadi tidak terhingga. Dan ianya juga tidak harus dibiarkan begitu sahaja selepas ini. Satu tindakan perlu diambil supaya cadangan-cadangan yang lain yang disyorkan dalam penyata ini boleh di laksanakan.

Tuan Speaker, sebagai satu permulaan saya mencadangkan supaya Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri diberi masa lebih kurang dua tahun untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan pengurusan tanah secara elektronik ini. Yang kedua, Kerajaan harus memperbaiki pentadbiran Pejabat Tanah dan Daerah. Saya masih ingat, tiga tahun yang lalu Kerajaan Negeri menubuhkan satu pasukan khas *Task Force* Tanah, dan terdapat beberapa cadangan yang dibawa oleh *Task Force* Tanah ini, dengan tujuannya memperbaiki pentadbiran tanah di Negeri Selangor. Saya sekali lagi ingin bertanya adakah cadangan-cadangan ini, cadangan-cadangan daripada *Task Force* ini telah diterima. Jika tidak, apakah pula sebabnya. Dan yang ketiga, Kerajaan juga harus belajar daripada negara-negara maju. Khususnya daripada negara-negara Komanwel, yang mempunyai sejarah Pentadbiran Tanah yang sama dengan Malaysia dan Selangor. Salah satu contoh yang bagus yang saya boleh bangkitkan di Dewan ini ialah Singapura, yang mempunyai Pentadbiran Tanah, sejarah pentadbiran tanah yang sama dengan Malaysia dan Selangor tetapi mereka mampu untuk memperbaiki dan melicinkan pentadbiran tanah mereka sehingga kejayaan mereka mentadbir tanah di negara mereka menjadi buah mulut warga antarabangsa.

Akhir sekali saya menyebut, saya juga ingin menyebut tentang saranan untuk menubuhkan Bank Data Tanah yang bertujuan memudahkan urusan di samping merancang pembangunan setara di seluruh Selangor. Saya berasa, sekali lagi kita tidak boleh berangan-angan bahawa dengan adanya Bank Data Tanah ini, maka masalah tanah di Selangor akan selesai. Kita perlu banyak melakukan banyak perkara secara pro aktif. Saya juga mencadangkan sekali lagi supaya satu mesyuarat atau jawatankuasa yang mirip kepada jawatankuasa pusat sehenti di PBT, diwujudkan juga di Pejabat Tanah, supaya urusan tanah atau masalah berkenaan tanah, boleh dibawa oleh Wakil Rakyat ke Pejabat Tanah. Ini sama dengan apa yang pernah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekinchan beberapa tahun yang lalu tentang jawatankuasa pengurusan tanah, dan bagi saya ini adalah penting supaya Ahli Yang Berhormat boleh membawa isu-isu tanah ke dalam jawatankuasa ini dan diselesaikan dalam mesyuarat itu juga.

Cadangan saya adalah supaya semua cadangan yang diadakan di dalam penyata ini diterima. Untuk cadangan-cadangan jawatankuasa seperti membangunkan satu sistem penggunaan daftar nombor kad pengenalan sebagai kata kunci bagi pengurusan tanah, cadangan permit

singkat masa untuk pemilik kilang haram, cadangan penyambungan semula tempoh permit khas kepada peneroka hutan di hutan simpan kekal Kuala Langat Selatan. Untuk ke semua cadangan ini, saya berharap mungkin bagi sesi yang akan datang, Kerajaan Negeri Selangor bolehlah melaporkan kepada Dewan yang mulia ini, apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Dewan, oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menyelesaikan masalah ini. Dan akhir sekali apa yang ingin saya bangkitkan ialah amat jelas bahawa Kerajaan Negeri Selangor masih perlu melipatgandakan usahanya dalam melicinkan pentadbiran tanah. Saya berharap cadangan yang saya bangkitkan tadi sama-sama dengan syor-syor daripada jawatankuasa ini dapat diterima oleh Dewan dan dilaksanakannya untuk kemakmuran dan pembangunan Kerajaan Negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Sijangkang.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Puan Speaker, Sijangkang berdiri di sini untuk menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Kg. Tunku berkaitan syor-syor yang terdapat dalam Jawatankuasa Pemilihan Khas mengenai Pejabat Tanah, Pejabat Daerah dan Tanah yang saya lihat syor-syor yang dicadangkan itu adalah satu perkara yang bertepatan dengan keadaan ataupun masalah-masalah di tempat-tempat di daerah-daerah di mana jawatankuasa ini telah membuat lawatan dan apatah lagi kalau melibatkan Daerah Kuala Langat, sebagai contoh. Saya melihat bagaimana, kalau baru-baru ini di bawah program pemutihan hutan simpan di negeri Selangor ini, yang mana di Kuala Langat Selatan, sebahagian daripada peneroka-peneroka yang meneroka tanah-tanah tersebut, mengusahakan tanaman-tanaman umbisi yang mana menjadi satu sumber ataupun punca kepada industri kecil dan sederhana di kawasan itu, apatah lagi apabila ada kelulusan untuk membangunkan satu bangunan sebagai pusat pengumpulan barang-barang IKS untuk dipasarkan. Jadi saya kira pada hari ini pertumbuhan IKS di Negeri Selangor terutamanya di daerah Kuala Langat yang bersumberkan industri kecilan sederhana, daripada umbisi dijadikan kerepek dan sebagainya mendapat sambutan yang meluas bukan sahaja di dalam negara, tetapi juga di luar negara. Saya kira antara contoh yang saya kira perlu kita terima daripada syor-syor yang dicadangkan ataupun usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Kg. Tunku. Dengan ini Sijangkang menyokong agar syor-syor ini yang terdapat di dalam penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah Dan Tanah diterima.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan. Sekiranya ada. Tiada.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:-

“Bahawasanya mengikut Perenggan (5) dalam Peraturan Tetap 76 bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya syor-syor yang terdapat dalam Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah Dan Tanah (JPK-PADAT) yang dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bil.7 Tahun 2011 diterima”

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Usul Ini Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya. Usul No. 7 Tahun 2011, Usul di bawah Peraturan Tetap 26(p) oleh Yang Berhormat Ijok.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Puan Timbalan Speaker dan Ahli Yang Berhormat Sekalian,

Sebagaimana yang Dewan ini maklum, Yang Berhormat Tuan Speaker pada 19 Januari 2011 telah mengisytiharkan bahawa kerusi Pelabuhan Klang menjadi kosong menurut Perkara 69, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959. Tetapi, dalam keadaan peguam yang mewakili Tuan Speaker tidak dapat hadir ke Mahkamah, Mahkamah telah membuat keputusan yang bertentangan pada 18 Februari 2011. Tuan Speaker kemudiannya telah memfailkan permohonan di Mahkamah Tinggi untuk mengetepikan keputusan tersebut dan juga telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan.

Walau bagaimanapun, semasa menunggu tarikh bicara ditetapkan untuk permohonan mengetepikan keputusan dan rayuan, ianya telah dibawa kepada makluman Kerajaan bahawa Tuan Speaker telah dimaklumkan oleh peguam beliau bahawa Yang Berhormat Pelabuhan Klang telah mengarahkan peguam beliau, Mohd Hafarizam Harun, menyerahkan satu notis bertarikh 29 Mac 2011 kepada Tuan Speaker melalui peguam cara Tuan Speaker, Tetuan Tommy Thomas, yang antara lainnya, berbunyi seperti berikut, dengan izin:-

"We have our client's strict instruction that the cost of RM40,000.00 is to be paid to the Plaintiff and/or us as Solicitors for tht Plaintiff within SEVEN (7) DAYS from this letter. We also have our client's strict instruction to proceed with the Bankruptcy Proceeding against your client for the failure to comply with the order dated 18 February 2011 which was served on you on 22nd March 2011".

Pada prima facie-nya ataupun daripada pandangan secara awal Yang Berhormat Pelabuhan Klang dan peguam beliau telah menghantar sepucuk surat yang berbahasa tidak senonoh, dan biadab dan mengugut (dengan izin *indecent, insolent dan threatening*) dan dengan itu telah melakukan kesalahan menghina Dewan yang mulia ini. Tuan Speaker telah dinamakan dalam saman tersebut bukan atas kapasiti beliau sendiri tetapi atas kapasiti beliau sebagai Tuan Speaker Dewan yang mulia.

Nota sedemikian dengan bahasa yang tidak senonoh, biadab dan mengugut dan pernyataan niat mereka untuk mengambil tindakan yang tertera di atas dan memaparkan niat kedua-dua mereka untuk menimbulkan kebencian kepada Dewan serta mengaib ataupun mempersendakan Dewan yang mulia ini atau menjatuhkan kewibawaan Dewan ini dan oleh yang demikian ianya merupakan satu penghinaan ke atas Dewan, lebih-lebih lagi notis tersebut telah diserahkan semasa Dewan ini sedang bersidang pada masa ini.

Oleh yang demikian, saya dengan ini memohon untuk membentangkan usul berikut untuk kelulusan Dewan yang mulia ini:-

" Bahawasanya Dewan yang mulia memutuskan bahawa Yang Berhormat Tuan Badrul Hisham bin Abdullah, Ahli Dewan Negeri Kawasan Pelabuhan Klang dan peguam beliau Mohd Hafarizam Harun, dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan kebebasan atas tuduhan bahawa mereka secara berasingan atau bersama melakukan kesalahan menghina Dewan dengan menghantar sepucuk surat bertarikh 29 Mac 2011 kepada Tuan Speaker Dewan ini yang berbahasa amat tidak senonoh, biadab dan mengugut.

Bahawasanya untuk tujuan siasatan ke atas perkara tersebut, Yang Berhormat M. Manoharan, Ahli Dewan Negeri kawasan Kota Alam Shah hendaklah mempengerusikan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan menggantikan Tuan Speaker, Pengerusi Jawatankuasa Hak dan Kebebasan."

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Puan Speaker, saya menyokong.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong dan ia akan diserahkan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan , untuk

memutuskan sama Yang Berhormat Pelabuan Klang dan peguam beliau bersalah atau tidak dan mereka akan mempertahankan diri mereka di dalam pendengaran tertutup Jawatankuasa tersebut. Dan Jawatankuasa tersebut akan mengemukakan laporan berkaitan dengan pendengaran tertutup tersebut dan akan dibahaskan di dalam Dewan kemudian.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:-

“ Bahawasanya Dewan yang mulia memutuskan bahawa Yang Berhormat Tuan Badrul Hisham bin Abdullah, Ahli Dewan Negeri Kawasan Pelabuan Klang dan peguam beliau Mohd Hafarizam Harun, dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan kebebasan atas tuduhan bahawa mereka secara berasingan atau bersama melakukan kesalahan menghina Dewan dengan menghantar sepucuk surat bertarikh 29 Mac 2011 kepada Tuan Speaker Dewan ini yang berbahasa amat tidak senonoh, biadab dan mengugut.

Bahawasanya untuk tujuan siasatan ke atas perkara tersebut, Yang Berhormat M. Manoharan, Ahli Dewan Negeri kawasan Kota Alam Shah hendaklah mempengerusikan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan menggantikan Tuan Speaker, Pengerusi Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.”

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul Ini Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Usul untuk menangguhkan Dewan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Persidangan kita telah pun tamat. Dengan ini saya mencadangkan supaya Dewan ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang akan di tetap kelak.

Saya juga Puan Speaker ingin mengambil masa untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan rasa kasih yang tidak terhingga di atas Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan sempena perasmian pembukaan Sidang Dewan Pertama Penggal Keempat. Titah Tuanku yang kebanyakannya berbentuk nasihat dan teguran amatlah dihargai. Saya yakin ini menjadikan semua ADUN bekerja dengan lebih tekun dan bagi Kerajaan Negeri dan seluruh jentera Kerajaan ia merupakan suntikan semangat untuk terus mentadbir negeri ini dengan prinsip-prinsip ketelusan dan bertanggung jawaban. Saya juga ingin memanjatkan rasa syukur kepada Allah Subhanahuwataala kerana Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Sidang Dewan Negeri ini berlangsung kini bukan sahaja merupakan tahun keempat amanah sebagai Wakil Rakyat yang telah diberikan kepada kita dan dia juga menandakan lengkaplah sudah tiga tahun yang penuh liku sejak pilihanraya ke 12 pada Mac 2008.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada seluruh Ahli Dewan yang telah mengambil bahagian di Dewan ini dan sekali gus telah meraikan semangat demokrasi di dalam di negeri Selangor Darul Ehsan. Hujah para Ahli Dewan jauh saya kira lebih matang dan intelektual, meskipun ada di antaranya cuba menyimpang fakta sebenar. Tatkala memulakan Sidang Dewan ini, kita maklum bahawa negeri Sarawak telah membubarkan Sidang Dewannya secara rasmi dan satu Pilihanraya negeri akan di adakan kerana tempoh sah Kerajaan Negeri itu telah hampir tamat. Selain itu desas desus telah bertiup bahawa Kerajaan Persekutuan juga sedang menimbang untuk pembubaran Parlimen bagi memberi laluan kepada Pilihanraya Umum ke 13 lebih awal dari tempohnya. Saya sebut perkara ini kerana dia mempunyai kaitan dengan konsep federalisma bernegara di Malaysia. Pembubaran kabinet sebuah Kerajaan Negeri tidak mestinya dibuat seiring dengan

pembubaran kabinet Kerajaan Persekutuan. Dengan mandat yang hanya akan berakhir pada tahun 2013 dan pada Sidang ini saya ingin menegaskan bahawa Dewan Negeri Selangor tidak akan dibubarkan pada tahun ini sekiranya Kerajaan Persekutuan memilih untuk pembubaran kabinet pada tahun ini. (TEPUK). Fenomena ini sebenarnya adalah satu ciri federalisma yang perlu dihayati oleh semua rakyat Malaysia terutama kita yang berada di Dewan yang mulia ini. Apa yang saya maksudkan di sini ialah kedaulatan negeri dan bidang kuasa negeri mesti dipertahankan. Selaku wakil rakyat yang diangkat menjadi Menteri Besar Selangor, saya ingin mengajak kita semua menginsafi bahawa sebagai wakil rakyat yang dipilih untuk menjaga maruah Dewan ini, demi mengangkat martabat rakyat dan kepentingan negeri. Maka menjadi tanggungjawab kita untuk sentiasa cuba menghadiri dan menyertai proses perubahan dan perbahasan setiap sidang Dewan, bagi memastikan peranan sebagai wakil rakyat dapat dijalankan dengan cara terbaik. Saya berasa agak kesal kerana usaha mengembalikan kuasa negeri pada sidang Dewan menurut Peraturan 10(3), Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor pada 17 Januari lalu, gagal mencapai dua pertiga majoriti. Kegagalan ini berlaku atas satu sebab iaitu apabila Ahli Dewan Undangan Negeri UMNO Barisan Nasional memilih untuk terus berkiblatkan Putrajaya dan bukannya meletakkan kepentingan ke atas negeri Selangor Darul Ehsan.

Puan Timbalan Speaker dan Sidang Dewan, saya sentiasa menginginkan Sidang Dewan dijalankan secara profesional agar masyarakat melihat profesion sebagai ahli politik itu adalah profesion yang baik dan dihormati. Era bercita-cita menjadi kaya dengan memasuki politik telah tamat sejak 3 Mac 2008. (TEPUK). Kita berpolitik untuk mewujudkan satu tamadun yang bakal dikenang anak cucu kita akan datang. Justeru selaku ahli politik yang bertanggungjawab, kita harus berikrar untuk tidak terlibat dalam tindakan mengadakan ataupun memanjangkan fitnah serta kezaliman dalam usaha untuk menangani persaingan dalam lumrah perbezaan masyarakat. Biar kita bertembung dari segi dasar dan fahaman politik, namun kita kekal bersaudara dengan menjaga maruah dan harga diri sendiri. Dengan cara masyarakat melihat kita sebagai ahli politik yang matang bukannya lekeh. Pada sidang ini juga saya ingin mengambil peluang, mengutuk amalan fitnah yang berterusan yang dilakukan pada Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Ketua Pembangkang di Parlimen Malaysia, merangkap penasihat ekonomi negeri Selangor, oleh sekumpulan manusia yang telah hilang idea dan rendah akal dan budi atau jati diri. Sesungguhnya kita mesti mengesahkan peluang perubahan melalui sistem demokrasi yang ada dan bukan mengutuk proses demokrasi tersebut dengan tindakan yang jelas, menggambarkan rendahnya akal budi kemanusiaan. Saya juga nak menyatakan bahawa dengan seseorang itu menjadi Ahli Lembaga Pengarah sebuah syarikat yang kaya tidak semestinya dia mempunyai harta syarikat tersebut. Untuk kita bahaskan masa depan, kalau itu berlaku, yang sebagai contoh, Yang Berbahagia Tun Hanif Omar, Bekas Ketua Polis Negara, juga menjadi Ahli Lembaga Pengarah Genting Highland Berhad dan kalau begitu kita akan melihat kekayaannya dari segi kekayaan Genting Highland Berhad. Jadi marilah kita cuba jangan mengaitkan satu perkara yang selalunya tidak ada hubungan terus.

Tuan Speaker, Kerajaan Pakatan Rakyat bertekad melakukan reformasi. Satu daripada cara untuk menggerakkan reformasi itu ialah dengan menggubal dasar yang memberi jaminan kepada kebebasan maklumat. Sebelum ini kita telah berjaya mewujudkan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Kecekapan, Bertanggungjawab dan Ketelusan atas nama SELCAT. Untuk meneruskan usaha memastikan isu-isu kecekapan dan bertanggungjawab dan ketelusan di peringkat negeri Selangor dapat dilakukan secara profesional mengikut peruntukan perlembagaan dan undang-undang. Perbincangan ini dibuat secara terbuka, bukan saja penjawat awam tetapi Ahli Yang Berhormat juga turut dipanggil memberikan keterangan. Hari ini sejarah lagi tercipta apabila Selangor menjadi negeri yang pertama meluluskan enakmen kebebasan maklumat. (TEPUK). Ini sangat penting sebagai mercu tanda kesediaan kita

bergerak seiring dengan kemajuan teknologi berasaskan maklumat serta tuntutan ketelusan, bertanggungjawab dan urus tadbir Kerajaan yang baik. Sesungguhnya kita wajib menginsafi bahawa rakyat hari ini jauh lebih matang dari sangkaan kita dan mereka memerlukan maklumat yang benar, tepat dan cepat. Meskipun enakmen kebebasan maklumat baru sahaja diluluskan, namun Kerajaan Negeri sejak awal lagi dan tidak dalam keadaan apa sekalipun melindungi maklumat. Prinsip ketelusan pada peringkatnya yang terbaik tentulah apabila tidak berlaku salah guna kuasa dan rasuah. Di bawah tingkat itulah ruang terbuka untuk sebarang salah guna kuasa dan rasuah di dedahkan. Dengan ruang terbuka ini kita dapat menangi permasalahan secara berprinsip. Itulah yang menjadi taktik beza kerana kita tidak dapat menjadikan mana-mana dokumen dan kontroversi, dokumen dilabelkan RAHSIA RASMI, bagi mengelak daripada didedahkan dan dibawa kepada pengetahuan umum. Peristiwa 8 Mac lalu, bila juga kita diberitahu, dokumen-dokumen dibawa keluar daripada SUK., maknanya daripada pejabat ini di mansuh dan dibakar dan disorok dan tidak mungkin berlaku dalam pemerintahan Pakatan Rakyat, kerana rakyat telah menyemak semua dokumen Kerajaan sejak dari awal. Ini sebabnya Dewan yang mulia ini juga boleh merujuk laporan Yayasan Selangor dan PKNS yang kita bentangkan. Ketelusan itu telah membuatkan rakan saya daripada Yang Berhormat Sg. Burong dan dari Sri Serdang, begitu ghairah menghentam Yayasan Selangor dan PKNS. Perkara ini tak pernah berlaku pada masa lalu. Itulah sebabnya penjualan tanah oleh Yayasan dan usaha sama yang mereka lakukan tidak membawa keuntungan yang terbaik, tidak dibangkit dalam Dewan seperti sekarang. Saya tiada kompromi dengan perbelanjaan yang melampau yang dilakukan oleh Yayasan. Namun adalah lebih baik kita melihat pengurusan hartanah yang membawa kerugian puluhan juta ringgit sebelum ini dibincangkan juga.

Tuan Speaker, banyak yang diperkatakan oleh pihak pembangkang tentang urus tadbir kewangan yang baik. Yang mana Kerajaan Pakatan Rakyat yang dikatakan begitu gagal menguruskan kewangan negeri. Saya amat gembira apabila ADUN UMNO Barisan Nasional sudah mula berhujah tentang ketelusan, tentang integriti, tentang perbelanjaan yang berhemah. Sedangkan dulu perkataan-perkataan tersebut tidak ada di dalam kamus mereka. Saya juga disoal tentang perbelanjaan MBI, kerana rakan-rakan dari Sabah dan Sarawak, kerana keprihatinan Barisan Nasional, maka pegawai MBI telah dan sekarang sedang disiasat oleh SPRM. Saya ingin tegaskan di sini Kerajaan Negeri boleh meraikan tetamu dari dalam dan luar negeri, ahli-ahli parti dan ahli bukan parti. MBI telah menderma kepada mangsa banjir di dalam dan luar negeri, mangsa di Gaza, Palestin dan sebagainya. Semuanya di rekod mengikut peraturan dan peruntukan enakmen Menteri Besar Incorporated. Untuk makluman Dewan perkara ini merupakan amalan biasa sesebuah kerajaan. Namun saya agak terperanjat apabila UMNO khususnya Ketua Pembangkang, Sri Serdang mengungkit perkara ini kerana UMNO lebih teruk menggunakan wang perbelanjaan. Amalan meraikan tetamu sama ada rasmi atau tidak memang diamalkan oleh Kerajaan Negeri. Sebagai contoh pada Disember 2007, Kerajaan Barisan Nasional telah membelanjakan hampir RM 1 juta semasa lawatan Perdana Menteri ke Selangor. Contoh pentadbiran duduk di Hotel Concorde, Shah Alam, untuk hanya 'day use', RM 2,300.00 bilik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, RM492.00 untuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Dan antara lain tiga katering yang dibuat Majlis Makan Malam Bersama Rakyat di Padang Awam, Puchong Perdana. Komponen Barisan Nasional dan kakitangan RM225,000 dan ini menunjukkan butiran-butiran ini saya ada dan mula-mula saya sebagai seorang profesional tidak ingin membangkitkan perkara sebegini tetapi oleh kerana servis dah ajak bermain cara ini itulah sebabnya saya satu demi satu. Saya ada butiran lengkap mengenai pecahan perbelanjaan keseluruhannya.

Belanja Kontingensi sahaja berjumlah RM100,000 namun amat mengejutkan saya. Terdapat peruntukan makan malam bersama Parti Komponen Barisan Nasional jumlahnya RM225,000 lebih jauh daripada jumlah perbelanjaan Yayasan Selangor untuk Majlis DYMM Sultan

Selangor. Saya juga mencadangkan SPRM betul-betul telus, siasatlah perkara ini. Saya dedahkan hal ini di Dewan bukan secara tujuan tunjuk perasaan di tepi jalan. Jangan kata saya tidak buat laporan SPRM pendedahan di Dewan ini jauh lebih mulia dan memadai jika mereka mahu menyiasat. Saya akan bekalkan semua dokumen dan saya yakin Pegawai Perbadanan juga akan memberi kerjasama dalam perkara ini. Alhamdulillahlah mungkin pada Wakil Rakyat yang mewakili Barisan Nasional kini telah insaf sebab sekarang mereka mula bercakap soal perbelanjaan yang berhemah. Sekarang saya juga ingin bertanya apakah keperluan Kerajaan UMNO Barisan Nasional terdahulu membayar Institusi perkembangan Minda, Inmind sejumlah RM17,365,000 untuk program Bina Insan dan perincian dari tahun 2001 sampai 2008. Hanya pada 2008 sehingga Mac 2008 sejumlah RM17 juta telah dikeluarkan dan untuk maklumat Dewan Yang Mulia Ini Lembaga Pengarah yang seperti di dalam Web Inmind Pengerusinya Yang Berbahagia Dato' Salamon bin Selamat, Ahli Lembaga Pengarahnya Yang Berbahagia Dato' Karim bin Mansor, Yang Berbahagia Dato' Ramlan bin Othman, Yang Berbahagia Dato' Haji Zainal bin Sakom, Yang Berbahagia Dato' Mohd. Karim bin Haji Omar, Yang Berbahagia Dato' Amran bin Kasimin dan Yang Berbahagia Dato' Emran bin Kadir, Yang Berbahagia Dato' Baharum bin Kamari. Zainal Sakom adalah bekas EXCO dan ini bermakna UMNO Barisan Nasional telah membayar lebih RM17 juta kepada Syarikat yang mana salah seorang EXCO nya boleh mendapat manfaat. Untuk pengetahuan Dewan saya mendapat maklum bahawa teks Perbahasan ADUN Sg. Burong dan ADUN Seri Serdang semalam disediakan oleh Kumpulan ini. Mungkin sebagai balasan aktiviti tanggungjawab sosial CSR mereka setelah memperoleh jutaan ringgit ketika Barisan Nasional memerintah dulu. Cuma saya mahukan Yang Berhormat beritahu mereka data dan maklumat yang mereka beri kepada Dewan tidak tepat dan tersasar. Mungkin kerana mereka hanya bergantung kepada sumber rujukan media yang dikawal oleh Barisan Nasional. Saya nasihatkan Yang Berhormat jangan bayar komisen kepada mereka kerana kerja yang tepat. Sebagaimana yang saya katakan awal bicara tadi selaku wakil rakyat kita harus mengotakan apa yang kita kata jangan seperti yang selalu bercakap kepada saya cakap tak serupa bikin. Jangan yang lain kita cakap perbuatan kita yang lain. Jangan keris memperjuangkan hak Melayu konon menjaga ekuiti bumiputera tetapi dalam diam melakukan perkara yang berbeza. Janganlah Yang Berhormat Seri Serdang marah kepada Kerajaan Selangor kerana tidak telah. Jangan Yang Berhormat Seri Serdang marah kepada Kerajaan Negeri Selangor telah menolak permohonan UMNO Puchong kerana Kerajaan lama telah beri tanah ke UMNO Puchong dan mereka mahu menjual tanah tersebut kepada pembeli bukan bumiputera. Kerajaan Negeri hari ini telah menolak permohonan mereka atas alasan menjaga ekuiti bumiputera. Pengalaman Kerajaan Negeri yang diserang hebat tiga tahun dahulu dengan pelbagai dakwaan sehingga menyebabkan kematian salah seorang pembantu Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tidak sedikit mengacau Kerajaan Negeri untuk meletakkan dasar terbaik sebagai panduan gerak kerja, sebuah Kerajaan dari rakyat untuk rakyat. Dengan kebebasan maklumat mereka yang berhajat untuk menyemak imbangan Kerajaan Negeri akan memperolehi fakta kes untuk di tengah ketengahkan di samping menilai wacana muncul dalam masyarakat sama ada dia berpaksi kepada kepentingan rakyat dan negara ataupun sempit kelompok tertentu. Sambil menegakkan komitmen ini saya ingin menjelaskan kepentingan kita semua menyedari bahawa dasar ini terpakai untuk kita semua dan bukannya hanya kepada lawan politik. Prinsip persamaan sisi undang-undang jangan dicemarkan sikap telunjuk lurus kelingking berkait dalam sistem kenegaraan Malaysia. Kita mesti sentiasa dituntut untuk berbincang sebab itu dalam peruntukan perlembagaan Ketua Eksekutif seperti Perdana Menteri atau Menteri Besar mempunyai peranan menasihati dan dinasihati oleh DYMM Pertuan Agong dan DYMM Sultan. Semua mempunyai makna demokrasi yang besar dalam Perlembagaan negara kita.

Sidang Dewan Yang Saya Muliakan. Sebagai perkembangan ekonomi dunia, ekonomi negara juga dilihat berunsur pulih. Bagaimana pun kita harus menginsafi bahawa masalah ekonomi

tidak wajar dilihat pada perkembangan naik turun angka tanpa melihat ciri pemasaran yang sebenarnya menuntut penyelesaian tuntas. Di awal ucapan saya tadi saya ada sebut tentang isu Federalisma dan kepentingan mengangkat martabat profesion sebagai Ahli Politik. Dalam hal ekonomi ia mempunyai kaitan sendiri yang boleh dilihat sebagai satu lagi petunjuk kekurangan iltizam politik. Saya sentiasa mengulangi sama ada di Dewan ini atau pun di Dewan Rakyat tentang ketempangan perjalanan politik di Malaysia. Apabila Kerajaan Persekutuan mengabaikan sumbangan negeri dan memperkitarkan dalam banyak bentuk. Sebagai contoh saya nyatakan bahawa Negeri Selangor yang menjadi penyumbang utama keluar dan dalam negara kasar, dengan kadar sekitar $\frac{1}{4}$ daripada jumlah keluaran. Justeru tidak wajar pembelian semula daripada Persekutuan ke negeri jauh lebih rendah sekitar 10% dari sumbangan negeri ke Persekutuan. Selain itu Kerajaan Selangor tidak secara tuntas dalam projek-projek Persekutuan projek transit aliran masa. Sebab itu kita lihat Perancangan yang dibuat tidak mengambil lokasi yang bermasalah seperti di Petaling Jaya dan di Subang Jaya yang memerlukan penyelesaian isu kesesakan. Saya ingin menyebut di Dewan ini bahawa Kerajaan Negeri Selangor sebenarnya sentiasa bersedia dan memberi kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam menjayakan pelbagai projek yang memberi manfaat kepada rakyat. Untuk memastikan ekonomi negeri di pacu ke hadapan dengan lebih baik. Kita mesti bergerak seiring dengan prinsip-prinsip yang jelas dan keangkuhan politik bukanlah satu daripada prinsip panduan ini. Kita tidak pernah bercakap tentang jasa kerana ia adalah tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh sesiapa sahaja yang menjadi Kerajaan. Insyaallah kita akan berusaha memastikan Kerajaan Negeri Selangor terus bekerja dengan lebih kuat dan meningkatkan kepekaan dan kelancaran pengurusan untuk kemajuan negeri dan kesejahteraan rakyat.

Puan Speaker dan Ahli Sidang Dewan Yang Dihormati, meskipun telah nyata bahawa Kerajaan Negeri Selangor kini telah berjaya menunjukkan satu bentuk perbandingan kos berlepas dalam ekonomi data dan fakta yang tidak terlepas dari isu Federalisma tadi. Apa yang jelas ialah kemampuan Negeri ini lebih terbatas di banding dengan Kerajaan Persekutuan. Satu daripada bidang kuasa utama negeri ini ialah persoalan tanah. Dengan kejayaan meningkat kutipan pada tahun lalu, kita mensasarkan kutipan setinggi RM152 juta pada tahun ini. Memang sejak mula lagi Kerajaan Selangor telah berusaha meluluskan banyak permohonan tanah pada kadar premium yang direndahkan serta berpatutan. Sebenarnya tanah adalah sebahagian daripada hak pemilikan yang boleh mendorong seseorang rakyat keluar dari kemiskinan. Namun disebabkan berlakunya perubahan teknologi di samping ruang simpang data. Kerajaan Negeri akan memastikan kewujudan bank data tanah untuk membolehkan data untuk diperlukan diakses atau pun didapati lebih mudah di samping usaha merancang pembangunan setara di seluruh kawasan Negeri Selangor. Tanah terbaik ialah diusahakan bukan ditinggal sahaja tanpa pengusahaan. Ini menjelaskan bahawa hal perkhidmatan awam ini menentukan dah menjelaskan bahawa hal perkhidmatan awam yang cekap dan sentiasa mendapat diakses atau pun dapat ditemui memerlukan kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan. Begitu juga isu pengurusan air dan alam sekitar misalnya perancangan kebersihan serta penyelidikan hutan dan pertanian. Berhubung dengan sistem keadilan dan pencegahan jenayah yang adil dan bersih. Saya ingin menyebut beberapa pentingnya masalah yang di kerana memberi kesan secara tidak langsung kedudukan Selangor dalam destinasi pelaburan utama Malaysia. Dalam konteks ekonomi kita boleh menunjuk laporan indeks kebebasan ekonomi 2011 yang menerangkan lembahnya masalah korporat melibatkan undang-undang ditandatangani. Kekurangan penguatkuasaan undang-undang serta prinsip bahawa Mahkamah boleh dipengaruhi oleh politik. Membawa para pelabur bimbang dengan kos yang akan meningkat dipihak mereka.

Ahli-ahli Yang Berhormat dan Sidang Dewan Yang Mulia.

Kerajaan Negeri Selangor maklum ada pelbagai dokumen berkaitan agenda Kemajuan Selangor. Namun dokumen yang ada melibatkan perancangan jangka masa panjang atau sederhana. Maka satu usaha telah dibuat pada tahun lalu untuk membolehkan jangka panjang atau sederhana di teliti dalam konteks iaitu 3 tahun. Ini penting kerana situasi ekonomi tidak tentu perlu diberi perhatian dan menjadikan segala perancangan yang pernah dibuat dapat disemak sekali gus menentukan keutamaan boleh dicapai dari masa ke semasa. Kerenah birokrasi sebagaimana yang disebut oleh DYMM Tuanku Sultan dalam titah baginda iaitu isu memerlukan satu reformasi menyeluruh dalam sistem pentadbiran Kerajaan dan ke perhatian ini memerlukan komitmen para penjawat awam untuk membuktikan bahawa ia dapat dilaksanakan sesuai dengan kepantasan maklumat yang menjadi semangat zaman ini. Kerajaan Negeri amat berterima kasih kepada penjawat awam yang telah memberi kerjasama baik dan profesional dalam menggalas tugas mereka. Dengan sikap profesionalnya yang ditunjukkan banyak ini yang dibincangkan dalam mesyuarat dan pelaksanaan program kerajaan dapat dicapai dengan cara terbaik. Saya percaya tidaklah bererti tidak ada penambahbaikan yang boleh dibuat. Apa yang diperlukan ialah sikap terbuka untuk menilai semua seluruh proses yang berlangsung dan melihat peluang di mana peluang mengurangkan birokrasi dapat dibuat tanpa mengabaikan prinsip-prinsip *trust* yang memandu urus tadbir kerajaan yang baik. Penjawat awam ialah tulang belakang pentadbiran negara yang signifikan menentukan segala dasar kerajaan dilaksanakan dan dirasai oleh semua pihak. Dewan yang saya muliakan, dengan berakhirnya sidang ini saya ingin mengajak diri saya dan kita semua yang menganggotai sidang Dewan ini untuk selalu memperbaiki diri memastikan tempoh singkat dan amanah yang diberi dapat dilaksanakan dengan baik. Selaku Menteri Besar Kerajaan Negeri saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua setiap individu yang membentuk jentera kerajaan dan rakyat di segenap negeri ini untuk setiap doa dan komitmen mewujudkan satu kerajaan negeri yang bermartabat sesuai dengan landasan sistem yang dipakai oleh negara di samping usaha berterusan menambah baikinya. Insya-Allah tahun ke 4 pasca pilihanraya ke 12 ini akan diharungi dengan tekad dan kesungguhan lebih besar untuk memberi khidmat terbaik dan adil kepada semua. Marilah kita bersama-sama mendoakan dan mengusahakan yang terbaik untuk masa depan Negeri Selangor yang tercinta ini.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sebelum saya menangguhkan persidangan ini ingin saya mengambil peluang dan kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan di atas kerjasama yang diberikan bagi melicinkan perjalanan Mesyuarat Pertama Pembukaan Persidangan Penggal Ke 4 kali ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Setiausaha, Penolong Setiausaha Dewan, urusetia-urusetia, pelapor-pelapor, semua petugas-petugas yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung di atas komitmen dan kesungguhan semua dalam memastikan perjalanan mesyuarat kali ini berjalan dengan lancar. Kepada semua Yang Berhormat, sila semak Draf Penyata yang telah diedarkan dan yang akan diedarkan berkaitan dengan ucapan-ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula kepada pentadbiran Dewan dengan kadar segera jika terdapat pindaan ataupun pembetulan agar Penyata Rasmi ini dapat disediakan dan diedarkan segera kepada Yang Berhormat sekalian. Dengan ini saya menangguhkan persidangan hari ini hingga ke satu masa yang akan ditetapkan nanti. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang)